

BAB KEDUA

BAB 11

LANDASAN TEORI

1. DAKWAH QURAN KEPADA ORANG BUKAN ISLAM

Kajian berhubung dengan dakwah Quran kepada orang bukan Islam membabitkan dua persoalan, iaitu bagaimanakah pendekatan dakwah Quran kepada orang bukan Islam dan apakah matlamat dakwah Quran kepada orang bukan Islam?

Kajian berhubung dengan persoalan pertama, iaitu bagaimanakah pendekatan dakwah Quran kepada orang bukan Islam membahaskan dua perkara. Pertama, berhubung dengan pendekatan isi dan kedua, berhubung dengan pendekatan bentuk penyampaian. Oleh kerana Quran itu Kalām Allah, maka pendekatan media atau pendekatan saluran tidak ada di dalam pembahasan ini. Sebabnya, kerana kandungan Quran pada masa Nabi Muhammad (s.a.w.) disampaikan kepada sasaran melalui lisan sahaja.

Sebelum dikaji pendekatan isi dan bentuk atau cara penyampaian dakwah Quran kepada orang bukan Islam, perlulah dibincangkan terlebih dahulu tentang latar belakang kepada pendekatan tersebut, iaitu:

- a. Sasaran Asas Pendekatan.

b. Masyarakat Sasaran Semasa Quran Diturunkan.

a. Sasaran Asas Pendekatan

Kajian tentang pendekatan dakwah tidak dapat dipisahkan dengan kajian terhadap sasaran dakwah, kerana keadaan sasaran boleh menentukan keadaan pendekatan.

Dr. 'Abd al-Karīm Zaidān menjelaskan: "Pendekatan dakwah yang berjaya itu bermula dengan mengenalpasti penyakit ¹ yang dialami oleh sasaran, kemudian mengetahui apa ubatnya".²

Oleh kerana penyakit seseorang itu biasanya berbeza, maka pendekatan juga turut berbeza.

Kalau dikaji Quran, terdapat banyak ayat yang menjelaskan tentang pendekatan dakwah. Tetapi, ayat yang paling utama yang menjadi asas dalam perkara ini ialah firman Allah yang bermaksud:

1 Yang dimaksudkan dengan penyakit ialah tidak beriman dengan Allah dan beramal dengan agama-Nya, sebagaimana yang dibawa oleh Rasul-Nya (s.a.w.).

Dr. 'Abd al-Karīm Zaidān, Uṣūl al-Da'wah, Maktabah al-Manār al-Islāmiyah, t.k. 1976 / 1396, hal. 405

2 Ibid. hal. 404

"Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muham-mad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berba-haslah dengan mereka (yang engkau seru-kan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dialah jug yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat pertunjuk."

(al-Nah'l 125).

Berhubung dengan ayat tersebut Sayyid Qutb menjelaskan bahawa ia merupakan asas dakwah yang menjadi panduan yang mesti diikuti oleh setiap pendakwah. Pertama, dengan hikmah, iaitu dengan melihat kepada keadaan sasaran dan suasana mereka, kadar yang perlu supaya tidak memberatkan mereka dan tidak menyusahkan mereka sebelum mereka bersedia, cara penjelasan dan kepelbagaian mengikut keperluan dan jangan sekali-kali berdasarkan semangat yang boleh terkeluar daripada hikmah. Kedua, dengan nasihat yang baik yang boleh menyelinap ke dalam perasaan dengan lembut, jauh sekali dari kekerasan. Adapun ketiga, iaitu perbahasan yang baik ialah perbahasan yang tidak ada cacian dan merendah-rendahkan pihak lain, sehingga difaham perbahasan seperti itu bukan untuk mencari kemenangan, tetapi untuk sampai kepada kebenaran.

3

³ Sayyid Qutb (1909 - 1966 M. = 1327 - 1386 or 85 H.), FI Zilāl al-Qur'ān, Dār al-Shuruq, Beirut / al-Qāhirah, 1977 / 1397, muj. 4, hal. 2201-2202

Dr. Raūf Shalabī pula menjelaskan bahawa cara hikmah, nasihat yang baik dan perbahasan yang baik merupakan pendekatan (uslūb) dakwah Rasulullah (s.a.w.)⁴ pada semua peringkat sasarannya.

Keterangan-keterangan tersebut menunjukkan bahawa pendekatan dakwah itu berbeza-beza berdasarkan perbezaan sasaran. Setiap pendakwah harus mengetahui apa dia masalah sebenar yang dihadapi oleh sasaran, sebelum dia memulakan usaha dakwahnya.

Atas alasan tersebut, maka sebelum dikaji bagaimana pendekatan dakwah Quran kepada orang bukan Islam, perlu dibahaskan terlebih dahulu keadaan masyarakat sasaran semasa Quran diturunkan.

b. Masyarakat Sasaran Semasa Quran Diturunkan

Yang dimaksudkan dengan masyarakat sasaran semasa Quran diturunkan ialah masyarakat manusia di sekitar kelahiran Nabi Muhammad (s.a.w.) (570 M.), iaitu pada pengakhir abad ke-6 dan awal abad ke-7. Masyarakat pada ketika itu lebih dikenali dengan nama

4 Raūf Shalabī, Sīkōlōjīyah al-Ra'y wa al-Da'wah, Dār al-Qalam Kuwait, 1982 M. / 1402 H. hal. 263

masyarakat jahiliah. Skop masyarakat jahiliah lebih ditujukan kepada masyarakat Arab di Semenanjung Tanah Arab, terutamanya masyarakat Mekah dan masyarakat persekitarannya. Ini kerana di dalam masyarakat tersebut terkumpul bermacam-macam kepercayaan dan ragam kelakuan manusia yang kemudian menjadi objek secara langsung kepada dakwah Islam yang mula-mula. Dengan itu, masyarakat Arab jahiliah, khususnya masyarakat Mekah menjadi objek utama perbincangan di sini.

Masyarakat jahiliah di Semenanjung Tanah Arab berada di tengah-tengah dua empayar, iaitu Empayar Farsi dan Empayar Rom.⁶ Orang Farsi percaya kepada God of nature, seperti kepada matahari, langit dan api. Mereka memuja dan memberikan persembahan

5 Yang dimaksudkan dengan masyarakat jahiliah ialah masyarakat yang tidak mengikut peraturan Allah dalam kehidupan mereka, mereka tidak menggunakan akal fikiran, sompong dan pemarah.

Dr. Jawād 'Alī, Al Mufassal fī Tārīkh al-'Arab qabl al-Islām, Dār al-'Ilm lil-Malāyīn Beirut/Maktabah al-Nahdah Baghdād, 1968, jil. 1, hal. 40

Muhammad Qutb, Jāhilīyah al-Qarn al-'Ishrīn, Maktabah Wahbah al-Qāhirah, 1964, hal. 9

6 Kerajaan yang menjadi tapak empayar ini lahir kira-kira tahun 700 S.M. dan empayar ini mula berakhir kira-kira tahun 641 M. World Book Inc. The World Book Encyclopedia, World Book Inc. Chicago, 1985, vol. 15, hal. 262c dan 262a

7 Kerajaan yang menjadi tapak empayar ini bermula kira-kira tahun 509 S.M. dan empayar ini berakhir kira-kira tahun 1453 M. Ibid, vol. 16, hal. 390 dan hal. 393-394

8

kepada benda-benda tersebut. Manakala orang Rom menganggap agama Kristian.⁹

Di Semenanjung Tanah Arab sendiri, iaitu di kawasan selatan dan utara telah timbul dan lenyap silih berganti beberapa kerajaan Arab sejak zaman berzaman.

Di selatan Semenanjung, iaitu di Yaman, lahir beberapa kerajaan, yang pentingnya ialah kerajaan Ma'in (1200-650 S.M.), kerajaan Saba' (950-115 S.M.)¹⁰ dan kerajaan Himyar (115 S.M. - 525 M.). Kepercayaan dan agama mereka ialah memuja dan menyembah bulan dan matahari.¹¹

Manakala di sebelah utara pula lahir beberapa kerajaan yang pentingnya ialah kerajaan Nabaten (400 S.M. - 108 M.), kerajaan Tadmur (25 S.M. - 271 M.), kerajaan Hirah (271 M. - 628 M.) dan kerajaan Ghassan (271 M. - 630 M.).

8 Ibid., vol. 15, hal. 262b

9 Ibid., vol. 16, hal. 388

10 Darār Ṣāleḥ Darār, al-'Arab min Ma'īn ilā al-Amawīyah, Maktabah al-Hayah, Beirut, 1978, hal. 16-24

11 Isma'il R. al Faruqi and Lois Lamya' al Faruqi, The Cultural Atlas of Islam, Macmillan New York/ Collier Macmillan London, 1986, hal. 13

12 Dr. Haji Abdulmalik Karim Amrullah (Hamka), Sejarah Umat Islam, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1980, hal. 43
Selepas ini disebut Hamka sahaja.

Berhampiran dengan Mekah, iaitu bandar utama yang menjadi sasaran dakwah pada peringkat permulaan terdapat ¹³ dua buah bandar yang penting, iaitu Yathrib dan Taif. Penduduk Yathrib yang terdiri daripada orang-orang Arab dan Yahudi sentiasa bermusuhan antara kedua-dua bangsa dan antara sesama mereka, disebabkan rebutan ¹⁴ kepimpinan. Orang Arab Yathrib sama seperti orang Arab lain, menganuti kepercayaan keberhalaan. Mereka memuja ¹⁵ dan menyembah patung-patung berhala.

Adapun Taif, didiami oleh majoriti orang-orang Arab yang terdiri dari berbagai-bagai suku kaum. Namun, Taif juga tidak sunyi daripada pergolakan kerana ¹⁶ rebutan kepimpinan.

Penduduk Taif juga menganut kepercayaan keberhalaan. Taif merupakan pusat penyembahan yang kedua ¹⁷ besarnya di Semenanjung Tanah Arab selepas Mekah.

13 Selepas perpindahan Nabi (s.a.w.) dari Mekah ke Yathrib (622 M.), bandar Yathrib ditukar kepada "al-Madīnah al-Munawwarah".

14 Dr. Jawād 'Alī, op. cit. jil. 4, hal. 138-139 dan jil. 6, hal. 533

15 Ibid. jil. 4, hal. 131

16 Ibid. hal. 147 dan 151

Dr. al-Sayyid 'Abd al-'Azīz Sālim, Tārīkh al-'Arab qabl al-Islām (1), Mu'assasah Shabāb al-Jāmi'ah al-Iskandariyah t.t. hal. 328

17 Ibid. hal. 329

Mekah

Mekah merupakan tempat suci yang terpenting bagi orang Arab. Ia menjadi pusat kepada orang yang menganut kepercayaan penyembahan patung berhala. Orang Arab yang tinggal di merata-rata tempat datang ke Mekah untuk tujuan pemujaan.¹⁸

Ahmad Amin menjelaskan bahawa Mekah juga merupakan pusat perdagangan orang Hijaz.¹⁹ Ketika perseteruan antara Rom dengan Farsi sampai ke kemuncaknya, iaitu pada akhir abad ke-6, Mekah merupakan pusat perdagangan yang terbesar di rantau itu. Orang Rom banyak bergantung kepada perdagangan Mekah.²⁰

Kepercayaan Orang Arab Jahiliah

Sudut yang paling penting untuk melihat bagaimana-kah keadaan masyarakat Arab jahiliah ialah yang berhubung dengan kepercayaan, kerana dari kepercayaanlah

18 Darār Sāleḥ Darār, op. cit. hal. 34

19 Hijaz ialah satu kawasan di Arab Saudi yang luasnya lebih kurang 400,000 kilometer persegi. Bandar Mekah merupakan pusat bagi kawasan ini. Sempadan Hijaz di sebelah utara ialah Teluk 'Aqabah, di sebelah selatan ialah 'Asir (di utara Yaman), di sebelah barat ialah Laut Merah dan di sebelah timur ialah Najd.

Butras Harfūsh, Al-Munjid fī al-A'lām, Dār el-Mashreq Beirut 1976, hal. 229

20 Ahmad Amīn, Fajr al-Islām, Maktabah al-Nahdah al-Misriyah al-Qāhirah, 1975, hal. 13

bermulanya segala tindak tanduk manusia, khususnya kepercayaan-kepercayaan yang bersangkut paut dengan perkara-perkara yang ghaib.

Kalau dikaji taburan kepercayaan dalam masyarakat Arab jahiliah didapati ia terbahagi kepada beberapa sistem kepercayaan. Ada kepercayaan penyembahan patung berhala. Ada agama Yahudi. Ada agama Kristian. Ada golongan yang tidak mempercayai kebangkitan semula. Ada kepercayaan majusi. Ada golongan hanīf. Ada golongan yang memuja cakerawala, dan ada lain-lain lagi.

Abū al-Hasan 'Alī ibn al-Hussein ibn 'Alī al-Mas'ūdī menjelaskan mengenai kepercayaan orang Arab bahawa ia terbahagi kepada beberapa kumpulan agama. Ada yang mempercayai adanya pencipta alam ini, mempercayai kebangkitan semula dan mempercayai pembalasan dosa dan pahala. Ada yang mempercayai adanya pencipta alam ini, mempercayai kebangkitan semula, tetapi menolak kerasulan dan mempercayai patung-patung berhala. Ada yang mengakui adanya pencipta, tetapi menolak kerasulan dan kebangkitan semula (Ahl al-Dahr). Ada yang cenderung kepada agama Yahudi dan ada pula yang cenderung kepada agama Nasrani. Ada yang memuja malaikat dengan mempercayai malaikat itu anak-anak Tuhan, yang dijadikan seba-

21
gai perantaraan kepada Tuhan.

Jawād 'Alī pula menerangkan bahawa orang Arab jahiliah menganuti bermacam-macam kepercayaan. Ada yang mempercayaai wujudnya pencipta alam ini dan beriman kepada tauhid. Ada yang percayakan Allah tetapi menyembah patung-patung dengan sangkaan melalui patung-patung itu dapat mendampingkan diri dengan Allah. Ada yang menyembah patung-patung dengan sangkaan patung-patung itu dapat memberikan manfaat dan mudarat. Ada yang menganut agama Yahudi dan ada pula yang menganut agama Nasrani. Ada yang menganut agama majusi dan ada pula yang tidak mempercayai apa-apa. Menurutnya, masyarakat jahiliah yang mempercayai kebangkitan semula adalah kecil sahaja. Bagi ahli sejarah, kerana kepercayaan kepada kebangkitan semula inilah maka ada orang yang mengikat unta di atas kubur seseorang yang mati. Unta itu dibiarkan di situ tanpa diberikan makanan dan minuman, sehingga ia mati kekeringan. Mengikut kepercayaan mereka, di atas unta inilah si mati itu dihimpunkan di akhirat nanti.

22

21 Abū al-Hasan 'Alī ibn al-Husain ibn 'Alī al-Mas'ūdī (m. 956 M. = 346 H.), Murūj al-Dhahab wa Ma'ādin al-Jawhar, Dār al-Kitāb al-Lubnānī 1982 M. / 1402 H. jil. 1, hal. 439
Selepas ini disebut al-Mas'ūdī sahaja.

22 Jawād 'Alī, op. cit. jil. 6, hal. 34 dan 133

Abū al-Fath Muḥammad ibn ‘Abd al-Karīm ibn Abī Bakr Āḥmad al-Shahrastānī berpendapat bahawa dari sudut ketuhanan, kebangkitan dan kerasulan, orang Arab jahiliah terbahagi kepada tiga golongan. Golongan pertama, menolak adanya pencipta alam ini dan menolak kebangkitan semula. Golongan kedua, memperakui wujudnya pencipta, tetapi menolak kebangkitan semula. Golongan ketiga, memperakui adanya pencipta dan sebahagian kebangkitan semula, tetapi menolak kerasulan. Di samping itu, golongan ini juga menyembah patung berhala.²³

Dari beberapa fakta sejarah yang dipaparkan itu dapat disimpulkan bahawa dari sudut asas akidah, iaitu kepercayaan kepada adanya pencipta alam ini dan kepercayaan kepada kebangkitan semula, orang Arab jahiliah berpecah tiga. Ada golongan yang mempercayai kedua-duanya, ada golongan yang mempercayai yang pertama sahaja tidak yang kedua dan ada golongan yang tidak mempercayai kedua-duanya.

Adapun yang berhubung dengan pecahan keagamaan, secara kasarnya masyarakat Arab jahiliah terbahagi kepada kepercayaan keberhalaan, agama Yahudi, agama

²³ Abū al-Fath Muḥammad ibn ‘Abd al-Karīm ibn Abī Bakr Āḥmad al-Shahrastānī (479-548 H. = 1086 or 87-1153 or 54 M.), Al-Milal wa al-Nihāl, Tahqīq Muḥammad Sayyid Kaylānī, Dār al-Ma’rifah Beirut 1395 H. - 1975 M., jil. 2, hal. 235-236
Selepas ini disebut al-Shahrastānī sahaja.

Nasrani, golongan mulhid, golongan al-hunafā' dan kepercayaan majusi.

i. Kepercayaan Keberhalaan

Orang Arab memuja dan menyembah benda-benda, terutamanya yang berbentuk patung berhala, kerana ia dianggap sebagai tuhan. Tetapi, konsep tuhan bagi orang Arab jahiliah berkisar di dalam satu kefahaman yang tertentu. Tuhan bagi mereka ialah benda-benda yang dipercayai boleh mempengaruhi kehidupan mereka, iaitu yang dipercayai boleh mendatangkan kebaikan atau menolak keburukan.

'Abd al-'Azīz Sālim menjelaskan bahawa orang Arab jahiliah menyembah patung berhala kerana mereka mempercayai bahawa ia dapat menurunkan hujan apakala diminta dan mengalahkan musuh-musuh.²⁴

Jawād 'Alī pula menyebut bahawa sebab penting kenapa masyarakat dahulu (masyarakat Arab jahiliah) mempunyai banyak tuhan ialah kerana dorongan keadaan politik. Setiap kabilah memerlukan tuhan-tuhan yang boleh menjaga mereka daripada musuh dan memberikan kemenangan apakala berperang. Jika mereka kalah dalam sesuatu perperangan, mereka mencari tuhan lain.

²⁴ 'Abd al-'Azīz Sālim, op. cit. hal. 417

Mereka berbuat demikian kerana pada anggapan mereka bahawa tuhan yang terdahulu lemah. Ia tidak dapat mempertahankan musuh. Maka bertambahlah tuhan-tuhan mereka.

25

Tuhan di dalam agama orang Arab jahiliah adalah tuhan tempatan, iaitu hanya sama ada tuhan kabilah atau tuhan tempat. Tuhan pada pandangan mereka ialah pengawal kabilah dan pengawal tempat, yang mempertahankan mereka pada ketika aman dan perang.

26

Mohd Mokhtar Shafii menjelaskan bahawa tuhan bagi orang Arab jahiliah dikaitkan dengan keperluan harian mereka. Dengan yang demikian, bentuk tuhan dan pemujaan mengikut tempat tinggal dan pekerjaan mereka. Di kawasan pertanian, ramai yang menyembah matahari, kerana menganggap ia memberikan sumber kehidupan. Ada yang memuja pokok, kerana darinya mereka mendapat makanan.

27

Manakala yang memuja dan menyembah patung-patung pula, kerana mereka mempercayai patung-patung itu dapat mengawal mereka dari balak.


28

25 Jawād 'Alī, op. cit. jil. 6, hal. 42

26 Ibid. hal. 185

27 Mohd Mokhtar Shafii, Sebelum Dan Sesudah Wahyu, Elman, Kuala Lumpur, 1988, hal. 79

28 'Abd 'Azīz Salim, op. cit. hal. 406



Abū al-Mundhir Hishām ibn Muhammād ibn al-Sāib al-Kalbī menerangkan bahawa anggapan tuhan bagi masyarakat jahiliah sangat mudah terjadi. Contohnya, apabila mereka berjalan jauh (musafir) dan berhenti di suatu tempat, maka dipungutnya empat ketul batu. Batu yang paling baik sekali dijadikan tuhan dan yang tiga lagi dijadikan tungku untuk memasak. Apabila mereka meneruskan perjalanan, ditinggalkan tuhan itu. Begitulah keadaannya setiap kali mereka berhenti.
29

Patung-patung berhala merupakan tuhan-tuhan yang utama bagi masyarakat Arab jahiliah. Patung-patung berhala memainkan peranan yang besar di dalam kehidupan mereka.

Shalabī menjelaskan bahawa patung adalah lambang kepada sesuatu kabilah, kerana patung mengawal kabilah dan tempat. Patung menolak balak dan memberi kemenangan di dalam sesuatu peperangan. Melalui patung ditentukan sesuatu pekerjaan, sama ada boleh dilakukan ataupun tidak. Patung menyatupadukan kabilah, kerana masing-masing anggota kabilah berteduh di bawah pemujaan patung-patung dan sama-sama mengikut arahan

29 Abū al-Mundhir Hishām ibn Muhammād ibn al-Sāib al-Kalbī (m. 204 H. = 819 or 820 M.), Kitāb al-Asnām, bi Tahdīq al-Ustadh Aḥmad Zakkī Bāshā, Dār al-Kutub al-Miṣrīyah, al-Qāhirah, 1343 H. – 1924 M. hal. 33
Selepas ini disebut ibn al-Kalbī sahaja.

30

patung-patung yang dilakukan oleh ahli agama yang menerangkan hukum-hukum dan perintah-perintah dari tuhan. Patung sebagai perantaraan yang utuh dengan Allah untuk meminta syafaat-Nya. Dengan itu, patung-patung berhala terdapat di mana-mana di kalangan
 31
 masyarakat jahiliah.

Ibn al-Kalbi menyebut bahawa ada beberapa patung utama yang dipuja dan disembah oleh orang Arab jahiliah. Patung-patung tersebut ialah al-Lāta, al-'Uzzā, Manāta dan Hubal. Orang Arab jahiliah percaya bahawa al-Lāta, al-'Uzzā dan Manāta adalah anak-anak perempuan Allah yang boleh memberikan syafaat kepada orang
 32
 yang memujanya.

Adapun tentang Allah itu sendiri, orang Arab jahiliah mempercayai kewujudan-Nya dengan segala sifat

30 Yang dimaksudkan ahli agama ialah orang yang berkhidmat kepada patung-patung berhala yang mendakwa bahawa mereka adalah jurucakap tuhan-tuhan. Mereka menjaga rumah-rumah pemujaan dan tempat-tempat yang dianggap suci dan mengenakan peraturan-peraturan bagi tempat-tempat tersebut.

Jawad 'Ali,³⁰ op. cit. jil. 6, hal. 212
 31 Shalabi, Mawsu'ah al-Tarikh al-Islami wa al-Hadrah al-Islamiyah (1), Maktabah al-Nahdah al-Misriyah al-Qahirah 1983 / 1984, hal. 169 dan Jawad 'Ali,
 op. cit. jil. 6, hal. 212 dan 185

32 Ibn al-Kalbi, Kitab al-Asnām, op. cit. hal. 13-19 dan 27

keagungan dan kebesaran-Nya. Tetapi, kepercayaan tersebut hanya pada teorinya sahaja. Sedangkan pada praktis dan amalan harian mereka, mereka membelakangkan Allah³³ dan seolah-seolah tidak mempercayai-Nya.

Selain daripada itu, ada orang Arab yang memuja dan menyembah cakerawala, seperti matahari, bulan dan bintang Zahrah.³⁴

Dr. Muḥammad Ibrāhīm al-Fayyūmī menjelaskan bahawa golongan ini menyanjung dan membesarluaskan bintang-bintang lebih daripada had, sehingga sampai kepada pemujaan dan penyembahan. Mereka menjadikan sesetengah bintang sebagai perantaraan di dalam memohonkan hajat, menggunakan ilmu-ilmu bintang dalam menentukan sesuatu perkara, sihir, nujum dan sebagainya.³⁵

Mengikut Dr. Shawqī Daif bahawa pemujaan bintang-bintang merupakan pusaka lama dari golongan yang memuja cakerawala. Ia pada asalnya dibawa oleh orang Arab selatan. Mereka menggambarkan tiga tuhan suci, ia-

³³ Muḥammad Jawād Maghnīyah, al-Tafsīr al-Kāshīf, Dār al-‘Ilm lil-Malāyīn, Beirut, 1970, muj. 7, hal. 168
Selepas ini disebut Maghnīyah sahaja.

³⁴ ‘Abd al-‘Azīz Sālim, op. cit. hal. 426-427

³⁵ Muḥammad Ibrāhīm al-Fayyūmī, FI al-Fikr al-Dīnī al-Jāhilī qabl al-Islām, ‘Ālam al-Kutub al-Qāhirah 1979, hal. 112-113
Selepas ini disebut al-Fayyūmī sahaja.

itu Wad (bulan), al-Lātā (matahari) dan al-‘Uzzā³⁶ (bintang Zahrah).

Dari keterangan-keterangan tersebut dapat disimpulkan bahawa peranan patung dalam masyarakat Arab jahiliah sangat besar. Kepercayaan dan pemujaan terhadap patung berhala dan sebagainya yang dianggap tuhan oleh masyarakat jahiliah, disebabkan oleh kepentingan kehidupan, sama ada untuk kepentingan peribadi atau kepentingan kumpulan. Benda-benda yang dianggap dapat memenuhi kemahuan mereka, dijadikan tuhan, dipuja dan disembah. Dengan itu, tuhan bagi masyarakat jahiliah amat banyak.

Selain daripada kepercayaan yang berbentuk ketuhanan, orang Arab jahiliah juga mempercayai benda-benda ghaib, seperti hantu, jin dan malaikat.

Al-Mas’ūdī menjelaskan bahawa orang Arab mempercayai bahawa hantu itu merayau-rayau di padang-padang pasir dan boleh berupa bermacam-macam rupa. Hantu boleh menyesatkan seseorang, kerana hantu boleh membawa seseorang ke mana yang ia mahu.³⁷

³⁶ Shawqī Daif, Al-‘Asr al-Jāhilī, Dār al-Ma’arif bi Misr al-Qāhirah, t.t. hal. 89

³⁷ Al-Mas’ūdī, op. cit. jil. 1, hal. 465

Jawād 'Alī pula menjelaskan bahawa mengikut kepercayaan orang Arab jahiliah, hantu merupakan antara benda ghaib yang merbahaya kepada masyarakat, kerana ia boleh menipu dan memudaratkan manusia.

Kepercayaan kepada jin lebih kuat dan lebih mendalam daripada kepercayaan kepada hantu di kalangan masyarakat Arab jahiliah. Ada sesetengah orang Arab mempercayai peranan yang dimainkan oleh jin lebih besar daripada peranan yang dimainkan oleh tuhan. Keadaan tersebut jelas, kerana sesetengah kerja yang dilakukan disandarkan kepada jin, tanpa disandarkan kepada tuhan-tuhan. Dengan itu mereka memuja dan menuntut keredaan jin lebih daripada mereka memuja tuhan-tuhan. Jin dipercayai dapat menyakiti seseorang dan mengenakan penyakit-penyakit. Dengan itu keredaan jin adalah perlu bagi melindungi daripada balak-balak tersebut.

Orang Arab jahiliah juga mempercayai yang malaikat merupakan roh-roh ghaib. Ada di kalangan orang jahiliah yang memuja dan menyembah malaikat. Mereka mempercayai bahawa malaikat itu anak-anak Allah.

38 Jawād 'Alī, op. cit. jil. 6, hal. 728

39 Ibid. jil. 6, hal. 709

40 Ibid. hal. 737-738

Orang Arab jahiliah juga suka mengamalkan perbuatan-perbuatan yang berunsurkan benda-benda ghaib seperti sihir dan nujum. Kepercayaan dan amalan sihir berlaku secara meluas di kalangan masyarakat jahiliah. Namun, kebanyakannya amalan sihir datang dari kalangan orang Yahudi.

Badr al-Dīn Abī Muḥammad Maḥmūd ibn Aḥmad al-‘Aynī menjelaskan bahawa nujum merupakan satu amalan yang sangat popular pada masa jahiliah, terutamanya di kalangan orang Arab.

Jawād ‘Alī menyebut bahawa mengikut kepercayaan orang Arab jahiliah bahawa ahli nujum menerima wahyu atau ilham perkhabaran dari "syaitan nujum" yang mencuri rahsia di langit dan dia memberitahunya ahli nujum. Ahli nujum adalah orang yang diminta nasihat dan pandangan di dalam sesuatu perkara di kalangan masyarakat Arab jahiliah.

Kepercayaan khurafat kepada sesuatu benda, iaitu kepercayaan yang tidak berasas dan anggapan yang bukan-

41 Ibid. jil. 6, hal. 740

42 Badr al-Dīn Abī Muḥammad Maḥmūd ibn Aḥmad al-‘Aynī (m. 855 H. = 1451 M.), ‘Umdah al-Qāri, Dār al-Fikr Beirut t.t. jil. 21, hal. 275
Selepas ini disebut al-‘Aynī sahaja.

43 Jawād ‘Alī, op. cit. jil. 6, hal. 758 dan 763

bukan, sama ada sempena baik, sempena buruk atau lain-lain mendapat tempat di kalangan orang Arab jahiliah.

Mengikut Shawqī Daif bahawa kepercayaan tersebut berdasarkan kepada kebanyakan orang Arab yang berfikir cara Totemism iaitu menjadikan binatang-binatang tertentu sebagai pengawal dan pelindung daripada bahaya. Binatang-binatang tersebut seperti anjing, kerbau jantan, musang betina dan lain-lain. Keadaan ini berpunca dari kepercayaan mereka bahawa ada sesetengah binatang, tumbuhan dan sebagainya mempunyai kekuatan tersembunyi.

44

Berdasarkan segala keterangan yang telah disebutkan, dapat disimpulkan bahawa patung berhala memainkan peranan yang besar di dalam masyarakat Arab jahiliah. Patung-patung berhala dianggap tuhan atau ada hubungan dengan Tuhan. Namun konsep tuhan bagi masyarakat jahiliah ialah setiap benda yang difikirkan dapat memberikan faedah kepada mereka dan dapat menolak balak. Sesetengah binatang, bintang, tumbuhan dan sebagainya diperdayai mempunyai kekuatan roh di sebaliknya. Dengan itu, benda-benda itu dijadikan pelindung mereka, dipuja dan diberikan persembahan. Di samping itu, amalan sihir, nujum dan kepercayaan khurafat menjadi-jadi. Sempena baik atau buruk pada

sesuatu benda diikuti dengan sepenuhnya.

ii. Agama Yahudi

Terdapat sebilangan orang Yahudi di dalam masyarakat Arab jahiliah. Mereka tinggal di beberapa tempat antara Palestin dan Yathrib. Mereka juga tinggal di Yaman dan Yamamah (sebuah kawasan di tengah-tengah Semenanjung Tanah Arab). Orang Yahudi dari golongan peniaga juga terdapat di Mekah, di samping di tempat-tempat lain.⁴⁵

Orang Yahudi mempercayai tuhan yang satu sahaja.⁴⁶
Tuhan merupakan pencipta alam yang telah memilih orang Israel dengan kasih sayang yang digambarkan dengan turunnya Kitab Taurat (Torah). Untuk menjelaskan kasih sayang tuhan itu ditunjukkan dengan cara mengikuti Taurat dengan kasih sayang dan dengan ketaatan yang

45 Jawād 'Alī, op. cit. jil. 6, hal. 511

46 World Book Inc. op. cit. vol. 11, hal. 143

47 Israel ialah bangsa Israel yang berasal dari keturunan Yakob. Manakala Yahudi ialah suku bangsa Israel keturunan Yehuda, iaitu anak ke empat Yakob. Namun, masa-masa akhir ini antara Yahudi dan Israel tidak banyak bezanya. Kedua-duanya saling dipakai untuk satu sama lain.

Hassan Shadily dkk, ensiklopedia indonesia, Ichtimar Baru - Van Hoeve Jakarta 1983, vol. 7, hal. 3959 dan vol. 1, hal. 392

dibalas baik dan penderhakaan yang dibalas buruk.

Orang Yahudi, kadangkala disebut "Manusia Pilihan" (Chosen People), iaitu Tuhan memilih mereka melaksanakan tugas istimewa.⁴⁹ Mengikut agama Yahudi, orang Yahudi merupakan umat pilihan Allah.⁵⁰

Bagi orang Yahudi, ada perbezaan yang besar antara roh orang Yahudi dengan roh orang bukan Yahudi. Dalam hal ini, Shawqī 'Abd al-Nāṣir menyebut bahawa dalam pengajaran agama Yahudi menjelaskan bahawa roh orang Yahudi sebahagian daripada Tuhan, seperti mana anak sebahagian daripada bapanya. Sedangkan roh orang bukan Yahudi itu datang dari roh-roh syaitan yang menyerupai roh-roh binatang. Berdasarkan perbezaan tersebut, bagi mereka syurga itu tempat roh orang Yahudi sahaja.⁵¹

Berdasarkan kenyataan-kenyataan tersebut dapat disimpulkan bahawa orang Yahudi mengangkat diri mereka terlalu tinggi. Mereka dari kalangan Tuhan. Mereka

48 Encyclopaedia Britannica Inc. The New Encyclopaedia Britannica, Encyclopaedia Britannica Inc. Chicago 1985, vol. 22, hal. 436

49 World Book Inc. op. cit. vol. 11, hal. 143

50 Shadily dkk, op. cit. vol. 7, hal. 3999

51 Shawqī 'Abd al-Nāṣir, Brūtūkūlāt Hukamā' Ṣahyūn wa Ta'ālīm al-Talmūd, al-Taba'ah al-Thālithah t.k. t.t. hal. 33

adalah kekasih Tuhan. Mereka golongan pilihan. Mereka-lah yang berhak mendapat syurga. Sedangkan orang lain tidak demikian.

52

iii. Agama Nasrani

Pada masa kelahiran Nabi Muhammad (s.a.w.), agama Nasrani tidak berpengaruh di Mekah dan di Yathrib, kerana bilangan penganut agama tersebut tidak ramai di kedua-dua bandar tersebut.⁵³ Bagi Semenanjung Tanah Arab pada ketika itu, agama Nasrani berpusat di Najran, iaitu sebuah bandar di bahagian selatan Arab Saudi atau di utara Yaman.⁵⁴

Orang Nasrani mendakwa bahawa mereka pengikut Nabi Isa (a.s.) yang mewarisi Kitab Injil.

Mengikut agama ini, Nasrani adalah satu agama untuk manusia sejagat yang membawa mereka menuju kepada keselamatan.⁵⁵

52 Nasrani dan Kristian dua perkataan yang sama maknanya. Iskandar, op. cit. hal. 791

53 Jawād 'Alī, op. cit. jil. 6, hal. 603.ls2

54 Shawqī Daif, op. cit. hal. 99

55 Shadily dkk, op. cit. vol. 4, hal. 1889

Orang Kristian percaya bahawa Nabi Isa (Jesus Christ) anak Tuhan yang dihantar ke bumi untuk menyelamatkan manusia.⁵⁶ Mereka percaya kepada konsep Trinity, iaitu Tiga Zat. Ketiga-tiga tersebut, iaitu Tuhan (The Father), Roh Kudus (Holy Spirit / Holy Ghost) dan Isa (Jesus Christ) berpadu menjadi satu.⁵⁷

Dari sudut anak, Jesus sama dengan bapanya. Beliau mempunyai kelayakan dan kekuasaan yang mutlak di dalam apa-apa yang diajarnya. Beliau juga mempunyai kuasa mutlak untuk mengampun dosa-dosa dan mengurniakan kehidupan yang kekal abadi. Beliau menjelaskan bahawa beliau merupakan anak manusia dan anak Tuhan. Untuk yang pertama ialah kerana berdasarkan bahawa beliau mempunyai tabiat kemanusiaan yang sepenuhnya dan untuk yang kedua kerana didasarkan di atas tabiatnya yang suci yang berada di dalam kesatuan Tuhan.⁵⁸

Dari kenyataan-kenyataan yang tersebut di atas jelas menunjukkan bahawa orang Kristian telah mengangkat kedudukan Nabi Isa (a.s.) sangat tinggi. Dia bukan

56 World Book Inc. op. cit. vol. 11, hal. 82

57 The Holy Bible, (Revised Standard Version), The New Testament, Collins' Clear - Type Press, London/Toronto/Sydney/Auckland, 1971 (John Chap.5), hal. 224

58 World Book Inc. op. cit. vol. 11, hal. 87

sekadar rasul yang terdiri dari manusia biasa, malah dari kalangan Tuhan itu sendiri, yang berkuasa mutlak sehingga boleh mengampunkan dosa.

iv. Golongan Mulhid

Mengikut al-Mas'ūdī bahawa golongan mulhid ialah golongan yang menolak kerasulan dan kebangkitan, tetapi masih lagi memperakui adanya pencipta bagi alam ini. Golongan ini dinamakan juga Ahl al-Dahr. Kepercayaan tersebut terdapat di kalangan orang Arab jahiliah.⁵⁹

'Alī ibn Jābir al-Harbī menjelaskan bahawa bagi golongan ini, kebangkitan semula selepas mati, neraka, syurga dan perkara-perkara yang akan dialami oleh manusia nanti tidak ada. Dengan itu, perkhabaran mengenai perkara-perkara tersebut ditolak oleh mereka.⁶⁰

Mengikut al-Shahrastānī bahawa ada golongan orang Arab yang bukan sahaja setakat menolak kebangkitan semula, malah menolak wujudnya pencipta alam ini.

59 Al-Mas'ūdī, op. cit. muj. 1, hal. 439

60 'Alī ibn Jābir al-Harbī, Manhaj al-Da'wah al-Nabawiyah fī al-Marhalah al-Makkīyah, al-Zahrā' lill-I'lām al-'Arabī, al-Qahirah 1986, hal. 48-49
Selepas ini disebut al-Harbī sahaja.

Golongan tersebut dimasukkan ke dalam golongan Ahl al-
61
Dahr.

Berdasarkan kenyataan-kenyataan tersebut, dapat disimpulkan bahawa terdapat kepercayaan di kalangan masyarakat Arab jahiliah bahawa kehidupan manusia hanya setakat dunia ini sahaja. Kehidupan ini akan berakhir sama sekali dengan kematian. Di samping itu mereka juga percaya bahawa alam ini tidak ada penciptanya. Ia terjadi secara kebetulan tabiat semula jadi. Fahaman tersebut dinamakan atheism, ahl al-dahr atau mulhid.

v. Golongan al-Hunafā'

Golongan al-Hunafā' ialah satu golongan yang masih terkawal kepercayaan mereka dari kesesatan dan penyelewengan. Mereka masih lagi mengikut keaslian agama yang dibawakan oleh Nabi Ibrahim (a.s.) dahulu yang disebut
62
agama tauhid.

Golongan ini masih memperakui dan mentauhidkan pencipta alam ini, membenarkan kebangkitan semula dan pembalasan, sama ada baik atau buruk dan memperakui

61 Al-Shahrastānī, op. cit. hal. 235

62 Shalabī, op. cit. hal. 168

63

tentang dosa dan pahala. Namun, golongan al-Hunafā'
64

ini, pada keseluruhannya tidak ramai.

Dari keterangan-keterangan tersebut jelas menunjukkan bahawa dari sudut pemikiran dan kepercayaan, masih ada di kalangan masyarakat Arab jahiliah golongan yang berada di dalam keaslian semula jadi yang hanya menunggu-nunggu kebangkitan nabi yang sebenar. Fikiran mereka selaras dengan pembawaan nabi yang akan diutuskan.

vi. Kepercayaan Majusi

Kepercayaan majusi ialah satu kepercayaan kepada dua kekuatan, iaitu cahaya yang dihubungkan dengan punca kebaikan dan gelap yang dihubungkan dengan punca keburukan. Ini bererti bahawa cahaya dan gelap memain peranan ke atas alam ini. Namun, kewujudan Allah masih diterima, tetapi bersama-sama kedua-dua kekuatan tersebut.

65

Al-Fayyūmī menjelaskan bahawa orang majusi membesar-besarkan dan memuja-muja bintang-bintang yang mengeluarkan cahaya, di samping matahari. Mengikut

63 Al-Ḥarbī, op. cit. hal. 46

64 Mokhtar Shafii, op. cit. hal. 81

65 Shawqī Daif, op. cit. hal. 89

kepercayaan mereka, matahari khususnya merupakan punca cahaya dan kepanasan yang menjadi asal dan punca kepada benda-benda hidup. Ia juga merupakan sebesar-besar perantaraan kepada Allah. Tanpanya, makhluk yang hidup
 66
 ini tidak akan ada.

'Abd al-'Azīz Sālim menjelaskan bahawa kepercayaan
 67
 majusi berasal dari Farsi. Al-Mas'ūdī menerangkan bahawa orang Farsi telah memuja dan menyembah api. Mereka jadikan api sebagai perantaraan dengan Allah,
 68
 malah api dipercayai dari jenis ketuhanan.

Keterangan-keterangan tersebut jelas menunjukkan bahawa cahaya, sama ada terang atau pun gelap amat besar ertiannya bagi orang majusi. Cahaya dihubungkan dengan ketuhanan, kerana dipercayai dapat memberi kesan kepada sesuatu. Dengan itu, benda-benda yang mengeluarkan cahaya, seperti api, matahari dan lain-lain dipuja dan disembah oleh orang majusi.

Dari kenyataan-kenyataan yang telah dijelaskan, disimpulkan bahawa dari sudut kepercayaan, orang Arab di Semenanjung Tanah Arab telah menganuti bermacam-macam jenis kepercayaan agama, khususnya agama pemuja-

66 Al-Fayyūmī, op. cit. hal. 159

67 'Abd al-'Azīz Sālim, op. cit. hal. 427-428

68 Al-Mas'ūdī, op. cit. jil. 1, hal. 545

an keberhalaan yang berdasarkan khurafat, tahayul dan sebagainya, di samping agama-agama langit yang telah diselewengkan. Sikap memuja dan menyembah sesuatu benda amat mudah berlaku. Di samping itu, kepercayaan yang bukan-bukan, sama ada terhadap binatang-binatang, tumbuhan-tumbuhan atau sebagainya mendapat tempat dan diikuti pantang larangnya.

Keadaan Kemasyarakatan Orang Arab Jahiliah

Diukur dari segi tingkatan masyarakat, orang Arab jahiliah terdiri daripada beberapa susun lapis, iaitu berdasarkan penglihatan dari sudut-sudut tertentu.

Dalam hal ini, Dr. Muṣṭafā Abū Daif membahagikan-
69
nya kepada empat, iaitu:

i. Golongan hamba abdi. Kebanyakan mereka dibawa dari Afrika. Ada juga hamba-hamba putih yang dibawa
70
dari 'Iraq dan Sham.

69 Muṣṭafā Abū Daif Ahmād, Dirāsāt fī Tārīkh al-'Arab, Mu'assasah Shabāb al-Jāmi'ah Iskandariyah, 1983, hal. 69-72

70 Yang dimaksudkan dengan Sham ialah Syria sekarang keseluruhannya. Palestin dan Jordan juga di antara kawasan yang termasuk ke dalam Sham masa jahiliah dahulu.

ii. Golongan atasan dan kaya. Golongan ini terdiri daripada orang yang berketurunan mulia yang mempunyai kedudukan di dalam masyarakat. Mereka juga terdiri daripada keluarga diraja di bahagian utara dan selatan Semenanjung Tanah Arab. Mereka menguasai kaum mereka dan memiliki tanah yang luas. Mereka juga terdiri dari ahli perniagaan yang memiliki wang dan harta benda. Golongan ini hidup di dalam kemewahan.

iii. Golongan miskin. Golongan ini tidak memiliki apa-apa. Mereka bekerja keras membanting tulang untuk kepentingan orang atasan dengan sedikit upah. Bilangan mereka lebih ramai daripada bilangan orang yang kaya, terutamanya yang tinggal di padang-padang pasir.

iv. Golongan ahli agama. Golongan ini mendapat tempat yang paling baik di kalangan masyarakat, kerana keistimewaan mereka yang dianggap sebagai penyambung lidah tuhan-tuhan mereka di bumi ini. Di tangan mereka ada kuasa memerintah, menyuruh dan menegah, yang mereka mendakwa menerima dari tuhan-tuhan. Mereka memiliki harta yang banyak. Segala perkara, selalunya diselaraskan dengan kehendak pemerintah.

Dari sudut lain pula, Jawād 'Alī membahagikannya
71 kepada dua golongan, iaitu:

71 Jawād 'Alī, op. cit. jil. 4, hal. 271

i. Golongan yang telah bertamadun. Golongan ini terdiri daripada orang yang tinggal di bandar-bandar dan di kampung-kampung. Pekerjaan mereka bercucuk tanam, memelihara binatang dan berniaga.

ii. Golongan Badwi. Golongan ini terdiri daripada orang Arab yang tinggal di padang-padang pasir. Mereka bergantung kepada binatang-binatang pemeliharaan. Mereka berpindah randah dari satu tempat ke satu tempat mencari kawasan rumput dan air.

Mengikut Shalabi⁷², dari sudut budaya adat resam dan ikutan, tidak terdapat perbezaan yang jauh antara orang Badwi dengan orang yang dikira telah bertamadun yang tinggal di bandar-bandar dan di kampung-kampung. Ini kerana adanya kesatuan unsur Arab di kalangan seluruh orang Arab dan hubungan antara orang Badwi dengan orang bandar dan kampung sepanjang masa. Di samping itu, ia juga disebabkan oleh tersebarnya di sana sini adat-adat ikutan yang sama. Keadaan ini berlainan dengan sudut siasah dan ekonomi yang di antara kedua-dua golongan ini ada perbezaan yang jauh.

⁷² Shalabi, Mawsū'ah al-Tārīkh al-Islāmī wa al-Hadārah al-Islāmiyah (1), op. cit. hal. 149

Berdasarkan keterangan-keterangan yang disebutkan itu dapat disimpulkan bahawa masalah kelas di dalam susun lapis masyarakat Arab jahiliah amat ketara. Susunan tersebut antara orang atasan yang terdiri daripada golongan pimpinan, orang kaya, yang berketurunan mulia dan golongan agama dan antara orang bawahan yang terdiri daripada golongan miskin, hamba abdi dan yang tidak tentu keturunannya. Namun, jika dilihat dari sudut kearaban, tidak terdapat perbezaan yang banyak di kalangan orang Arab jahiliah.

Dari sudut dasar ekonomi, perbezaan di antara golongan yang bertamadun dengan golongan Badwi adalah jelas. Orang Arab di bandar mengamalkan dasar ekonomi bebas, iaitu yang lebih terkenal dengan dasar kapitalis.

Dengan itu, saudagar-saudagar yang kaya raya dan pemilik-pemilik modal hidup dengan serba kemewahan, di celah-celah golongan miskin yang mlarat. Kedaaan ini berlaku di bandar-bandar seperti Mekah, Yathrib, di bandar-bandar di utara Semenanjung Tanah Arab dan di bandar-bandar di selatan Semenanjung Tanah Arab yang penghuninya hidup berkelas-kelas, terutamanya golongan yang terpengaruh dengan kehidupan orang Rom dan Farsi.

Kalau dikaji kedudukan orang Badwi pula, maka didapati kehidupan mereka adalah kasar. Mereka makan daging, meminum susu dan memakai bulu-bulu binatang. Mereka bekerja bersama. Kekayaan kabilah menjadi milik kabilah. Anggota kabilah ada hak bersama untuk mengambil faedah dengan kadar hajat mereka. Jadi, khemah yang menjadi tempat tinggal dan segala perhi-
 sannya menjadi milik perseorangan. Sedangkan air, padang ternakan dan bumi untuk tanaman gandum dan sebagainya menjadi milik bersama anggota kabilah. Begitulah juga rampasan perang dibahagi-bahagikan
 74 bersama.

Mengikut Ahmad Amīn, ada golongan Badwi yang mencari makan dengan cara merampas dan menyamun. Mereka menyerang kabilah-kabilah lain dan merampas unta-unta, orang perempuan dan anak-anak. Untuk perlindungan diri daripada perbuatan-perbuatan tersebut, kabilah-kabilah kecil biasanya membuat ikatan dengan kabilah yang
 75 besar.

Masyarakat jahiliah mengamalkan riba. Amalan riba yang terdapat di dalam jual beli dan pinjam meminjam menjadi-jadi di kalangan masyarakat jahiliah. Di dalam

74 Ibid. hal. 130-132

75 Ahmad Amīn, op. cit. hal. 9

urusan riba, tidak ada tolak ansur dan tidak ada kasihan. Ibn Ja'far Muḥammad ibn Jarīr al-Ṭabarī menyebut gambaran riba yang berlaku pada masa jahiliah. Kalau seseorang berhutang dan setelah cukup tempoh bayar, tiba-tiba dia tidak dapat membayarnya, maka dia meminta tangguh dengan bayaran sekali ganda. Jika dia juga tidak dapat membayarnya pada masa tanguhan itu, diminta tangguh lagi dengan sekali ganda lagi. Begitulah seterusnya.

76

Keterangan-keterangan tersebut jelas menunjukkan bahawa sistem ekonomi bebas di bandar-bandar di Semenanjung Tanah Arab melahirkan dua golongan yang amat jauh jarak antara kedua-duanya, iaitu golongan kaya dan golongan miskin. Sistem seperti ini akan berlaku penindasan terhadap golongan miskin dan lemah. Manakala sistem ekonomi yang berlaku di kalangan orang Badwi tidak demikian. Dengan itu, jurang pemisahan di antara mereka tidak begitu jauh.

Dari segi ikatan masyarakat, hubungan antara anggota kabilah amat rapat. Ahmad Amīn menjelaskan bahawa setiap anggota kabilah bertanggungjawab atas apa yang dilakukan oleh setiap anggotanya. Mereka akan

76 Ibn Ja'far Muḥammad ibn Jarīr al-Ṭabarī (m. 310 H. = 923 M.), Jāmi' al-Bayān fī Tafsīr al-Qur'ān, Dar al-Ma'rifah, Beirut, 1980, jil. 4, hal. 59
Selepas ini disebut al-Ṭabarī sahaja.

menolong anggota kabilah mereka, sama ada dizalim atau menzalim. Sekiranya kabilah tidak mahu bertanggungjawab atas sesuatu perbuatan seseorang anggotanya, orang itu akan pergi kepada kabilah lain dan mengaku taat setia
⁷⁷
kepada kabilah itu.

Sikap yang demikian mencetuskan perbalahan dan peperangan yang tidak henti-henti, sehingga ia menjadi perkara biasa.

Shawqī Daif menyebut bahawa antara ciri utama orang jahiliah ialah hidup di dalam peperangan yang berterusan. Perang seolah-olah menjadi satu lumrah hidup bagi mereka. Slogan mereka ialah darah mestilah dibalas dengan darah. Ini bererti bahawa mereka tunduk kepada satu peraturan, iaitu menuntut bela. Menuntut bela merupakan peraturan mereka yang suci dan dihor-
⁷⁸
mati.

'Abd al-'Azīz Salim pula menjelaskan bahawa suka kepada peperangan dan pembunuhan tertanam di jiwa orang Arab jahiliah. Dengan adanya perasaan tersebut telah membawa kepada penguasaan dengan kekerasan dan perseteruan. Cara tersebut menjadi satu

77 Ahmad Amīn, op. cit. hal. 10

78 Shawqī Daif, op. cit. hal. 62

jalan untuk sampai kepada hak dan kekuasaan. Dengan yang demikian, kematian di medan perang merupakan satu kematian yang mulia bagi mereka.⁷⁹

Di samping itu, kefahaman "hak" di kalangan mereka di dasarkan atas kekuatan dan kekuasaan. Orang yang mempunyai kekuatan mengangkat senjata dialah orang yang berhak dan benar, kerana dia berkuasa merampas hak orang lain dan mempertahankan hak itu apakala diceroboh. Dengan kekuatan yang ada padanya, dia tidak takut pada kezaliman.⁸⁰

Dari keterangan-keterangan di atas dapat disimpulkan bahawa dendam mendendam, rebut merebut, rampas merampas dan bunuh membunuh merupakan satu amalan yang biasa di kalangan orang Arab jahiliah. Malah sesetengah perbuatan tersebut, seperti menuntut bela dan pembayaran darah dengan darah adalah satu perbuatan yang mulia bagi mereka.

Berhubung dengan jantina, pada dasarnya, orang Arab jahiliah lebih suka kepada lelaki, kerana keperluan pada masa itu.

⁷⁹ 'Abd al-'Azīz Sālim, op. cit. hal. 364

⁸⁰ Jawād 'Alī, op. cit. jil. 5, hal. 472

Mengikut 'Abd al-'Azīz Sālim, lelaki diperlukan untuk memburu, berperang dan menjaga keturunan. Sedangkan anak perempuan tidak begitu. Dengan itu anak perempuan dibenci. Kebencian kebanyakannya orang jahiliah kepada anak perempuan ada yang jauh melampau, sehingga sanggup menanamnya hidup-hidup. Namun, ada yang sukaikan anak perempuan. Golongan ini melayan dan menjaga anak-anak perempuan mereka dengan baik.⁸¹

Mengikut Shawqī Daif, wanita pada masa jahiliah, secara kasarnya terbahagi kepada dua kumpulan. Pertama, golongan hamba abdi dan kedua, golongan yang bukan hamba. Golongan hamba abdi lebih ramai. Ada di antara mereka yang ditempatkan di kedai-kedai arak, ada yang berkhidmat kepada wanita-wanita atasan (yang berkedudukan) dan ada yang menjaga ternakan. Manakala yang bukan hamba pula bekerja di rumah, kecuali kalau dia orang atasan, dia menggunakan orang lain berkhidmat kepada-⁸²nya.

Dari kenyataan-kenyataan tersebut dapat difahami bahawa wanita jahiliah terbahagi kepada dua golongan, iaitu ada golongan yang diberikan nilai yang baik dan tinggi dan ada pula golongan yang diberikan nilai yang buruk dan rendah.

81 'Abd al-'Azīz Sālim, op. cit. hal. 395-397

82 Shawqī Daif, op. cit. hal. 72

Golongan wanita yang diberikan kedudukan yang baik ialah wanita-wanita keluarga orang mulia dan berkedudukan di dalam masyarakat. Wanita dari golongan ini boleh memilih suami dan meninggalkan suami mereka, jika si suami tidak elok keadaan dengan mereka. Mereka boleh memiliki harta dan menguruskan harta mereka, sebagaimana yang mereka kehendaki. Mereka ada nilai bagi lelaki,
83
di samping memiliki kebebasan yang banyak.

Golongan wanita yang tidak diberikan nilai yang sepatutnya kepada mereka terdiri dari hamba abdi, wanita-wanita dari keluarga yang miskin dan wanita-wanita dari ibu bapa yang keras kepala dan degil. Anak-anak perempuan yang ditanam hidup-hidup adalah dari golongan ini. Ibu bapa takut bahawa mereka akan menjadi miskin atau anak perempuan mereka akan menjadi tawanan
84
perang, kalaulah anak itu dibiarkan membesar.

Namun, mengikut Shalabi, menanam anak perempuan hidup-hidup, yang pernah dilakukan oleh orang Arab jahiliah kerana takut malu atau takut menjadi tawanan perang, tidaklah tersebar dengan meluasnya di kalangan mereka. Perbuatan tersebut dilakukan oleh sesetengah

83 Ibid. hal. 72-75

84 Ibid. hal. 75

85
kabilah sahaja.

Dari keterangan-keterangan tersebut jelas menunjukkan bahawa kedudukan wanita semasa jahiliah yang diperlakukan seperti benda barang, binatang dan sentiasa ditindas adalah wanita dari kumpulan kedua, iaitu dari golongan yang lemah. Perbuatan seperti itu tidak terkena ke atas golongan yang pertama, iaitu golongan yang mulia. Di samping itu, perbuatan menanam anak-anak perempuan hidup-hidup yang dilakukan oleh sebilangan kecil orang Arab jahiliah didorong oleh perasaan takut malu, takut miskin dan takut dijadikan tawanan perang apakala anak-anak itu besar nanti.

Selain daripada sifat-sifat yang telah disentuh, ada tiga amalan buruk yang menjadi kebanggaan orang lelaki pada masa jahiliah. Amalan-amalan tersebut ialah minum arak, berzina (perempuan) dan berjudi.

Mengikut Jawād 'Alī bahawa arak yang dikira bermutu datang dari luar Semenanjung Tanah Arab. Kebanyakan pedagang arak adalah orang Yahudi dan Nasrani. Mereka memperdagangkan arak dari Sham, Hirah, Iraq dan lain-lain. Arak dipasarkan sehingga di kampung-kampung. Terdapat di segenap tempat, terutamanya di jalan-jalan

85 Shalabī, Mawsū'ah al-Tārīkh al-Islāmī wa al-Hadārah al-Islāmiyah (1), op. cit. hal. 177

yang terdapat tempat-tempat yang disediakan bagi orang musafir berhenti rehat. Ramai orang jahiliah menjadi ketagih arak sehingga ramai yang mati kerananya.⁸⁶

Zina satu amalan yang menjadi-jadi dengan meluasnya di kalangan masyarakat jahiliah. Perbuatan zina bukan sekadar untuk melepaskan nafsu syahwat, tetapi merupakan satu kebanggaan kepada lelaki. Dengan adanya kebanggaan di sebalik zina dan perempuan, maka berkembanglah perniagaan pelacuran dan sarang-sarang perempuan lacur.⁸⁷

Judi diamalkan dengan berleluasa di kalangan masyarakat jahiliah. Ia juga dianggap satu kebanggaan. Dengan itu, orang yang tidak mengambil bahagian di dalam perjudian dipandang sebagai pengecut.⁸⁸

Dari keterangan-keterangan tersebut dapat difahamkan bahawa keruntuhan moral di kalangan orang Arab jahiliah sangat teruk. Perbuatan yang keji dan merusakan kehidupan mereka dianggap sebagai satu kebanggaan.

Tetapi, di samping sifat-sifat buruk di atas masih

⁸⁶ Jawād 'Alī, op. cit. jil. 4, hal. 665 dan 667 dan Shawqī Daif, op. cit. hal. 70

⁸⁷ Mokhtar Shafii, op. cit. hal. 41

⁸⁸ Ibid.

terdapat beberapa sifat baik yang diamalkan secara menonjol di kalangan mereka. Sifat-sifat tersebut ialah:

i. **Murah.** Walaupun orang Arab jahiliah suka berkelahi dan berperang, namun ketika aman mereka mulia dan murah. Kemurahan ini dapat dilihat di dalam layanan baik mereka terhadap tetamu-tetamu, janda, anak yatim dan orang yang memerlukan.
⁸⁹

Shawqī Daif menambah bahawa sifat mulia lebih menonjol di kalangan orang Badwi. Kemuliaan yang ada pada mereka adalah jelas, kerana mereka menghormati orang fakir, memuliakan tetamu dan menyalakan api di bukit-bukit supaya dapat memberikan petunjuk kepada orang sesat. Anjing-anjing mereka tidak menyalak ketika kedatangan tetamu, kerana sudah biasa dengan tetamu-
⁹⁰
tetamu yang sentiasa datang.

ii. **Berani.** Dengan adanya sifat berani, mereka tidak takut kepada mati dan ia kadang kala menjadi melampau. Orang Badwi lebih berani berbanding dengan orang bandar. Ini disebabkan oleh kerana orang Badwi sentiasa terlatih dengan berjaga-jaga mempertahankan kabilah. Mereka sentiasa terdedah kepada bahaya-bahaya

89. 'Abd al-'Azīz Sālim, op. cit. hal. 389

90. Shawqī Daif, op. cit. hal. 68

serangan dan pengkhianatan. Dengan itu mereka menjadi
⁹¹
lebih berani.

iii. **Setia kepada janji.** Sifat setia kepada janji masih dipegang oleh orang Arab jahiliah. Dengan itu, mungkir janji dan mengkhianati janji menjadi kebencian
⁹²
mereka.

Dari keterangan-keterangan tersebut dapat disimpulkan bahawa dilihat dari sudut kemasyarakatan, walau-pun banyak sifat buruk yang menjadi amalan orang Arab jahiliah, namun terdapat juga sifat-sifat baik yang masih menjadi pegangan mereka.

Kesusasteraan Di kalangan Orang Arab Jahiliah

Orang Arab jahiliah telah sampai pada satu tahap yang tinggi dalam bidang kesusasteraan, khususnya yang berhubungan dengan syair. Bidang tersebut menjadi keagungan masyarakat Arab jahiliah.

Muhammad Subaīh menjelaskan bahawa kalau lah kita melihat pemikiran orang Arab jahiliah dari sudut kesusasteraan, maka jelas menunjukkan bahawa mereka telah sampai kepada satu peringkat pemikiran yang masak, me-

91 'Abd al-'Azīz Sālim, op. cit. hal. 391

92 Ibid. hal. 393

lintasi perbatasan Badwi dan telah sampai ke peringkat
⁹³
 ketamadunan yang tinggi.

Shalabī telah menyebut bahawa ahli syair mendapat kedudukan yang tinggi di kalangan masyarakat Arab jahiliyah. Malah kedudukan ahli syair merupakan setingi-tinggi tempat di hati mereka. Apakala lahir penyair yang baik di kalangan sesuatu kabilah, datanglah rombongan dari kabilah-kabilah lain mengucapkan
⁹⁴
 tahniah.

Dr. 'Abd al-Latīf Ḥamzah menjelaskan bahawa sebab demikian, kerana kedudukan penyair samalah seperti kedudukan akhbar bagi parti-parti politik zaman sekarang. Penyair menjadi jurucakap kabilahnya. Dengan syair dia mempertahankan kabilahnya. Dia menaikkan semangat anggota kabilahnya ketika perang. Penyair merupakan asas pekerti, adat dan kedudukan sesuatu kabilah di kalangan kabilah-kabilah lain. Namun kebanyakannya isi syair berhubung dengan kemegahan suku
⁹⁵
 kaum.

93 Muḥammad Subaīḥ, Bath Jadīd 'an al-Qur'ān al-Karīm, Dār al-Shuruq, al-Qahirah/Beirut, 1403 H. /1983 M., hal. 130

94 Shalabī, Mawsū'ah al-Tārikh al-Islāmī wa al-Hadārah al-Islāmiyah (1), op. cit. hal. 154

95 'Abd. al-Latīf Ḥamzah, Al-I'lām fī Ṣadri al-Islām, Dār al-Fakr al-'Arabi, 1979, hal. 26

Pasar bagi orang Arab jahiliah bukan sahaja menjadi pusat pertukaran barang-barang perdagangan, tetapi juga menjadi tempat pembentangan barang yang berbentuk pemikiran dan kesusasteraan.

Shawqī Daif menjelaskan bahawa pasar 'Ukāz⁹⁶, iaitu pasar yang terpenting di Mekah, yang letaknya berhampiran dengan 'Arafāt merupakan pasar yang paling masyhur untuk syair. Walaupun pasar tersebut adalah pasar untuk barang biasa, namun kemunculannya digunakan untuk syair-syair.

Kenyataan-kenyataan tersebut dapat disimpulkan bahawa orang Arab jahiliah telah mencapai satu tahap yang tinggi dalam bidang kesusasteraan, khususnya mengenai syair.

Dari kajian yang telah dikemukakan terhadap sasaran dakwah semasa Quran diturunkan, kesimpulannya adalah sebagaimana berikut:

1. Dakwah Islam lahir di celah-celah dua empayar; Rom dan Farsi. Walaupun kekuasaan kedua-dua empayar dunia ini telah merosot pada masa itu, namun kedua-duanya masih lagi merupakan kuasa

96 Ibid. hal. 28-29

97 Shawqī Daif, op. cit. hal. 77

dunia.

2. Pemerintahan dan kerajaan tidak asing bagi orang Arab, kerana telah muncul beberapa kerajaan Arab sejak beratus-ratus tahun sebelum Masihi lagi, terutamanya di kawasan utara dan selatan Semenanjung Tanah Arab.
3. Orang Arab jahiliah, iaitu golongan sasaran dakwah Quran secara langsung menganuti bermacam-macam jenis kepercayaan agama, khususnya agama pemujaan keberhalaan yang diwarisi dari nenek moyang. Di samping itu, kepercayaan khurafat dan tahayul kepada sesuatu benda seperti binatang, tumbuhan, cakerawala dan sebagainya sangat tebal. Dengan itu, sikap pemujaan dan penyembahan terhadap sesuatu benda sangat mudah berlaku. Bagi mereka, konsep tuhan ialah yang dianggap dapat memberikan faedah dan dapat menolok balak. Selain daripada itu, kepercayaan kepada benda-benda ghaib seperti hantu, jin dan malaikat sangat kuat.
4. Golongan-golongan yang menganuti agama nabi-nabi terdahulu yang diselewengkan, iaitu Yahudi dan Kristian dan golongan-golongan yang mengingkari kebangkitan semula manusia dan ke-

tuhanan juga wujud di kalangan masyarakat jahiliah.

5. Perbezaan kelas di kalangan masyarakat Arab jahiliah amat ketara, iaitu antara golongan atasan yang terdiri daripada orang-orang yang berketurunan mulia, orang kaya, pemimpin dan ahli agama dengan golongan bawah yang terdiri daripada orang miskin, hamba abdi dan yang tidak tentu keturunannya.
6. Mekah menjadi pusat perdagangan serantau di sekitar kelahiran Nabi Muhammad (s.a.w.), sehingga menjadi tempat pergantungan orang Rom.
7. Sistem ekonomi bebas di bandar-bandar melahirkan dua golongan yang amat jauh bezanya, dengan penindasan yang amat ketara terhadap golongan yang lemah dan miskin, contohnya dalam amalan riba. Sedangkan sistem ekonomi "muafakat" di kalangan masyarakat Badwi tidak wujud perbezaan dan penindasan seperti itu.
8. Perbalahan kerana menuntut bela yang membuta tuli, perampasan, peperangan dan pembunuhan merupakan perkara biasa di kalangan masyarakat Arab jahiliah, malah itu dianggap

mulia.

9. Keruntuhan moral di kalangan masyarakat Arab jahiliah sangat teruk, contohnya amalan perzinan dan penggunaan arak yang berleluasa, malah menjadi satu kebanggaan.
10. Masih ada sifat-sifat baik yang diamalkan oleh masyarakat Arab jahiliah, seperti murah terhadap tetamu, berani dan setia kepada janji.
11. Dari sudut kesusasteraan, orang Arab jahiliah telah mencapai satu tahap yang mengagumkan, khususnya dalam bidang syair.

Dengan yang demikian, dari sudut kepercayaan dan sebahagian besar dari amalan-amalan kemasyarakatan, masyarakat Arab jahiliah merupakan satu masyarakat yang berada di tahap yang sangat rendah. Namun dari sudut perdagangan, kesusasteraan dan sebagainya mereka berada di tempat yang agak maju.

A. Pendekatan Dakwah Quran.

Setelah penulis memaparkan keadaan masyarakat sasaran dakwah secara langsung semasa Quran diturunkan, iaitu yang dinamakan masyarakat Arab jahiliah, sekarang penulis cuba memaparkan bagaimanakah pendekatan dakwah Quran yang dikemukakan kepada masyarakat tersebut.

Sebagaimana yang telah dijelaskan pada permulaan bab ini bahawa kajian berhubung dengan pendekatan dakwah Quran mengandungi dua perkara, iaitu:

i. Pendekatan Isi.

ii. Pendekatan Penyampaian.

i. Pendekatan Isi

Yang dimaksudkan dengan isi di sini ialah kandungan.⁹⁸ Dengan itu, isi dakwah Quran ialah kandungan pembicaraan Quran yang disampaikan kepada sasaran. Lebih jelas lagi, isi dakwah ialah jawapan kepada persoalan, mengenai apakah dakwah yang disampaikan itu?

Isi pembicaraan satu perkara yang penting untuk

⁹⁸ Iskandar, op. cit. hal. 423

menentukan satu pendekatan dakwah yang baik. Isi dakwah seperti ubat bagi sesuatu penyakit. Isi pembicaraan yang sesuai dan tepat dengan sasaran akan menjadikan dakwah itu mengenai sasarannya.

Oleh kerana dakwah Quran, pada pokoknya untuk membetul kepercayaan-kepercayaan yang dianuti oleh masyarakat semasa, maka isi dakwah Quran boleh dibahagikan kepada beberapa isu pembicaraan dan kandungan. Kandungan pembicaraan tersebut terhenti kepada siapa dia atau kepada golongan mana ia ditujukan. Dengan itu, isi dakwah Quran berubah-ubah mengikut perbezaan sasaran.

Kajian terhadap masyarakat sasaran dakwah semasa Quran diturunkan ditemui hasilnya, iaitu dari sudut kepercayaan agama, masyarakat tersebut terbahagi kepada beberapa golongan. Golongan terbesar ialah orang musyrik, yang terbahagi pula kepada beberapa bentuk kepercayaan, iaitu seperti kepercayaan keberhalaan dan kepercayaan majusi, orang mulhid dan ahli kitab (Yahudi dan Nasrani). Sifat-sifat bagi setiap golongan bukanlah bererti berpisah langsung di antara satu golongan dengan yang lain. Ia bercampur baur antara satu sama lain. Contohnya orang musyrik, kadangkala ada sifat mulhid dan begitu juga sebaliknya bahawa orang mulhid ada sifat-sifat musyrik. Ahli kitab ada sifat-sifat musyrik, atau sebaliknya. Jadi, apa yang dimaksudkan

dengan sesuatu golongan ini ialah sifat-sifat utama yang dimiliki oleh sesuatu golongan tersebut.

Kajian tentang bagaimanakah pendekatan isi dakwah Quran kepada sasarannya yang bermacam-macam golongan itu, dapat dikemukakan sebagaimana berikut:

a. Kepada Orang Musyrik.

Yang dimaksudkan orang musyrik ialah orang yang memuja dan menyembah patung-patung berhala dan benda-benda lain yang disangka di samping Allah itu terdapat tuhan-tuhan lain yang di berikan ketaatan dan perham-baan diri. Orang yang percayakan demikian terdiri daripada kebanyakan masyarakat Arab semasa jahiliah, sebagaimana yang diperlihatkan keadaan mereka sebelum ini.

Secara ringkasnya orang musyrik percaya bahawa patung berhala, jin, malaikat, sesetengah binatang, pokok, syaitan, cakerawala dan sebagainya ada mempunyai kuasa tertentu yang boleh diminta pertolongan. Dengan itu, permintaan, pemujaan dan penyembahan dilakukan kepada benda-benda tersebut. Kecuali ketika mereka menghadapi kesusahan yang besar, pada ketika itu mereka kembali kepada Pencipta alam yang sebenar.

Keadaan tersebut disebabkan oleh sikap orang

musyrik itu sendiri yang berubah-ubah. Bagi mereka, Allah yang sifat-Nya mencipta segala sesuatu itu, dari segi teori dipercayai ada. Namun dari segi amalan hari-hari, mereka lupa dan bersikap seolah-olah tidak mempercayai-Nya.

99

Quran diturunkan untuk mengubah kepercayaan tersebut. Dari kajian yang dilakukan, terdapat beberapa pokok pembicaraan yang ditujukan kepada golongan ini, iaitu sebagaimana berikut:

1. Mengemukakan logik berfikir bagi mempastikan bahawa Pencipta itu satu sahaja. Contohnya firman Allah:

لَوْكَانِ فِيهَا إِلَّا اللَّهُ لَفَسَدَ تَفْسِيْحَنَ اللَّهِ رَبِّ الْعَرْشِ
عَمَّا يَصِفُونَ ﴿٢٢﴾ سُلْطَانُ الْأَنْبِيَّاءُ

Maksudnya: "Kalau ada di langit dan di bumi tuhan-tuhan yang lain dari Allah, nescaya rosaklah pentadbiran kedua-duanya. Maka (bertauhidlah kamu kepada Allah dengan menegaskan) Maha Suci Allah, Tuhan yang mempunyai Arasy, dari apa yang mereka sifatkan."

(al-Anbiyā' 22).

Ayat tersebut ditujukan kepada golongan musyrik bagi menolak kepercayaan mereka yang mengatakan bahawa

99 Maghfīrah, op. cit. jil. 7, hal. 168

Allah menjadikan kongsi-kongsi-Nya untuk sama-sama mentadbirkan urusan makhluk ini. Kalau tuhan-tuhan itu ramai, akan merosakkan alam ini. Sebabnya, setiap tuhan itu mesti bersifat dengan sifat yang perlu ada pada Tuhan yang antaranya ialah kehendak tersendiri yang mutlak dan kekuasaan yang sepenuhnya di dalam penyusunan sesuatu.

2. Menjelaskan bahawa pencipta dan pemilik alam ini Maha Berkuasa. Contohnya firman Allah:

قَالُوا تَخْذِلَ اللَّهَ وَلَدًا
 سُبْحَانَهُ هُوَ الْغَنِيُّ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ
 إِنْ عِنْدَكُمْ مِنْ سُلْطَنٍ بِهَذَا أَتَقُولُونَ كَعَلَى اللَّهِ مَا
 لَا تَعْلَمُونَ ﴿٦٨﴾

Maksudnya: "Mereka berkata: Allah mempunyai anak. Maha Suci Allah dari apa yang dikatakan. Dialah yang Maha Kaya; segala yang ada di langit dan yang ada di bumi adalah kepunyaan-Nya. Tidakkah ada sebarang keterangan di sisi kamu yang membuktikan apa yang kamu dakwakan itu. Mengapa kamu berani mengatakan terhadap Allah apa yang kamu tidak mengetahuinya?"

(Yūnus 68).

Berhubung dengan ayat di atas Muhammad ibn 'Alī

100 Al-Shaykh Muhammed al-Tāhir ibn 'Āshūr, *Tafsīr al-Tāhir wa al-Tanwīr*, Dār al-Tūnisīyah Tunis 1984, jil. 16, hal. 38-39.
Selepas ini disebut Ibn 'Āshūr sahaja.

ibn al-Shawkānī menjelaskan bahawa ayat tersebut menolak kepercayaan orang musyrik bahawa Allah itu mempunyai anak. Anak diperlukan kerana adanya sesuatu keperluan atau untuk menggantikan bapanya setelah bapa itu meninggal. Allah tidak ada keperluan-keperluan tersebut, sebab Allah Maha Kaya. Bagi-Nya apa yang ada di langit dan di bumi. Dengan itu Dia tidak memerlukan sesiapapun.

101

3. Mendedahkan bahawa benda-benda yang disembah itu adalah lemah, tidak dapat berbuat apa-apa dan tidak memiliki sesuatupun. Contohnya firman Allah:

أَيُشْرِكُونَ مَا لَا يَخْلُقُ شَيْئًا وَهُمْ يُخْلَقُونَ
 ﴿١١١﴾ وَلَا يَسْتَطِعُونَ لَهُمْ نَصْرًا وَلَا أَنفُسُهُمْ يُنْصَرُونَ
 وَإِن تَدْعُهُمْ إِلَى الْهُدَىٰ لَا يَتَّبِعُوكُمْ سَوَاءٌ عَلَيْكُمْ كُرْبَادَعْتُمُوهُمْ
 أَمْ أَنْتُمْ صَمِّيْتُمْ ﴿١١٢﴾ إِنَّ الَّذِينَ تَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ
 عِبَادٌ أَمْثَالُكُمْ فَآذُعُوهُمْ فَلَيَسْتَجِيبُوا لَكُمْ إِنْ
 كُنْتُمْ صَنِّدِيقِينَ ﴿١١٣﴾ أَلَّهُمْ أَرْجُلٌ يَمْشُونَ بِهَا أَمْ لَهُمْ أَيْدٍ
 يَبْطِشُونَ بِهَا أَمْ لَهُمْ أَعْيُنٌ يَبْصِرُونَ بِهَا أَمْ لَهُمْ أَذَانٌ
 يَسْمَعُونَ بِهَا قُلْ أَدْعُوا شَرْكَاءَ كُمْ كُمْ كِيدُونَ فَلَا تُنْظِرُونَ ﴿١١٤﴾ يَسْوَرُوا الْأَعْيُنَ

101 Muhammad ibn 'Alī ibn Muhammad al-Shawkānī (1173-1250 H. = 1759 or 60-1834 or 35 M.), *Fath al-Qadīr*, Dār al-Ma'rīfah Beirut t.t. jil. 2, hal. 460. Selepas ini disebut al-Shawkānī sahaja.

Maksudnya: "Patutkah mereka sekutukan Allah dengan benda-benda yang tidak dapat menciptakan sesuatu pun, sedang benda-benda itu sendiri diciptakan? Dan benda-benda itu tidak dapat menolong mereka, dan tidak juga dapat menolong dirinya sendiri. Dan juga kamu (orang musyrik) menyeru benda-benda itu untuk memperoleh petunjuk daripadanya, tidaklah mereka dapat menurut (menyampaikan hajat) kamu, sama sahaja bagi kamu, sama ada kamu menyerunya atau mendiamkan diri. Sesungguhnya benda-benda yang kamu seru selain Allah, adalah makhluk-makhluk seperti kamu. Cubalah kamu menyeru benda-benda itu bagi memperkenankan permohonan kamu, kalau betul kamu orang yang benar. Adakah benda-benda yang kamu puja itu mempunyai kaki yang mereka dapat berjalan dengannya, atau adakah mereka mempunyai tangan yang mereka dapat memegang dengannya, atau adakah mereka mempunyai mata yang mereka dapat melihat dengannya, atau adakah mereka mempunyai telinga yang mereka dapat mendengar dengannya? Katakanlah wahai Muhammad! Panggilah benda-benda yang kamu jadikan sekutu Allah, kemudian kamu semua jalankanlah tipu daya terhadap-Ku, serta jangan pula kamu bertangguh lagi."

(al-A'rāf 191 - 195)

Ayat tersebut telah menimbulkan beberapa persoalan yang ditujukan kepada orang musyrik bagi menggambarkan bahawa apa yang mereka percayai dan lakukan terhadap tuhan-tuhan mereka itu merupakan kepercayaan dan perlakuan yang aneh dan tidak sepatutnya dilakukan demikian.

Mengikut Muhamad Rashīd Ridā, persoalan yang ditimbulkan ialah kenapakah disembah benda-benda itu sedangkan ia juga makhluk yang dijadikan, yang tidak

dapat berbuat apa-apa? Kalau diminta petunjuk, benda-benda itu tidak dapat memberinya, sebab benda-benda itu juga hamba biasa. Malah benda-benda itu tidak mempunyai apa-apa seperti kaki, tangan, mata dan telinga,
 102
 dipuja?

4. Mendedahkan sikap yang tidak adil kerana mengakui kekuasaan dan keagungan Allah, tetapi menolak perhambaan diri kepada-Nya. Contohnya firman Allah:

أَمْنَ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ لَكُمْ مِنِ السَّمَاءِ
 مَاءً فَأَنْبَتْنَا بِهِ حَدَائِقَ ذَاتَ بَهْجَةٍ مَا كَانَ لَكُمْ
 أَنْ تُنْتَوْا شَجَرَهَا أَئِلَهٌ مَعَ اللَّهِ بِلَ هُمْ قَوْمٌ يَعْدِلُونَ ٦١
 أَمْنَ جَعَلَ الْأَرْضَ قَرَارًا وَجَعَلَ خِلَالَهَا أَنْهِرًا وَجَعَلَ لَهَا
 رَوْسًا وَجَعَلَ بَيْنَ الْبَحْرَيْنِ حَاجِزًا أَئِلَهٌ مَعَ اللَّهِ بِلَ
 أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ٦٢ سُورَةُ النَّذِيلِ

Maksudnya: "Bahkan siapakah yang telah menciptakan langit dan bumi, dan menurunkan air hujan dari langit untuk kamu? Lalu Kami tumbuhkan dengan air itu tanaman kebun-kebun yang menghijau subur

102 Muhammad Rashīd Ridā, (1865 - 1935 M. = 1282 or 81 - 1354 or 53 H.), Tafsīr al-Qur'ān al-Hakīm al-Shāhīr bi Tafsīr al-Manār, Dār al-Ma'rifah Beirut, al-Tab'ah al-Thāniyah, t.t. jil. 9, hal. 565-569
 Selepas ini disebut Rashīd Ridā sahaja

dengan indahnya, yang kamu tidak dapat dan tidak berkuasa menumbuhkan pohon-pohnnya. Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? (tidak) bahkan mereka (yang syirik) itu adalah kaum yang menyeleweng dari kebenaran. Atau siapakah yang telah menjadikan bumi tempat penetapan; dan telah menjadikan sungai-sungai di antara bahagian-bahagiannya; dan telah menjadikan untuknya gunung ganang yang menetapnya; dan juga telah menjadikan di antara dua laut (yang masin dan tawar) sekatan (semulajadi) yang memisahnya? Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? (tidak) bahkan kebanyakannya mereka yang musyrik itu tidak mengetahui."

(al-Naml 60 - 61).

Ayat-ayat tersebut mengemukakan kepada orang musyrik sebab kenapa hanya Allah sahaja . yang mesti dipuja dan disembah? Sebabnya adalah jelas, iaitu apabila ditanya tentang kejadian langit dan bumi dengan segala yang terdapat pada kedua-duanya, tentang hujan, tentang tumbuhan, tentang sejauh manakah manusia boleh menumbuhkan pokok-pokok, tentang bumi ini yang teguh dan tentang sungai-sungai, mereka menjawab bahawa pencipta segala-galanya itu ialah Allah. Kalau-lah mereka mengakui bahawa Allah sahaja yang menciptakan segala-galanya itu, kenapakah disembahkan benda-benda lain berserta-Nya?

103

103 Muḥammad ‘Alī al-Šābūnī, Mukhtaṣar Tafsīr ibn Kathīr, Dār al- Qur’ān al-Karīm, Beirut, 1402 H./1981 M. jil. 2, hal. 677
Selepas ini disebut al-Šābūnī sahaja.

Abū 'Abdullah Muḥammad ibn Aḥmad ibn Abī Bakr ibn Farḥ al-Anṣārī al-Khazarjī al-Andalasī al-Qurtubī menambah kalau lah telah jelas bahawa benda-benda yang dipuja dan disembah itu tidak berkuasa untuk berbuat apa-apa dalam perkara-perkara tersebut, malah semuanya diciptakan oleh Allah sahaja, maka kenapakah mereka menyembah benda-benda yang tidak memberi faedah dan
tidak mendatangkan manfaat itu?

104

5. Menolak kepercayaan yang tidak layak bagi Tuhan. Contoh nya firman Allah:

وَجَعَلُوا لِلَّهِ شُرَكَاءَ الْجِنَّ وَخَلْقَهُمْ
وَخَرَفُوا لَهُ بَنِينَ وَبَنَاتٍ بِغَيْرِ عِلْمٍ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى عَمَّا يَصِفُونَ 

Maksudnya: "Dan mereka menjadikan jin sekutu bagi Allah, padahal Allah jualah yang mencipta jin-jin itu: dan mereka berdusta terhadap Allah dengan mengada-ngadakan bagi-Nya anak-anak lelaki dan anak-anak perempuan, dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan. Maha Suci Allah dan Maha Tinggilah Dia, dari apa yang mereka sifatkan."

(al-An'ām 100)

104 Abū 'Abdullah Muḥammad ibn Aḥmad ibn Abī Bakr ibn Farḥ al-Anṣārī al-Khazarjī al-Andalasī al-Qurtubī (m. 671 H. = 1272 or 73 M.), Al-Jāmi' li Abīkām al-Qur'ān, Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, Beirut, t.t. jil. 13, hal. 222.
Selepas ini disebut al-Qurtubī sahaja.

Al-Qurtubī menjelaskan bahawa ayat tersebut diturunkan kepada orang Arab musyrik yang menyamakan jin dengan Allah tentang kedua-duanya sama-sama ditaati, iaitu mereka mentaati jin sebagaimana mereka mentaati Allah. Mereka juga mengatakan bahawa malaikat itu anak-anak perempuan Allah di samping orang-orang Nasrani yang mengatakan al-Masīḥ itu anak lelaki Allah dan orang-orang Yahudi yang mengatakan bahawa 'Uzair itu
 105 anak lelaki Allah.

Sayyid Qutb pula menambah bahawa kepercayaan bahawa jin itu menyekutui Allah atas alasan antara kedua-duanya ada persamaan, tertolak kerana sebabnya jelas, iaitu bagaimanakah antara kedua-duanya boleh disamakan, sedangkan jin itu dijadikan oleh Allah? Dakwaan tersebut tidak berasas, sebagaimana juga dakwaan bahawa Allah itu ada mempunyai anak-anak lelaki dan perempuan. Dakwaan-dakwaan tersebut tertolak dengan sendirinya, lebih-lebih lagi apabila Allah menyebut bahawa Maha Suci Allah daripada bersifat dengan sifat-sifat yang disangkakan itu, sebab Allah Maha Sempurna,
 106 tidak memerlukan sesiapapun.

105 Al-Qurtubī, op. cit. jil. 7, hal. 52-53

106 Sayyid Qutb, op. cit., jil. 2, hal. 1162.

6. Membuka rahsia kepercayaan dan sikap yang tidak tetap. Contohnya firman Allah:

وَإِذَا مَسَّ النَّاسَ ضُرٌّ دُعُوا إِلَيْهِ مُنِيبِينَ إِلَيْهِ ثُمَّ إِذَا أَذَاقَهُمْ
مِّنْهُ رَحْمَةً إِذَا فَرِيقٌ مِّنْهُمْ يُشْرِكُونَ ﴿٣﴾ شَوَّالٌ الْيَوْمُ الْمُرِيمُ

Maksudnya: "Dan apabila manusia disentuh oleh sesuatu bahaya, mereka segera berdoa kepada Tuhan mereka dengan keadaan rujuk kembali bertaubat kepada-Nya; kemudian apabila Allah memberi mereka merasai sesuatu rahmat daripada-Nya, tiba-tiba sebahagian dari mereka mempersekutukan sesuatu yang lain dengan Tuhannya."

(al-Rūm 33).

Al-Qurtubī menjelaskan bahawa ayat tersebut menerangkan keadaan orang musyrik yang menghairankan, kerana mereka tidak menumpukan perhatian kepada Allah sedangkan alasan berbuat demikian cukup jelas. Apabila mereka terkena balak, mereka meminta pertolongan Allah supaya menghilangkan balak itu, tidak kepada patung-patung mereka. Apabila dihapuskan balak itu mereka kembali menyekutui Allah, iaitu perhambaan diri kepada benda-benda lain.

7. Menerangkan keadaan orang musyrik yang berka-

107 Al-Qurtubī, op. cit., jil. 14, hal. 33.

ta-kata mengikut sangkaan, tanpa berdasarkan sandaran hujah yang kukuh. Contohnya firman Allah:

إِنْ هِيَ إِلَّا أَسْمَاءٌ سَمِّيَّتُوهَا أَنْتُمْ وَإِبْرَاهِيمَ مَا أَنْزَلَ
اللهُ بِهَا مِنْ سُلْطَنٍ إِنْ يَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ وَمَا تَهُوَى الْأَنْفُسُ
وَلَقَدْ جَاءَهُمْ مِنْ رَبِّهِمُ الْمَهْدَىٰ ﴿٢٣﴾ شُورٌ الْبَشَرُونُ

Maksudnya: "Benda-benda yang kamu sembah itu tidak lain hanyalah nama-nama yang kamu dan datuk nenek kamu menamakannya. Allah tidak sekali-kali menurunkan sebarang bukti yang membenarkannya. Mereka yang berbuat demikian tidak menurut melainkan sangkaan-sangkaan dan apa yang diingini oleh hawa nafsu. Pada hal demi sesungguhnya telah datang kepada mereka pertunjuk dari Tuhan mereka."

(al-Najm 23)

Al-Shawkānī menjelaskan bahawa patung-patung dan benda-benda yang disembah oleh orang musyrik itu tidak ada apa-apa di sebalik nama-nama yang dinamakan kepada benda-benda itu. Benda-benda itu tidak melihat, tidak mendengar, tidak berakal, tidak faham, tidak boleh memudaratkan dan tidak boleh memberi faedah. Nama-nama yang ada pada patung-patung itu hanya nama-nama yang diberikan oleh datuk nenek mereka sahaja yang diikuti
 108
 oleh orang-orang terkebelakang.

108 Al-Shawkānī, op. cit., jil. 5, hal. 109.

8. Menakut-nakutkan dengan bahaya syirik. Contoh-nya firman Allah:

إِنَّ أَعْرَضُوا فَقُلْ أَنذِرْنِّا كُمْ صَعِقَةً مِثْلَ صَعِقَةِ

عَادٍ وَثَمُودَ ﴿١٣﴾ سُورَةُ فَضْلَاتٍ

Maksudnya: "Oleh itu, kalau mereka (yang musyrik) berpaling (daripada meng-Esakan Allah dan menjalani jalan yang lurus), maka katakanlah (wahai Muhammad): Aku memberi amaran kepada kamu dengan azab yang dahsyat, (iaitu) petir, seperti petir yang telah menyambar kaum 'Ad dan kaum Thamud."

(Fussilat 13).

Sayyid Qutb menjelaskan bahawa ayat tersebut merupakan peringatan dan amaran terhadap orang musyrik dengan perkara yang menakutkan mereka. Perkara tersebut sesuai dengan jeliknya kesalahan dan teruknya dosa yang dilakukan; yang bererti jauhnya mereka dari kebenaran 109 yang dibawakan oleh rasul.

Ahmad Muṣṭafā al-Marāghī menjelaskan bahawa ayat tersebut ditujukan kepada orang-orang yang menyembah patung berhala yang ingkar kepada kebenaran, walaupun setelah diminta supaya mereka

109 Sayyid Qutb, op. cit., jil. 5, hal. 3116.

tidak berbuat demikian dengan dikemukakan berbagai-bagai hujah dan keterangan. Allah memerintahkan rasul-Nya supaya menjelaskan kepada kaumnya yang musyrik yang membohongi kebenaran yang dibawanya: Jika kamu ingkar menerima apa yang aku bawakan dari Allah, maka aku memberikan amaran kepada kamu dengan azab yang pernah dikenakan kepada orang-orang dahulu yang membohongi rasul-rasul mereka.

110

Dari fakta-fakta yang telah disebutkan, jelas menunjukkan bahawa isi dakwah kepada orang musyrik diberikan penekanan oleh Quran dalam hal mengajak mereka berfikir tentang kepercayaan dan amalan mereka. Dengan itu, pendedahan dibuat berhubung dengan:

1. Tuhan itu satu sahaja, mustahil ramai. Fikiran yang waras tidak boleh menerima Tuhan itu ramai. Yang ramai itu tidak boleh dikatakan Tuhan, maka benda-benda itu tidak layak dipuja dan disembah.
2. Hanya Allah yang mencipta, memiliki, mengurus, mentadbir, mengawal dan mengénakan segala apa terhadap hamba-hamba-Nya. Benda-benda lain

110 Muṣṭafā al-Marāghī, (1881-1945 M. = 1299 or 98-1364 H.); Tafsīr al-Marāghī, Dār al-Fikr, Beirut, 1394 H./1974 M. jil. 24, hal. 114-115.
Selepas ini disebut al-Marāghī sahaja.

tidak ada sangkut paut sedikitpun di dalam urusan alam ini.

3. Benda-benda yang dipuja dan disembah selama ini tidak ada apa-apa kuasa dalam urusan alam ini. Benda-benda ini tidak dapat berbuat apa-apapun, walaupun pada semudah-mudah benda, apa lagi untuk menghalang perkara-perkara yang berlaku.
4. Sikap orang-orang musyrik itu aneh, kerana, dalam sesetengah hal mereka mengakui ketuhanan Allah, tetapi dalam hal-hal yang biasa, mereka menolak kekuasaan Allah dan perhambaan diri kepada-Nya.
5. Menolak kepercayaan-kepercayaan dan tuduhan-tuduhan yang tidak layak bagi Allah yang Maha Agung, di samping menerangkan bahawa kepercayaan-kepercayaan yang diamalkan terhadap sesuatu itu hanya rekaan dan pemikiran khayalan orang-orang dahulu sahaja, tidak ada bukti-bukti yang jelas untuk diterima.
6. Mengemukakan lojik pemikiran yang sihat supaya kembali kepada Tuhan yang Esa dalam semua keadaan. Di samping tidak kurang juga ugutan-ugutan supaya mereka berasa takut untuk terus berada dalam keadaan syirik.

b. Kepada Orang Mulhid.

Yang dimaksudkan dengan orang mulhid ialah orang yang tidak mempercayai adanya pencipta alam ini atau tidak mempercayai akhirat dan segala apa yang akan berlaku padanya. Tidak dinafikan bahawa orang mulhid ini kadang kala mereka juga orang musyrik, dilihat dari sudut-sudut tertentu. Dengan itu, penentuan orang mulhid di sini dilihat dari sudut pencipta dan hari akhirat; diterima atau tidak diterima. Kalau kedua-duanya, atau salah satunya tidak diterima, maka mereka dikelompokkan ke dalam golongan orang mulhid.

Kajian penulis berhubung dengan dakwah Quran kepada golongan mulhid memperlihatkan bahawa Quran mengajak golongan tersebut memikirkan tentang apa yang ada pada alam ini, di samping membuat perbandingan kebangkitan semula manusia dengan berlakunya sesuatu benda supaya senang difahami.

Oleh kerana dua unsur pokok yang menentukan seseorang itu mulhid, maka dua perkara pokok ditekankan oleh Quran terhadap golongan ini. Dua perkara pokok tersebut ialah mengenai adanya pencipta alam ini dan mengenai akan berlakunya kebangkitan semula atau hari akhirat.

Kajian ini menemui bahawa Quran telah mengemukakan berbagai-bagai hujah untuk membuka fikiran golongan

mulhid bagi mempastikan bahawa kedua-duanya ada.

1. Bukti Tentang Adanya Pencipta.

Kefahaman tentang adanya pencipta alam ini merupakan satu kefahaman yang diterima umum secara semula jadi seseorang. Kefahaman ini berdasarkan kepada pengetahuan manusia bahawa setiap yang baru dijadikan mesti ada penjadinya. Contohnya, seperti setiap tulisan mesti ada penulisnya, setiap bangunan mesti ada jurubinanya dan seterusnya.

Quran menarik perhatian orang yang tidak mempercaya iai wujudnya pencipta alam ini supaya memerhati dan memikirkan sesuatu yang ada di sekeliling mereka, iaitu sebagaimana berikut:

i. Diri sendiri. Contohnya firman Allah:

أَمْ خُلِقُوا مِنْ غَيْرِ شَيْءٍ أَمْ هُمُ الْخَلِقُونَ ﴿٢٥﴾ سُورَةُ الظُّفُرِ

Maksudnya: "(Mengapakah mereka tidak mahu menerima ajaran Rasulullah dan menyembah Tuhan yang Maha Esa?) Adakah mereka telah tercipta dengan tidak ada yang menciptanya, atau adakah mereka yang mencipta diri mereka sendiri?"

(al-Tūr 35)

Ayat tersebut ditujukan kepada golongan yang menolak ketuhanan, iaitu ahl al-dahr dan juga orang musyrik yang menyekutukan Allah dengan benda-benda lain, supaya memikirkan kejadian diri sendiri. Bagaimanakah mereka boleh menolak kewujudan pencipta? Apakah makhluk yang begini cantik dan tersusun terjadi tanpa pencipta, sedangkan fikiran manusia memutuskan bahawa setiap yang berasal dari tiada itu mesti ada penciptanya? Ataupun apakah mereka menjadikan diri mereka sendiri, sedangkan fikiran semulajadi manusia dengan jelas menolaknya? Kalaualah ditakdirkan mereka menjadi kan diri mereka sendiri, apakah mereka juga menjadikan alam yang hebat ini? Semuanya tidak pasti. Maka tetaplah semuanya kembali kepada Allah yang mereka sendiripun mengakui-Nya.

111

ii. Alam Atasan. Contohnya firman Allah:

سَرِّيهُمْ
 إِيَّنَا فِي الْأَفَاقِ وَفِي أَنفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَبْيَنَ لَهُمْ أَنَّهُ أَنَّهُ الْحَقُّ
 أَوَلَمْ يَكُفِ بِرَبِّكَ أَنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ عَشِيدٌ or شُوَّدٌ فَضْلًا

Maksudnya: "Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di merata-rata tempat (dalam alam yang terbentang

111 Ibid, jil. 27, hal. 33-34.

luas ini) dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata jelas kepada mereka bahawa Quran adalah benar: Belumkah ternyata kepada mereka kebenaran itu dan belumkah cukup (bagi mereka) bahawa Tuhanmu mengetahui dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu?"

(Fuṣṣilat 53).

Maghnīyah menafsirkan ayat tersebut, bahawa ia ditujukan kepada golongan yang menolak Quran, di samping ia sebagai dalil yang nyata tentang wujudnya Allah Ta'ālā. Penglihatan manusia pada alam nyata; di dalam diri mereka sendiri dan kejadian langit dan bumi, merupakan dalil yang jelas menunjukkan adanya pencipta alam ini. Dialah sahaja yang berkuasa di atas segala urusan alam ini.

iii. Keadaan Haiwan Contohnya firman Allah:

وَاللَّهُ خَلَقَ كُلَّ دَابَّةٍ مِّنْ مَاءٍ فِيهِمْ مَنْ يَمْشِي عَلَىٰ بَطْنِهِ وَمَنْ هُمْ مَنْ يَمْشِي عَلَىٰ رِجْلَيْنِ وَمَنْ هُمْ مَنْ يَمْشِي عَلَىٰ أَرْبَعٍ يَخْلُقُ اللَّهُ مَا يَشَاءُ
إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ٤٥ سُورَةُ الْنَّوْرِ

Maksudnya: "Dan Allah menciptakan tiap-tiap haiwan yang bergerak itu dari air; maka sebahagian di antara mereka menjalar atas perutnya, dan sebahagian di antaranya berjalan dengan dua kaki, dan sebahagian

112 Maghnīyah, op. cit. jil. 6, hal. 506-507.

lagi berjalan dengan empat kaki. Allah menciptakan apa sahaja yang Dia kehendaki (selain dari yang tersebut), kerana sesungguhnya Allah amat berkuasa atas tiap-tiap sesuatu."

(al-Nūr 45)

Ayat tersebut dijelaskan oleh al-Marāghī bahawa keadaan haiwan ini, sama ada bentuk anggotanya, kekuatannya, kelakuannya atau sebagainya menunjukkan pasti adanya pencipta yang mengatur dan mentadbirnya.
113

Maghnīyah pula menerangkan bahawa Allah telah mendedahkan dalil-dalil yang menunjukkan kewujudan-Nya, kebesaran-Nya dan ke-Esaan-Nya, melalui binatang-bintang yang dicipta-Nya dengan bermacam-macam.
114

iv. Air yang turun dari langit. Contohnya firman Allah:

أَفَرَءِيتُمْ مَاءً أَلَّا يَشَرِّبُونَ^{٦٨} إِنَّمَا تُنَزَّلُ مِنَ الْمَرْءِ
أَمْ نَحْنُ الْمَنْزِلُونَ^{٦٩} شَرِّبُوا الْوَاقِعَتِينَ

113 Al-Marāghī, op. cit. jil. 18 (muj. 6), hal. 119.

114 Maghnīyah, op. cit. jil. 5, hal. 134.

Maksudnya: "Selain dari itu tidakkah kamu melihat
akan air yang kamu minum? Kamukah yang
menurunkannya dari awan (sebagai hujan)
atau Kami yang menurunkannya?"

(al-Wāqi'ah 68 - 69)

Mengenai ayat-ayat tersebut al-Sābūnī menjelaskan bahawa Allah menimbulkan persoalan iaitu, ceritakan tentang air yang kamu minum dari langit itu, apakah kamu yang menurunkannya daripada awan atau Allah yang Maha Berkuasa menurunkannya? Ayat tersebut di antara ayat yang diturunkan sebagai hujah tentang kekuasaan Allah dan keesaan-Nya di dalam ciptaan-Nya yang ditujukan kepada golongan yang ingkar dan menolak kewujudan Allah.

115

2. Wujudnya Hari Akhirat.

Kajian ini telah menemui bahawa untuk menerangkan kepada manusia tentang wujudnya hari akhirat nanti, Quran telah mengemukakan beberapa perkara sebagai dalil bagaimana peristiwa itu boleh berlaku, iaitu:

i. Kekuasaan Allah. Contohnya firman Allah:

115 Al-Sābūnī, Safwah al-Tafsīr, al-Sābūnī, Dār al-Qur'ān al-Karīm, Beirut, 1402 H./1981 M. jil. 3, hal. 311 dan 313.

وَهُوَ الَّذِي يَبْدُوا الْخَلْقَ
 ثُمَّ يُعِيدُهُ وَهُوَ أَهْوَنُ عَلَيْهِ وَلَهُ الْمِثْلُ الْأَعْلَى فِي السَّمَاوَاتِ
 وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٢٧﴾ شَرِيكُ النَّزْفِ

Maksudnya: "Dan Dialah yang memulakan kejadian sekalian makhluk, kemudian Dia mengembalikannya (hidup semula sesudah mati), sedang perlaksanaan yang demikian amat mudah bagi-Nya. Dan begitulah jua sifat yang tertinggi di langit dan di bumi, dan Dialah jua yang Maha Kuasa lagi Amat Bijaksana."

(al-Rūm 27)

Al-Marāghī menafsirkan ayat tersebut bahawa ia ditujukan kepada golongan jahil yang menolak kebangkitan semula selepas mati. Bagi Allah, membangkitkan semula manusia sesudah mati adalah lebih senang (berdasarkan pertimbangan apa yang berlaku di kalangan manusia) daripada ciptaan-Nya kali pertama yang berasal dari tiada. Allah Maha Kuasa di atas segala-galanya.
116

ii. Proses Kejadian Manusia. Contohnya firman

Allah:

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنْ كُنْتُمْ فِي
 رَبِّ مِنَ الْبَعْثٍ فَإِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ
 مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ مِنْ مُضَغَةٍ مُخْلَقَةٍ وَغَيْرُ مُخْلَقَةٍ لِنُبَيِّنَ لَكُمْ
 وَنَقِرُّ فِي الْأَرْحَامِ مَا نَشَاءُ إِلَّا أَجَلٌ مُسَمٌّ ثُمَّ نُخْرِجُكُمْ
 طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوا أَشْدَادَكُمْ وَمِنْكُمْ مَنْ يُنَوَّفُ
 وَمِنْكُمْ مَنْ يُرَدُّ إِلَى أَرْذَلِ الْعُمُرِ لِكَيْلَاهُ يَعْلَمُ مِنْ
 بَعْدِ عِلْمٍ شَيْئًا وَتَرَى الْأَرْضَ هَامِدَةً فَإِذَا أَنْزَلْنَا عَلَيْهَا
 الْمَاءَ أَهْبَزَتْ وَرَبَّتْ وَأَنْبَتَ مِنْ كُلِّ زَوْجٍ بِهِيج ۝ سَوْءَةُ الْخَيْر

Maksudnya: "Wahai sekalian manusia! jika sekitanya kamu menaruh syak (ragu-ragu) tentang kebangkitan makhluk (hidup semula pada hari kiamat), maka (perhatilah kepada tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami telah menjadikan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging, yang disempurnakan kejadiannya dan yang tidak disempurnakan; (Kami jadikan secara yang demikian) kerana Kami hendak menerangkan kepada kamu (akan kekuasaan Kami); dan Kami pula menetapkan dalam kandungan rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang Kami rancang kan hingga ke suatu masa yang ditentukan lahirnya; kemudian Kami mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian (kamu dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan (semasa kecil atau semasa dewasa) dan ada pula yang dilanjutkan umurnya ke peringkat tua atau nyanyuk sehingga ia tidak mengetahui lagi akan sesuatu yang telah diketahui dahulu. Dan (ingatlah

satu bukti lagi): Engkau melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menimpanya, bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan yang merecup tumbuh), dan gembur membusutlah ia, serta Dia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah permai."

(al-Hajj 5)

Ayat tersebut memberikan gambaran kepada golongan yang menolak kebangkitan semula tentang kemungkinan berlakunya kebangkitan itu. Mula-mula dijelaskan tentang proses kejadian manusia yang bermula daripada tanah pada peringkat mula-mula dan daripada air mani selepas itu. Dari sini bermulalah proses tersebut dari satu peringkat ke satu peringkat, sehingga manusia itu meninggal. Kalaular begitu keadaannya, tidak ada sebab kenapa Allah tidak boleh membangkitkan semula manusia sesudah mati.

117

iii. Perbandingan dengan percambahan pokok dibabkan oleh turunnya hujan. Contohnya firman Allah:

وَهُوَ الَّذِي يُرِسِّلُ
الرِّيحَ بُشْرًا بَيْنَ يَدَيِ رَحْمَتِهِ، حَتَّىٰ إِذَا أَفْلَتُ سَحَابًا
ثِقَالًا سُقْنَهُ لِلَّذِي مَيَّتَ فَأَنْزَلَنَا بِهِ الْمَاءَ فَأَخْرَجَنَا بِهِ، مِنْ كُلِّ
الثَّمَرَاتِ كَذَلِكَ نُخْرِجُ الْمَوْتَنَّ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥٧﴾ شَوَّالٌ الْأَعْرَافُ

117 Maghnīyah, op. cit., jil. 5, hal. 310 – 311

Maksudnya: "Dan Dialah (Allah) yang menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang mengembirakan sebelum kedatangan rahmat-Nya (iaitu hujan), hingga apabila ia (angin itu) membawa awan mendung, Kami halakan ia ke negeri yang mati (ke daerah yang kering kontang), lalu Kami turunkan hujan dengan awan itu, kemudian Kami keluarkan dengan air hujan itu berbagai-bagai jenis buah-buahan. Demikianlah pula Kami mengeluarkan (menghidupkan semula) orang-orang yang telah mati, supaya kamu beringat (mengambil pelajaran daripadanya)."

(al-A'rāf 57)

Ayat tersebut antara lain mengemukakan hujah akan berlakunya kebangkitan semula pada suatu masa nanti. Dengan itu, ayat tersebut membuat perbandingan kebangkitan semula selepas mati dan hancur dengan tumbuhnya pokok dan berbuah selepas matinya bumi.

iv. Keadaan langit dan bumi. Contohnya firman Allah:

أَوْلَئِنَظُرُوا فِي مَلَكُوتِ السَّمَاوَاتِ
وَالْأَرْضِ وَمَا خَلَقَ اللَّهُ مِنْ شَيْءٍ وَأَنَّ عَسَى أَنْ يَكُونَ قَدْ أَقْرَبَ
أَجْلَهُمْ فِي أَيِّ حَدِيثٍ بَعْدَهُ دِيْوَمُونُونَ شَوَّالُ الْأَعْرَافِ ۱۸۰

118 Al-'Allāmah Fakhr al-Dīn al-Rāzī Abū 'Abdullāh Muḥammad ibn 'Umar ibn Ḥuseīn al-Qurashī al-Tabarastānī (544 H. = 1150 M. - 606 H. 1210 M.), *Al-Tafsīr al-Kabīr*, al-Tab'ah al-Thāniyah, Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, Tahrān, t.t. jil. 14, hal. 138 dan 143. Selepas ini disebut al-Fakhr al-Rāzī sahaja.

Maksudnya: "Patutkah mereka (membutakan mata) tidak mahu memperhatikan alam langit dan bumi dan segala apa yang diciptakan oleh Allah, dan (memikirkan) bahawa harus telah dekat ajal kebinasaan mereka? Maka kepada perkataan yang mana lagi sesudah (datangnya Kalam Allah; Quran) itu mereka mahu beriman?"

(al-A'rāf 185).

Rashīd Ridā menjelaskan bahawa ayat tersebut menyeru orang yang membohongi Nabi (s.a.w), khususnya golongan yang menolak kebangkitan semula sebagaimana yang diterangkan oleh Allah dan rasul-Nya supaya memerhatikan seluruh alam. Kalaualah mereka memerhatikan segala alam ciptaan Allah, kecil-besar, yang jelas dan yang terselindung, mereka akan mengetahui keluasan ilmu Allah, kekuasaan-Nya dan kebijaksanaan-Nya. Maka Allah tidak menjadikan seluruh alam ini sia-sia. Allah akan bangkitkan manusia di akhirat nanti untuk menerima pembalasannya.

Berdasarkan keterangan-keterangan yang telah dijelaskan itu, dapat dibuat kesimpulan bahawa isi pembawaan dakwah Quran kepada golongan mulhid berlingkar di sekitar arahan supaya memerhati keadaan alam ini, sama ada alam manusia, alam haiwan, alam tumbuhan, alam atas (kosmos) atau lain-lain. Hasil dari pemerhatian tersebut akan dapat menyedarkan golongan yang

119 Rashīd Ridā, op. cit. jil. 9, hal. 457-458

menolak wujudnya pencipta alam dan kebangkitan semula bahawa kedua-duanya itu memang ada. Makhluk-makhluk tersebut memperlihatkan tanda-tanda bahawa kedua-duanya ada. Di samping itu, untuk memudahkan sasaran dakwah mendapat gambaran yang jelas tentang kemungkinan berlakunya kebangkitan semula, diadakan perbandingan dengan benda-benda di alam nyata yang dapat dilihat.

c. Kepada Orang Munafik.

Orang munafik ialah orang yang lemah peribadi, orang yang teragak-agak dan orang yang tidak boleh menentukan sikap yang jelas tentang keimanan.¹²⁰ Mereka pengecut, tidak berani berterus terang. Dengan yang demikian, semasa bersama orang mukmin mereka melahirkan keimanan dan semasa bersama orang kafir mereka melahirkan kekufuran. Perubahan ini berdasarkan kepentingan dirinya.¹²¹

Dari sini dapat dilihat betapa bahayanya orang

¹²⁰ Dr. Muḥammad 'Uthmān Najātī, Al-Qur'ān wa 'Ilm al-Nafs, Dār al-Shurūq, Beirut/Qāhirah, 1405H./1985M., hal. 228.

¹²¹ Shaykh 'Abdullah bin Muhammad Basmeh, Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'ān, Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, 1983, hal. 356.

¹²² Dr. Muḥammad Jamīl Ghāzī, Min Mufradāt al-Qur'ān (2) - al-Munāfiqūn, Maktabah al-Madārij wa Matba'atuhā, Jeddah, t.t., hal. 6.

munafik terhadap orang Islam, kerana kewujudannya tidak dapat dikenali dan peranannya yang luas untuk merosakan orang-orang Islam dari dalam.

Kajian ini telah menemui bahawa Quran telah berdialog dengan orang-orang munafik dengan cara mendedahkan isi hati mereka dan sifat-sifat perangai mereka, di samping memberi amaran terhadap bahaya-bahaya yang mereka akan tempuh, sama ada di dunia atau di akhirat. Pendedahannya adalah sebagaimana berikut:

1. Menggambarkan orang munafik rosak hati. Contohnya firman Allah:

فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ فَزَادَهُمْ أَللَّهُ مَرَضًا
وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْنِدُونَ ﴿١٠﴾ شُورٌ لِّلْبَقْنَةِ

Maksudnya: "Di dalam hati mereka (golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan hasad dengki), maka Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka; dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya, dengan sebab mereka berdusta (dan mendustakan kebenaran)."

(al-Baqarah 10).

Yang dimaksudkan dengan "penyakit" di dalam ayat tersebut ialah penyakit syak dan kepura-puraan

123
(nifāq).

2. Mendedahkan kata-kata dan dakwaan orang munafik. Contohnya firman Allah:

وَإِذَا قِيلَ
 لَهُمْ إِنَّمَا أَكَمَاءَ امْنَ النَّاسُ قَالُوا أَنْقُمُنَ كَمَاءَ امْنَ السُّفَهَاءِ
 أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ السُّفَهَاءُ وَلَكِنَ لَا يَعْلَمُونَ ١٣ وَإِذَا قِيلَ
 إِنَّ الَّذِينَ مَعَكُمْ إِنَّمَا أَنْخَنُ مُسْتَهْزِئُونَ ١٤ شَرُكُوكُ التَّقْيَةِ

Maksudnya: "Dan apabila dikatakan kepada mereka: Berimanlah kamu sebagaimana orang itu telah beriman, mereka menjawab: Patutkah kami ini beriman sebagaimana berimannya orang-orang bodoh itu? Ketahuilah! bahawa sesungguhnya mereka-lah orang-orang yang bodoh, tetapi mereka tidak mengetahui (akan hakikat yang sebenarnya). Dan apabila mereka bertemu dengan orang-orang yang beriman, mereka berkata : Kami telah beriman, dan manakala mereka kembali kepada syaitan-syaitan mereka, mereka berkata pula: Sesungguhnya kami tetap bersama kamu, sebenarnya kami hanya memperolok-olok (akan orang-orang yang beriman)."

(al-Baqarah 13 - 14).

123 Sa'Id Hawā, Al-Asās fī al-Tafsīr, Dār al-Salām al-Qāhirah/ Halab/ Beirut, 1405 H. - 1985 M. muj. 1, hal. 70.

Al-Shawkānī menjelaskan berhubung dengan orang munafik di dalam ayat tersebut bahawa apabila disuruh beriman, sebagaimana orang Muhajirin dan Ansar beriman, mereka menjawab dengan bodoh dan amat jauh dengan kebenaran, iaitu dengan mempersenda-senda dan merendah-rendahkan orang-orang yang beriman. Mereka mengatakan bahawa orang Islam satu golongan yang bodoh. Mereka tidak boleh mengikut golongan seperti ini. Tetapi, apabila mereka berjumpa dan bersama-sama orang yang beriman kepada Nabi Muhammad (s.a.w), mereka mendakwa bahawa mereka beriman dan apabila mereka berada di kalangan sesama mereka, mereka mendakwa bahawa mereka tetap berada di dalam kufur.

3. Mendedahkan perangai kelakuan dan rahsia hati orang munafik. Contohnya firman Allah:

الْمُنَفِّقُونَ وَالْمُنَفَّقَةُ
 بَعْضُهُم مِّنْ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمُنْكَرِ وَيَنْهَا
 عَنِ الْمَعْرُوفِ وَيَقْبِضُونَ أَيْدِيهِمْ نَسُوا اللَّهَ فَنَسِيْهُمْ
 إِنَّ الْمُنَفِّقِينَ هُمُ الْفَاسِقُونَ سورة البقرة آية 222

Maksudnya: "Orang-orang munafik lelaki dan perempuan, sesetengahnya adalah sama dengan sesetengah yang lain; mereka (masing-

masing) menyuruh dengan perbuatan yang jahat, dan melarang dari perbuatan yang baik, dan mereka pula menggenggam tangannya (bakhil kedekut). Mereka telah melupakan (tidak menghiraukan) perintah Allah dan Allah juga melupakan (tidak menghiraukan) mereka. Sesungguhnya orang munafik itu, merekalah orang-orang yang pasik."

(al-Taubah 67).

Sa'Id Hawā menjelaskan bahawa orang-orang munafik telaki dan perempuan, seolah-olah bergandingan menyuruh orang lain supaya melakukan perkara-perkara yang membawa kepada kekuatan, kemaksiatan dan perseteruan. Mereka juga menegah orang melakukan ketaatan dan keimanan. Apabila mereka melihat kebaikan, mereka menegahnya dan apabila ada orang yang mahu melaksanakan sunah Rasul, mereka menolaknya. Mereka tidak mahu berbelanja pada jalan Allah. Mereka lupa kepada perintah Allah. Maka mereka itu adalah orang pasik, melampau di dalam keburukan dan tidak malu melakukannya.

125

4. Amaran dengan akibat yang akan diterima.

Contohnya firman Allah:

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِذْ جَاهَدَ الْكُفَّارُ وَالْمُنَافِقُونَ وَأَغْلَظُتُمْ عَلَيْهِمْ
وَمَا أَنْتُمْ بِهِمْ بِجَهَنَّمَ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ ٧٣

Maksudnya: "Wahai Nabi! Berjihadlah (menentang) orang-orang kafir dan orang-orang munafik, serta bertindak keras terhadap mereka . Dan (sebenarnya) tempat mereka ialah neraka jahanam, dan itulah sebuah-buruk tempat kembali."

(al-Taubah 73/ al-Tahrīm 9)

Al-Qurtubī menerangkan bahawa ayat tersebut menyertu Nabi (s.a.w) dan orang Islam supaya berjuang melawan orang kafir dan orang munafik dengan keras, tanpa lembut hati dan kasih sayang.
126

Berdasarkan keterangan-keterangan yang dikemukakan, kesimpulannya ialah bahawa isi pembicaraan Quran kepada orang munafik adalah di dalam lingkungan ugutan dan menakut-nakutkan. Ia mendedahkan keadaan sebenar orang munafik; luar dalamnya dengan harapan bahawa mereka dikenali umum. Ia juga diperingatkan dengan pembalasan dahsyat di akhirat nanti.

d. Kepada Ahli Kitab.

Mengikut Shalabī bahawa yang dimaksudkan dengan ahl al-kitāb ialah golongan-golongan yang berpegang dengan kitab-kitab yang diturunkan dari langit, yang

126 Al-Qurtubī, op. cit. jil. 8, hal. 204-205.

terdahulu dari Risalah Islam. Kitab-kitab tersebut
 127 saling memperakui antara satu sama lain.

Dr. Muḥammad Muḥammad Khalīfah pula berpendapat bahawa yang dimaksudkan dengan ahli kitab itu ialah mereka yang terdiri dari dua kumpulan iaitu:

1. Mana-mana orang yang beriman atau mengikuti Nabi Musa dan Nabi Isa (a.s.).

2. Orang yang diberi kitab, iaitu yang terdiri dari golongan yang beragama, khususnya orang
 128 Islam.

Al-Šābūnī pula menafsirkan bahawa ahl al-kitāb
 129 itu ialah orang Yahudi dan Nasrani.

Dari keterangan-keterangan tersebut dapat disimpulkan bahawa ahl al-kitāb itu ialah golongan pengikut Nabi Musa dan Nabi Isa, iaitu terdiri dari orang Yahudi dan Nasrani.

127 Shalabī, Adwā' `alā al-Masīhiyah, Manshūrāt al-Maktabah al-`Asriyyah, Beirut, 1975, hal. 148.

128 Muḥammad Khalīfah, Ma`a al-Imān fi Rihāb al-Qur`ān, Maktbah al-Nahdah al-Misriyah al-Qahirah, 1980, hal. 384.

129 Al-Šābūnī, Safwah al-Tafāsīr, op. cit., muj. 1, hal. 86.

Kajian ini telah menemui bagaimana isi dakwah terhadap golongan tersebut. Beberapa dasar pokok telah disentuh oleh Quran untuk menarik ahli kitab supaya menerima dakwah yang dibawa oleh Quran. Namun, pembicaraan dengan ahli kitab diarah supaya dilakukan dalam suasana lembut dan tidak menekan, iaitu sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah:

﴿ وَلَا تُحِبِّذُوا أَهْلَ الْكِتَابِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِلَّا
الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْهُمْ وَقُولُوا إِنَّمَا يَا لِلَّذِي أُنزَلَ إِلَيْنَا وَأَنْزَلَ
إِلَيْكُمْ وَإِلَهُنَا وَإِلَهُكُمْ وَحْدَوْنَاهُ مُسْلِمُونَ ﴾
سُورَةُ الْعِنكَبُوتُ ٤٦

Maksudnya: "Dan janganlah kamu berbahas dengan ahli kitab melainkan dengan cara yang lebih baik, kecuali orang-orang yang berlaku zalim di antara (kamu); dan katakanlah (kepada mereka): Kami beriman kepada (Quran) yang diturunkan kepada kami dan kepada (Taurat dan Injil) yang diturunkan kepada kamu; dan Tuhan kami, juga Tuhan kamu, adalah satu; dan kepada-Nyalah kami patuh dengan berserah diri".

(Al-Ankabūt: 46)

mereka

Al-Marāghī menjelaskan bahawa ahli kitab menolak kerasulan Nabi Muhammad (s.a.w.) kerana mereka berpendapat bahawa syariat mereka berkekalan tanpa nasakh. Mereka menerima Allah dan nabi-nabi mereka. Allah mengarahkan supaya perbincangan dan perbahasan untuk menyedarkan ahli kitab hendaklah dilakukan dengan jemah

lembut dan kemaafan. Kecuali jika jelas kezaliman mereka dan jauh terkeluar dari kebenaran, maka ketika itu lemah lembut dan kemaafan tidak berguna lagi, malah
130 kekerasan hendaklah digunakan.

Arahan tersebut bererti bahawa kalauolah ada ahli kitab yang menerangkan kepada orang Islam tentang isi kitab mereka yang tidak diketahui samada betul atau salah, maka orang Islam hendaklah berkata kepada mereka bahawa kami percaya kepada Quran yang diturunkan kepada kami dan kitab-kitab Taurat dan Injil yang diturunkan kepada mereka. Tuhan kamu adalah Tuhan kami yang tunggal dan kita semua hendaklah taat dan
131 patuh kepada segala perintah-Nya.

Isi dakwah yang ditujukan kepada ahli kitab adalah sebagaimana berikut:

1. Mengingatkan bahawa berita kelahiran Muhammad (s.a.w.) telah tersebut di dalam kitab mereka. Contohnya firman Allah:

الَّذِينَ يَتَّعُونَ
الرَّسُولُ الَّذِي أَنْتُمْ تَحْكُمُونَهُ مَكْتُوبًا عِنْدَهُمْ

130 Al-Marāghī, op. cit., jil. 11/ muj. 7, hal. 4-5.

131 Ibid. hal. 5

فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ يَأْمُرُهُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهِيَّهُمْ
 عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ الظَّبَابَتِ وَيَحِرِّمُ عَلَيْهِمُ
 الْخَبَيِثَ وَيَضْعُعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ وَالْأَغْذَلَ اللَّهِ كَانَ
 عَلَيْهِمْ فَالَّذِينَ أَمْنَوْا بِهِ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ وَاتَّبَعُوا
 النُّورَ الَّذِي أُنْزِلَ مَعَهُ أَوْلَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ سورة الأغاثة 107

Maksudnya: "(Iaitu) orang-orang yang mengikut Rasulullah (Muhammad s.a.w.), Nabi yang ummī, yang mereka dapat ter tulis (namanya dan sifatnya) di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka. Ia menyuruh mereka dengan perkara-perkara yang baik dan melarang mereka daripada mengerjakan perkara-perkara yang keji; dan dia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka benda yang buruk; dan dia juga menghapuskan dari mereka beban-beban dan belenggu yang ada pada mereka. Maka orang yang beriman kepadanya, dan memuliakannya, juga menolongnya, serta mengikut nūr (cahaya) yang dituruunkan kepadanya (Quran), mereka itulah orang-orang yang berjaya".

(Al-A'rāf 157)

Al-Šābūnī menjelaskan bahawa sifat-sifat dan kelahiran Nabi yang paling akhir ini telah tersebut di dalam kitab Taurat dan Injil. Maka sesiapa yang membuktikan kerasulan Nabi yang dijanjikan itu, memuliakannya dan memperjuangkan agamanya dan mengikut Qurannya, maka mereka itulah orang-orang yang berbahagia.

132

132 Al-Šābūnī, Safwah al-Tafsīr, op.cit, jil. 1, hal. 476.

2. Menjelaskan bahawa Quran membenarkan kitab-kitab terdahulu. Contohnya firman Allah:

وَإِمْنُوا بِمَا أَنْزَلْتُ
مُصَدِّقًا لِمَا مَعَكُمْ وَلَا تَكُونُو أَوَّلَ كَافِرِيهِ وَلَا شَرِّوْا بِأَيْتِي
ثُمَّنَا قَلِيلًا وَإِنِّي فَانَّقُونِ ﴿٤١﴾ سُبْحَانَ اللَّهِ الرَّبِّ الْعَظِيمِ

Maksudnya: "Dan berimanlah kamu dengan apa yang Aku turunkan (Quran) yang mengesahkan benarnya kitab yang ada pada kamu, dan janganlah kamu menjadi orang-orang yang mula-mula kafir (ingkar) akan ia; dan janganlah pula kamu menjadikan ayat-ayat-Ku (sebagai harga untuk) membeli kelebihan-kelebihan yang sedikit faedahnya, dan kepada Akulah sahaja hendaklah kamu bertakwa."

(al-Baqarah 41).

Rashid Ridā menafsirkan ayat tersebut bahawa berimanlah dengan kitab yang diturunkan ini, kerana ia membenarkan pengajaran-pengajaran yang terdahulu seperti pengajaran Taurat dan kitab-kitab nabi-nabi yang terdahulu seperti mengenai tauhid, tegahan perkara buruk dan mungkar, menyuruh makruf dan tunjuk ajar yang boleh membawa kebahagiaan seseorang. Apabila perkara-perkara tersebut terdapat di dalam pengajaran Quran, iaitu membenarkan asas-asas agama yang terdahulu, maka jelaslah bahawa punca semuanya sama dan

tujuannya sama. Dengan itu cepat-cepatlah beriman
133
kepadanya.

3. Menerangkan bahawa apa yang dibawakan oleh Nabi Muhammad (s.a.w) sama asasnya dengan nabi-nabi dahulu. Contohnya firman Allah:

إِنَّا أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ كَمَا أَوْحَيْنَا إِلَىٰ نُوحٍ وَالنَّبِيِّنَ مِنْ بَعْدِهِ
وَأَوْحَيْنَا إِلَىٰ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ
وَالْأَسْبَاطِ وَعِيسَىٰ وَأَيُّوبَ وَيُونُسَ وَهَرُونَ وَسُلَيْمَانَ
وَءَاتَيْنَا دَارُودَ رَبُورًا ﴿١٦٣﴾ شُورٌ الْنَّبِيُّ

Maksudnya: "Sesungguhnya Kami telah memberikan wahyu kepadamu (wahai Muhammad), sebagaimana Kami telah memberikan wahyu kepada Nabi Nuh, dan nabi-nabi yang diutuskan kemudian daripadanya; dan Kami juga telah memberikan wahyu kepada Nabi Ibrahim, dan Nabi Ismail, dan Nabi Ishak, dan Nabi Yaakub, serta nabi-nabi keturunannya, dan Nabi Isa, dan Nabi Ayub, dan Nabi Yunus, dan Nabi Harun, dan Nabi Sulaiman; dan juga Kami telah memberikan kepada Nabi Daud Kitab Zabur."

(al-Nisā' 163).

Al-Fakhr al-Rāzī menafsirkan ayat tersebut bahawa apa yang diberikan kepada kita sama dengan pemberian kepada Nabi Nuh, Ibrahim, Ismail dan lain-lain, seba-

gaimana yang tersebut di dalam ayat di atas. Semuanya
 134
 Allah wahyukan kepada mereka.

4. Membetulkan pemikiran ketuhanan. Contohnya firman Allah:

وَقَالَتِ الْيَهُودُ عُزَّىْرَ ابْنُ اللَّهِ وَقَالَتِ النَّصَارَى
 الْمَسِيحُ ابْنُ اللَّهِ ذَلِكَ قَوْلُهُمْ بِأَفْوَاهِهِمْ
 يُضَاهِئُونَ قَوْلَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ قَبْلِ قَاتَلُهُمْ
 اللَّهُ أَعْلَمُ بِيُؤْفَكِوْنَ سَيِّدُ الْجَنَّاتِ ٣٠

Maksudnya: "Dan orang-orang Yahudi berkata: 'Uzair ialah anak Allah, dan orang-orang Nasrani pula berkata: Al-Masih ialah anak Allah. Demikianlah perkataan mereka dengan mulut mereka sendiri. Mereka menyamai perkataan orang-orang kafir yang terdahulu, semoga Allah binasakan mereka. Bagaimanakah mereka (boleh) terpalang (dari kebenaran)?".
 (al-Taubah: 30).

Ayat tersebut menerangkan kesesatan akidah ahli kitab yang menyamai akidah orang Arab musyrik. Mereka tidak menganuti akidah yang betul, sebagaimana yang diterangkan oleh kitab-kitab mereka. Mereka menyalahi iktikad yang asal. Contohnya, ada orang Yahudi yang

135

mengatakan 'Uzaīr itu anak tuhan. Manakala orang Nasrani pula mengatakan bahawa Isa itu anak tuhan. Sangkaan tersebut tidak berasas, malah hanya mengikut sangkaan seperti orang musyrik, yang contohnya
136
menyangka malaikat itu anak tuhan.

5. Memberi kelebihan yang tinggi kepada ahli kitab yang menerima Islam. Contohnya firman Allah:

وَلَوْاَنَّ أَهْلَ الْكِتَبِ إِمْنَأُوا تَقَوَّلَ كَفَرْنَاعَتْهُمْ
 سَيِّئَاتِهِمْ وَلَا دَخْلَنَاهُمْ جَنَّتِ النَّعِيمِ سُورَةُ الْمَائِدَةِ ٦٥

Maksudnya: "Dan jika sekiranya ahli kitab itu beriman dan bertakwa (kepada Allah), tentulah Kami akan hapuskan dari mereka kejahatan-kejahatan mereka, dan tentulah Kami akan masukkan mereka ke dalam syurga-syurga yang penuh nikmat."

(al-Māidah 65).

Ayat tersebut menjelaskan bahawa kalaualah ahli kitab itu beriman dengan rasul yang penyudah ini, kemudian mereka menjadi bertakwa dengan mengikut syariatnya, Allah berjanji akan menghapuskan kesalahan-kesalahan yang pernah dilakukannya. Maka dengan itu

135 'Uzaīr ialah tokoh agama Yahudi yang hidup di sekitar tahun 457 S.M. Dia adalah pengarang kitab-kitab agama Yahudi, yang masyhur dan merupakan penyebar syariat agama Yahudi.

Al-Marāghī, op. cit. muj. 4 / jil. 10, hal. 98

136 Sayyid Qutb, op. cit., muj. 3, hal. 1635-1640

mereka berhak mendapat syurga yang bahagia.

6. Menerangkan bahawa ahli kitab cuba menyembunyikan kebenaran yang memang diketahui dan menolak kebenaran tersebut. Contohnya firman Allah:

قُلْ يَأَهْلَ الْكِتَبِ لَمْ تَكُفُّوْنَ بِتَبَيَّنَاتِ اللَّهِ وَاللَّهُ شَهِيدٌ
 عَلَىٰ مَا تَعْمَلُوْنَ ۝ ۹۸
 قُلْ يَأَهْلَ الْكِتَبِ لَمْ تَصُدُّوْنَ عَنِ
 سَبِيلِ اللَّهِ مِنْ إِيمَانِهِمْ تَبْغُوْنَهَا عَوْجًا وَأَنْتُمْ شَهِيدُوْنَ مَا أَلَّهُ
 بِغَفِيلٍ عَمَّا تَعْمَلُوْنَ ۝ ۹۹ سُورَةُ الْعَنكَبُوتُ

Maksudnya: "Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai ahli kitab! mengapa kamu ingarkan keterangan-keterangan Allah, pada hal Allah sentiasa menyaksikan apa yang kamu lakukan? Katakanlah: Wahai ahli kitab! mengapa kamu menghalangi orang-orang yang beriman daripada menurut jalan Allah (agama Islam), kamu hendak menjadikan jalan Allah itu bengkok (terpensor), pada hal kamu menyaksikan (kebenarannya)? Dan (ingatlah) Allah tidak sekali-kali lalai akan apa yang kamu lakukan."

(Ali-'Imrān: 98-99).

Ayat-ayat tersebut menimbulkan persoalan-persoalan kepada ahli kitab, iaitu apa sebab kamu menolak ayat-ayat Allah, sedangkan Dia melihat segala amalan kamu? Kenapa kamu memalingkan dan menghalangi orang-orang

yang percaya kepada Nabi Muhammad (s.a.w) yang menandakan ketinggian fikiran mereka dan berakhhlak dengan akhlak yang baik? Kenapalah kamu melakukan perkara-perkara yang buruk dan menolak agama ini, sedangkan kamu mengetahui kebenaran agama ini?
 138

7. Menjelaskan sebab-sebab penolakan ahli kitab terhadap pengajaran yang dibawa melalui Muhammad (s.a.w). Contohnya firman Allah:

وَإِذَا أَخَذَ اللَّهُ مِيقَاتَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ لِتَبَيَّنَهُ لِلنَّاسِ
 وَلَا تَكُونُونَهُ فَنَبَذُوهُ وَرَأَءَ ظُهُورِهِمْ وَأَشْتَرَوْهُ مَثَنًا
 قَلِيلًا فِتْنَسَ مَا يَشْرُونَ ﴿١٨٧﴾ سُورَةُ الْعَنكَبُونَ

Maksudnya: "Dan (ingatlah) ketika Allah mengambil perjanjian setia daripada orang-orang yang telah diberikan kitab (iaitu): Demi sesungguhnya hendaklah kamu menerangkan isi kitab itu kepada umat manusia, dan jangan sekali kali kamu menyembunyikannya. Kemudian mereka membuang (perjanjian setia) itu ke belakang mereka, serta mereka menukarinya dengan mengambil faedah dunia yang sedikit. Maka amatlah buruknya apa yang mereka dapati dari penukaran (kalām Allah dan perjanjiannya) itu."

(Ali-'Imrān: 187).

138 Al-Marāghī, op. cit. muj. 2, hal. 13.

Rashīd Ridā menafsirkan ayat tersebut bahawa ahli kitab tidak menghiraukan janji-janji, tidak mengambil berat kepadanya dan tidak cuba memikirkan tentangnya. Mereka menukarkan janji itu dengan faedah dunia yang sedikit. Mereka rugi di dalam jual beli ini.¹³⁹

وَإِنَّهُمْ بِيَنَتِ مِنَ الْأَمْرِ
فَمَا اخْتَلَفُوا إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بِغَيْرِ إِيمَانٍ
رَبَّكَ يَقْضِي بَيْنَهُمْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ فِيمَا كَانُوا فِيهِ يَخْتَلِفُونَ

شِرْعَةُ الْجَاهِشَةِ ۖ ۱۷

Maksudnya: "Dan lagi Kami telah berikan kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas nyata mengenai perkara agama; maka mereka tidak berselisihan (dalam perkara agama itu) melainkan setelah sampai kepada mereka ajaran-ajaran yang memberi mereka mengetahui (apa yang baik dan sebaliknya seperti berpecahbelah dan berselisihan: berlakunya yang demikian) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. Sesungguhnya Tuhanmu akan menghukum di antara mereka pada hari kiamat tentang apa yang mereka perselisihkan itu."

(al-Jāthiyah: 17).

Mengikut al-Fakhr al-Rāzī melalui ayat tersebut Allah mengemukakan dalil-dalil dan keterangan-keterangan kepada ahli kitab yang kalau mereka perhatikan

¹³⁹ Rashīd Ridā, op. cit. jil. 4, hal. 281

betul-betul, mereka akan mengetahui kebenarannya. Tetapi kerana hasad dan perseteruan, mereka berbalah
140 dan bermusuhan.

8. Mengingatkan dengan pembalasan buruk yang akan diterima. Contohnya firman Allah:

فَوَيْلٌ لِّلَّذِينَ يَكْتُبُونَ الْكِتَابَ بِأَيْدِيهِمْ
ثُمَّ يَقُولُونَ هَذَا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ لِيَشْرُوْبُوهُ ثُمَّ نَأْقِلُهُ
فَوَيْلٌ لَّهُمْ مِّمَّا كَنَّبْتُ أَيْدِيهِمْ وَوَيْلٌ لَّهُمْ مِّمَّا يَكْسِبُونَ
سُورَةُ الْبَقَرَةِ (79)

Maksudnya: "Kecelakaan besar bagi orang-orang yang menulis kitab (Taurat) dengan tangan mereka (lalu mengubah kalam Allah dengan rekaan-rekaan mereka), kemudian mereka berkata: Ini ialah dari sisi Allah, supaya mereka dengan perbuatan itu dapat membeli keuntungan dunia yang sedikit. Maka kecelakaan besar bagi mereka disebabkan apa yang ditulis oleh tangan mereka, dan kecelakaan besar bagi mereka dari apa yang mereka usahakan itu."

(al-Baqarah: 79).

Ayat tersebut menjelaskan bahawa Allah memberi amaran keras kepada orang yang cuba mengaitkan Nya dengan penyelewengan yang terdapat di dalam kitab-kitab dahulu. Perubahan itu tidak ada kaitan dengan Allah,

walaupun disebutkan ia dari Allah. Perubahan tersebut disebabkan oleh kepentingan keduniaan orang yang melakukannya. Allah mengulang tiga kali akibat ke atas orang yang berbuat demikian sebagai balasan yang akan diterima, iaitu kecelakaan besar, kecelakaan bagi mereka dan kecelakaan bagi mereka. Ulangan tersebut bagi menjelaskan besarnya kesalahan yang dilakukan itu
141 dan besarnya akibat yang akan diterima.

Dalam kajian ini juga di dapati bahawa di samping ahli kitab secara umum, Quran juga telah membuat penekanan kepada orang Nasrani dan Yahudi secara khusus, iaitu sebagaimana berikut:

1. Nasrani

Quran telah berbicara dengan golongan ini agar mereka tidak menganggap Nabi Isa (a.s.) bukan-bukan. Dia manusia biasa bukan Tuhan. Dia hanya seorang rasul. Contohnya firman Allah:

مَا أَلْمَسِيْخُ ابْنُ مَرِيْمَ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَّتْ مِنْ قَبْلِهِ
الرَّسُولُ وَأُمَّةُ صِدِّيقَةٍ كَانَ يَأْكُلُانِ الظَّعَامُ

141 Maghnīyah, op. cit. jil. 1, hal. 134-135

أَنْظُرْ كَيْفَ بُنِيتُ لَهُمُ الْآيَتِ ثُمَّ أَنْظُرْ أَنَّ
يُؤْفَكُونَ 

Maksudnya: "Tiadalah al-Masīḥ ibn Maryam itu melainkan seorang rasul yang telah berlalu sebelumnya beberapa orang rasul, dan ibunya seorang perempuan yang amat benar, mereka berdua adalah memakan makanan (seperti kamu juga). Lihatlah bagaimana Kami jelaskan kepada mereka (ahli kitab itu) keterangan-keterangan (yang tegas yang menunjukkan kesesatan mereka), kemudian lihatlah bagaimana mereka dipalingkan (oleh hawa nafsunya daripada menerima kebenaran yang jelas nyata itu)."

(al-Māidah 75).

Ayat tersebut menjelaskan bahawa Nabi Isa (a.s.) itu adalah seorang hamba Allah, sebagaimana hamba-hamba lain dan seorang rasul, sebagaimana rasul-rasul lain. Nabi Isa (a.s.) dan ibunya memerlukan makanan dan mengeluarkan lebih makanan daripada perut. Mereka berdua sebagaimana manusia lain. Dengan itu, mereka berdua bukan tuhan, sebagaimana yang disangkakan oleh ¹⁴² sesetengah golongan Nasrani.

2. Yahudi.

Quran telah menjawab beberapa tuduhan dan salah

¹⁴² Al-Šābūnī, Mukhtaṣar Tafsīr ibn Kathīr, op. cit. jil. 1, hal. 537.

percaya orang Yahudi terhadap perkara-perkara tertentu.

Tuduhan-tuduhan dan salah percaya tersebut seperti:

i. Menganggap Diri Mereka Lebih.

Dengan adanya anggapan bahawa diri mereka lebih, orang Yahudi menyangka bahawa apa dosa sekalipun yang mereka lakukan akan diampun oleh Allah. Keampunan tersebut disebabkan kerana mereka satu golongan pilih, anak buah Allah dan kekasih-Nya.

143

Contoh ayat mengenainya ialah seperti:

وَقَالُوا لَنْ تَمَسَّنَا إِنْ كَارِ إِلَّا أَيْتَنَا مَعْذُودَةً قُلْ
أَنْخَذْتُمْ عِنْدَ اللَّهِ عَهْدًا فَلَنْ يُخْلِفَ اللَّهُ عَهْدَهُ وَمَنْ نَفُولُونَ
عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٨٠﴾ سُورَةُ الْبَقَرَةِ

Maksudnya: "Dan mereka berkata: Kami tidak sekali-kali akan disentuh oleh api neraka kecuali beberapa hari yang tertentu. Katakanlah (wahai Muhammad)! Adakah sudah mendapat janji dari Allah supaya (dengan itu) Allah tidak akan menyalahi janjinya, atau hanya kamu mengatakan atas nama Allah sesuatu yang tidak kamu mengetahuinya?"

(al-Baqarah 80).

¹⁴³ Dr. Muhammad Sayyid Tanqāwī, Banū Isrāīl bi al-Qur'ān wa al-Sunnah, al-Zahrā' li al-Islām al-'Arabī, al-Qāhirah, 1407 H. / 1987 M. hal. 568

Al-Marāghī menafsirkan ayat tersebut bahawa kebanyakan orang Yahudi berpendapat bahawa mereka disentuh oleh neraka selama tujuh hari. Ini berdasarkan pendapat mereka bahawa umur dunia tujuh ribu tahun. Sesiapa yang tidak berjaya dia akan tinggal di dalam neraka selama tujuh hari, iaitu sehari setiap minit seribu tahun. Ada juga yang berpendapat bahawa mereka disentuh oleh neraka selama 40 hari, iaitu lama masa mereka memuja dan menyembah anak lembu sepeninggalan Nabi Musa (a.s.) dahulu. Persoalannya, apakah itu janji mereka dengan Allah, atau mereka hanya buat-buat kata sahaja? Pendapat tersebut berdasarkan salah satu daripada dua, iaitu adanya perjanjian dengan Allah atau membohongi Allah dengan buat-buat kata sahaja. Apabila yang pertama itu tidak berlaku, maka nyatahlah bahawa mereka berbohong dan buat-buat kata, iaitu ketika mana mereka menyatakan bahawa mereka anak buah Allah yang disayangi.

144

ii. Menghina Allah. Contohnya firman Allah:

لَقَدْ سَمِعَ اللَّهُ قَوْلَ الَّذِي قَالُوا إِنَّ اللَّهَ فَقِيرٌ وَنَحْنُ أَغْنِيَاءُ
سَنَكْتُبُ مَا قَاتَلُوا وَقَاتَلُهُمُ الْأَنْجِيَاءُ بِغَيْرِ حَقٍّ وَنَقُولُ
ذُوْفُوْأَعْذَابَ الْحَرِيقِ ۝ ۱۸۱

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah telah mendengar perkataan orang-orang (Yahudi) yang mengatakan: Bahwasanya Allah miskin dan kami ialah orang-orang kaya. Kami (Allah) akan menuliskan perkataan mereka itu dan perbuatan mereka membunuh nabi-nabi dengan tidak ada alasan yang membenarkannya, dan Kami akan katakan kepada mereka: Rasakanlah azab siksa yang sentiasa membakar".

(Ali-'Imrān 181).

Ayat tersebut menjelaskan satu gambaran yang dibuat oleh orang Yahudi terhadap Allah mengikut kitab-kitab mereka yang telah terubah. Keadaan ini berpunca daripada buruknya tanggapan dan adab orang Yahudi terhadap Allah. Dengan itu, mereka berhak mendapat pembalasan buruk dari Allah. Mereka menuduh Allah fakir dan mereka sendiri kaya. Tuduhan ini berpunca dari permintaan Allah supaya manusia memberi hutang kepada-Nya dengan berjuang pada jalan-Nya yang hasilnya akan diberikan pembalasan yang berlipat ganda. Dengan permintaan tersebut lalu dikatakan bahawa Allah itu miskin. Allah mengingatkan bahawa segala tuduhan tersebut dicatatkan dengan jelasnya dan akan dibalas dengan azab yang dahsyat.

145

Keterangan-keterangan tersebut jelas menunjukkan bahawa isi dakwah Quran kepada ahli kitab tertumpu kepada arahan supaya mereka merujuk kembali kepada

kandungan asal kitab-kitab mereka. Sebab kalau dirujukkan kepada kandungan asli kitab-kitab mereka, kedatangan nabi terakhir memang jelas tercatat. Untuk melihat keaslian ini, sikap melampau di dalam menilaikan sesuatu benda dan sifat hasad dengki hendaklah dikiisis. Penekanan Quran juga dibuat supaya masing-masing menghindarkan permusuhan kerana apa yang disampaikan oleh Nabi Muhammad (s.a.w) sama pokoknya dengan apa yang disampaikan oleh nabi-nabi dahulu.

Dari kajian tersebut, secara kasarnya dapat disimpulkan bahawa isi pembicaraan dakwah Quran kepada orang bukan Islam adalah sebagaimana berikut:

1. Kepada orang **musyrik** berlegar di sekitar mengajak mereka supaya berfikir tentang benda-benda yang disembah, apa sebenarnya benda-benda itu? Apakah benda-benda itu layak disembah dan dipuja? Di samping itu, ia juga mengajak mereka berfikir tentang kekuasaan Allah dan keagungan-Nya. Siapa dia Allah? Kemudian menjelaskan bahawa Dia mesti disembah.

2. Kepada orang **mulhid** di sekitar mengajak mereka supaya berfikir tentang kejadian makhluk ini, sama ada pada diri sendiri, haiwan, tumbuhan, cakerawala dan lain-lain supaya jelas kefahaman bahawa pencipta dan

kebangkitan semula tetap ada.

3. Kepada orang, munafik berlingkar di sekitar ugutan dan menakut-nakutkan mereka dengan membuka rahsia hati mereka dan kelakuan-kelakuan buruk mereka yang disembunyikan dan memperingatkan mereka dengan akibat buruk yang mereka akan hadapi.

4. Kepada ahli kitab berlegar di sekitar mengajak mereka supaya kembali kepada keaslian kitab mereka dahulu, supaya mereka faham bahawa agama yang disampaikan oleh Nabi Muhammad (s.a.w) dan apa yang disampaikan kepada mereka melalui nabi-nabi mereka datang dari punca yang sama. Di samping itu ia juga menekankan tentang persamaan manusia, tanpa mengira darjat mereka dan keturunan mereka.

ii. Cara Penyampaian Dakwah Quran.

Setelah dikaji tentang pendekatan isi dakwah Quran kepada orang bukan Islam, maka berikutnya adalah kajian berhubung dengan cara penyampaian dakwah Quran kepada orang bukan Islam.

Sebelum dimulakan perbincangan berhubung dengan tajuk tersebut, eloklah diterangkan terlebih dahulu

apakah yang dimaksudkan dengan "cara penyampaian" itu?

"Cara" ialah gaya (seperti bentuk, fesyen, rupa dan lain-lain).¹⁴⁶ Dengan itu, cara penyampaian bererti bentuk penyampaian atau rupa penyampaian, yang ia sama ada dalam bentuk biasa, bentuk perbahasan, bentuk perbandingan, bentuk cerita atau lain-lain.

Cara penyampaian mengikut pengertian tersebut termasuk ke dalam uslūb al-da'wah, kerana uslūb al-da'wah itu bererti penyampaian kandungan atau isi dakwah dengan ibarat dan bentuk yang tertentu. Manakala asas kepada uslūb al-da'wah ialah penyampaian dengan hikmah, nasihat yang baik dan perbahasan yang baik, iaitu sebagaimana yang dijelaskan oleh firman Allah dalam Surah al-Nahl ayat 125.¹⁴⁷

Cara penyampaian sebahagian daripada pendekatan dakwah atau approach dakwah, kerana ia juga boleh menentukan kekesanan kepada sasaran dakwah. Kalau lagi isi dakwah itu ubat bagi sesuatu penyakit, maka cara penyampaian dakwah merupakan cara bagaimana ubat itu diberikan kepada pesakit. Hasilnya, jika sesuatu isi dakwah itu disampaikan kepada sasaran dakwah dengan

146 Iskandar, op. cit. hal. 181

147 Dr. Abū al-Majd al-Sayyid Nawfal, Al-Da'wah ilā Allah Ta'ālā: Khaṣāṣiḥa Muqawwiṭuhā Mañāhijuhā, 1397 H. / 1977 M. hal. 189-190

cara yang sesuai, ia boleh memberi kesan yang baik kepadanya. Begitulah sebaliknya.

Quran telah mengemukakan cara penyampaian supaya sasaran dakwah mendapat kesan yang baik. Kajian ini telah dapat menemui bahawa cara penyampaian dakwah itu adalah sebagaimana berikut:

a. **Mengajak Sasaran Supaya Memikirkan Sesuatu Dalam Suasana Lembut Dari Hati Ke Hati.**

Quran telah menggunakan cara mengajak sasaramya supaya memikirkan sesuatu dalam suasana lembut dari hati ke hati. Cara tersebut sebagaimana yang dikemukakan oleh ayat-ayat berikut:

1. **Kepada orang musyrik.** Contohnya firman Allah:

أَمَّنْ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ لَكُمْ مِّنَ السَّمَاءِ
مَاءً فَأَنْبَتَنَا بِهِ حَدَائِقَ ذَاتَ بَهْجَةٍ مَّا كَانَ لَكُمْ
أَنْ تُنْبِتُوا شَجَرَهَا أَعْلَهُ مَعَ اللَّهِ بِلِ هُمْ قَوْمٌ يَعْدِلُونَ ﴿٦﴾

Maksudnya: "Bahkan siapakah yang telah menciptakan langit dan bumi, dan menurunkan air (hujan) dari langit untuk kamu? Lalu Kami tumbuhkan dengan air itu tanaman kebun-kebun (yang menghijau subur) dengan indahnya, yang kamu tidak dapat

dan tidak berkuasa menumbuhkan pohon-pohnnya. Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? (Tidak) Bahkan mereka (yang musyrik itu) adalah kaum yang menyeleweng dari kebenaran (tauhid)."

(al-Naml 60).

Melalui ayat tersebut Allah menjelaskan bahawa hanya tertentu bagi Allah sahajalah penciptaan langit dan bumi. Dia menjadikan langit tempat air dan menjadi bumi tempat tumbuh. Di samping itu Dia menyebut nikmat-Nya yang besar, iaitu kebun-kebun yang menghijau. Kemudian mengingatkan bahawa tumbuh-tumbuhan di kebun itu hanya Allah sahaja yang menciptanya. Kalaulah semuanya itu tertentu bagi Allah sahaja, maka segala peribadatan hendaknya tertentu bagi-Nya sahaja.

148

2. Kepada orang mulhid. Contohnya firman Allah:

كَيْفَ تَكُفُّرُونَ بِاللَّهِ وَكُنْتُمْ أَنْوَاتًا فَأَخْيَرَكُمْ
ثُمَّ يُمْسِكُمْ ثُمَّ يُحْيِيْكُمْ ثُمَّ إِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٨﴾ سُورَةُ الْبَقَرَةِ

Maksudnya: "Bagaimanakah kamu tergemark kufur (mengingkari) Allah pada hal kamu dahulu mati (belum lahir), kemudian Dia menghidupkan kamu, setelah itu Dia mematikan

kamu, kemudian Dia menghidupkan kamu pula (pada hari akhirat pula), akhirnya kamu dikembalikan kepada-Nya (untuk diberi balasan bagi segala yang kamu kerjakan)."

(al-Baqarah 28).

Ayat tersebut membuat beberapa persoalan; kenapa kamu boleh mengingkari wujudnya Allah, sedangkan dalil wujud-Nya itu tidak terhingga? Bermula daripada diri kamu sendiri yang dikurniakan dengan bermacam-macam anggota dan perasaan, apakah ia terjadi secara kebetulan? Wujudnya kamu adalah dalil wujudnya Allah. Kamu boleh menolak bahawa kamu tidak ada sebelum ini. Lepas itu kamu ada bersama dengan penglihatan, pendengaran, perasaan, dapat berkata-kata dan berbuat sesuatu. Itu merupakan dalil yang menunjukkan pencipta itu ada. Dengan itu kamu bermula daripada tiada (mati) kemudian kamu diwujudkan (hidup). Kemudian kamu dimatikan (kematian kedua). Selepas itu kamu dihidupkan kembali
149 (kebangkitan semula untuk menerima pembalasan).

3. Kepada orang **munafik**. Contohnya firman Allah:

الْيَدْخُلُ الْجَنَّةَ وَالْمُؤْمِنُونَ
جَنَّتٍ بَغْرِيْبٍ مِنْ تَحْنِهَا الْأَنْهَرُ خَلِدِينَ فِيهَا وَيُكَفَّرُ عَنْهُمْ

سَيِّئَاتِهِمْ وَكَانَ ذَلِكَ عِنْدَ اللَّهِ فَوْزًا عَظِيمًا ⑤ وَيُعَذِّبُ
 الْمُنَفِّقِينَ وَالْمُنَفَّقَاتِ وَالْمُشْرِكِينَ وَالْمُشْرِكَاتِ الظَّانِينَ
 بِاللَّهِ نَظَرٌ السَّوْءُ عَلَيْهِمْ دَأْبُرَ السَّوْءِ وَغَضِبَ اللَّهُ عَلَيْهِمْ
 وَلَعْنَهُمْ وَأَعْدَلَهُمْ جَهَنَّمْ وَسَاءَتْ مَصِيرًا ⑥ شَوَّدَ الْفَتَنَةَ

Maksudnya: "(Allah melakukan yang demikian) supaya Dia memasukkan orang-orang yang beriman; lelaki dan perempuan, ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; dengan keadaan kekal mereka di dalamnya; serta menghapuskan dosa dosa mereka; dan adalah yang demikian itu pada sisi Allah merupakan kejayaan yang besar (untuk mereka). Dan supaya Dia menyiksa orang-orang munafik; lelaki dan perempuan, dan orang-orang musyrik; lelaki dan perempuan yang menyangka terhadap Allah dengan sangkaan yang buruk (bahawa Dia akan mengecawakan rasul-Nya). Atas merekalah tertimpanya balak bencana yang dibawa peredaran zaman; dan (selain itu) Allah murka mereka dan melaknatkan mereka serta menyediakan untuk mereka neraka jahanam; sedang neraka jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali".

(al-Fath 5-6).

Ayat tersebut menjelaskan bahawa Allah menyediakan nikmat syurga bagi golongan yang beriman. Adapun golongan yang menyangka buruk kepada-Nya, iaitu golongan munafik dan musyrik disediakan untuk mereka keburukan di mana sahaja mereka berada, iaitu kemarahan Allah dan taknat-Nya serta kesudahan yang celaka melalui azab neraka.

4. Kepada ahli kitab. Contohnya firman Allah:

يَا أَهْلَ الْكِتَابِ
 قَدْ جَاءَكُمْ رَسُولُنَا يَبِينُ لَكُمْ كَثِيرًا مِمَّا
 كُنْتُمْ تُخْفِونَ مِنَ الْكِتَابِ وَيَعْفُوا عَنِ
 كَثِيرٍ قَدْ جَاءَكُمْ مِنْ أَنَّ اللَّهَ نُورٌ وَكِتَابٌ
 مُبِينٌ ﴿١٥﴾ يَهْدِي بِهِ اللَّهُ مَنِ اتَّبَعَ رِضْوَانَهُ
 سُبْلَ السَّلَامِ وَيُخْرِجُهُمْ مِنَ الظُّلْمَاتِ إِلَى
 النُّورِ بِإِذْنِهِ وَيَهْدِيهِمْ إِلَى صَرْطِ مُسْتَقِيمٍ
 شُورَةُ الْمُتَّائِدِ ﴿١٦﴾

Maksudnya: "Wahai Ahli Kitab! Sesungguhnya telah datang kepada kamu rasul Kami (Muhammad s.a.w) dengan menerangkan kepada kamu banyak dari (keterangan-keterangan dan hukum-hukum) yang telah kamu sembunyikan dari kitab suci, dan Dia memaafkan kamu (dengan tidak mendedahkan) banyak perkaranya (yang kamu sembunyikan). Sesungguhnya telah datang kepada kamu cahaya kebenaran (Nabi Muhammad) dari Allah, dan sebuah kitab (Quran) yang jelas nyata keterangannya. Dengan Quran itu Allah menunjukkan jalan keselamatan serta kesejahteraan kepada sesiapa yang mengikut keredaan-Nya, dan (dengannya) Tuhan keluarkan mereka dari kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman) yang terang benderang dengan izin-Nya, dan (dengannya juga) Tuhan menunjukkan mereka ke jalan yang betul lurus."

(al-Māidah 15 - 16)

Ayat tersebut menerangkan kepada ahli kitab bahawa Nabi Muhammad (s.a.w.) telah diutuskan kepada mereka

untuk menerangkan banyak perkara yang mereka sembunyikan daripada kandungan kitab mereka. Namun pada itupun masih banyak perkara yang tidak dibongkarkan oleh Nabi Muhammad (s.a.w). Islam yang dibawa melalui Nabi Muhammad (s.a.w) dan Quran yang ada padanya menerangkan hukum-hukum. Melaluinya Allah menunjukkan hidayah-Nya bagi siapa sahaja yang mengikut keredaan-Nya menuju ke jalan yang selamat sejahtera.

151

Berdasarkan keterangan-keterangan di atas dapat dibuat kesimpulan bahawa Quran telah mengemukakan isi dakwahnya kepada sasaran dengan cara mengajaknya memikirkan sesuatu perkara dalam suasana biasa dari hati ke hati. Cara tersebut dapat menyedarkan sasaran betapa bodohnya mereka meraba-raba sesat di dalam terang benderang.

b. Dengan Cara Perbandingan.

Bagi menyenangkan sasaran menerima sesuatu perkara yang disampaikan, kadangkala Quran menggunakan perbandingan. Perbandingan itu dibuat dengan perkara-perkara harian yang sering dialami oleh sasaran, iaitu sebagaimana berikut:

1. Kepada orang **musyrik. Contohnya firman Allah:**

151 Al-Qurtubī, op. cit. jil. 6, hal. 118.

ضَرَبَ لَكُم مَّثَلًا مِنْ أَنفُسِكُمْ هَلْ لَكُمْ مِنْ مَالٍ كَمَا يَنْتَهِي مِنْ شُرَكَاءِ فِي
 مَارِزَقَكُمْ فَإِنْ تُمْ فِيهِ سَوَاءٌ تَخَافُونَهُمْ كَحِيفَةٍ كُمْ
 أَنفُسُكُمْ كَذَلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿٢٨﴾

Maksudnya: "Dia mengemukakan kepada kamu satu misal perbandingan dari keadaan diri kamu sendiri, iaitu: Relakah kamu menerima sebahagian daripada hamba-hamba abdi yang kamu miliki itu menjadi kongsi-kongsi kamu bersyarikat pada harta benda yang Kami telah kurniakan kepada kamu, supaya dengan penerimaan kamu itu mereka dengan kamu menjadi sama-sama berhak padanya, sehingga kamu pun tidak berani (menguruskan harta benda itu dengan tiada persetujuan) mereka, sebagaimana kamu tidak berani (berbuat demikian dengan orang-orang yang berkongsi dengan kamu - yang setaraf dengan) diri kamu? Demikianlah Kami menjelaskan keterangan-keterangan satu persatu bagi orang-orang yang menggunakan akal untuk memahaminya."

(al-Rūm 28).

Melalui ayat tersebut Allah menerangkan contoh untuk menjelaskan ke-Esaan Allah yang tidak berkongsi dengan sesiapapun di dalam memiliki dan mentadbirkan makhluk ini. Supaya dengan itu akan jelas menampakkan kesesatan golongan yang memuja dan menyembah patung-patung berhala, agar mereka menolak perbuatan demikian yang tidak berfaedah sedikitpun itu. Apakah orang yang bebas merdeka memiliki bersama harta benda mereka dengan hamba-hamba mereka? Sehingga dengan itu, hak

pengurusan pun jadi sama? Kalau mereka tidak mahu perkara seperti itu berlaku ke atas diri mereka sendangkan hamba abdi itu juga makhluk Allah seperti mereka, bagaimanakah mereka mahu ia berlaku ke atas Allah, Tuan segala hamba? Bagaimanakah makhluk-Nya boleh bersekutu dengan-Nya? Kalaulah mereka menolak untuk menyamakan mereka dengan hamba mereka di dalam pengurusan harta benda mereka, maka bagaimanalah mereka boleh menyamakan Allah dengan makhluk ciptaan-Nya?

152

Maghniyah menjelaskan bahawa perbandingan tersebut ditujukan kepada orang-orang musyrik yang membohongi Nabi (s.a.w). Orang musyrik yang memuja dan menyembah tuhan lebih daripada satu itu samalah seperti seorang hamba yang dimiliki oleh ramai tuan yang semuanya tidak sama di dalam fikiran dan akhlak. Mereka berlawanan pendapat. Setiap orang meminta dan menyuruh sesuatu yang berlawanan dengan orang lain. Maka hamba itu tidak boleh melakukan kehendak tuan-tuannya, di samping dia sentiasa terpinga-pinga.

153

Orang-orang mukmin pula samalah seperti seorang hamba yang dimiliki oleh seorang tuan. Hamba itu diminta taat kepada tuannya yang bijaksana. Tuannya menyuruh

¹⁵² Al-Marāghī, op. cit. muj. 7/ jil. 16, hal. 43

¹⁵³ Maghnīyah, op. cit. muj. 6, hal. 310

hambanya melakukan perbuatan-perbuatan yang setakat dia berkuasa sahaja. Hamba itu pula mendengar dan taat. Apakah hamba pertama dan kedua itu sama? Tentu tidak!

2. Kepada orang mulhid. Contohnya firman Allah:

أَوْزَّنَا مِنَ السَّمَاءِ مَا مَهِنَّا بِهِ فَأَنْبَتَنَا بِهِ جَنَّاتٍ
 وَحَبَّ الْحَصِيدِ ۝ وَالنَّخلَ بَاسِقَتِ لَهَا طَلْعُ نَصِيدٌ ۝
 رِزْقًا لِلْعِبَادِ وَأَحِينَاهُ بَلَدَةً مَيَّتًا كَذَلِكَ الْخُرُوجُ ۝ شَوَّافُونَ

Maksudnya: "Dan Kami telah menurunkan dari langit air (hujan) yang banyak faedahnya, lalu Kami tumbuhkan dengannya kebun-kebun (pohon-pohon buah-buahan) dan (pokok pokok) biji-bijian yang dituai. Serta pohon-pohon tamar yang tinggi menjulang, yang mengeluarkan mayang yang berlapis-lapis serta lebat putiknya. (Sesuatu itu) sebagai rezeki bagi hamba-hamba Kami; dan lagi Kami telah hidupkan dengan air (hujan) itu bumi yang mati; demikianlah pula keadaan keluarnya (orang-orang yang mati dari kubur setelah dibangkitkan hidup semula)."

(Qāf 9 - 11).

Al-Hāfiẓ ‘Imād al-Dīn Abū al-Fidā’ Ismā’īl ibn Kathīr al-Qurashī al-Dimashqī menjelaskan berhubung

dengan ayat tersebut bahawa bumi yang kering seperti mati itu, apabila diturunkan hujan maka ia ditumbuhki dengan bermacam-macam tumbuhan yang menjadi punca kehidupan manusia. Keadaan ini merupakan satu perbandingan tentang berlakunya kebangkitan semula selepas mati nanti, iaitu sebagaimana hidupnya bumi dengan tumbuh-tumbuhan disebabkan kedatangan hujan. Ia memperikan perbandingan kepada golongan yang menolak kemungkinan berlakunya hidup semula selepas mati.

155

3. Kepada orang munafik. Contohnya firman Allah:

أَوْ كَصَبَّ مِنَ السَّمَاءِ فِيهِ
 ظُلْمَتٌ وَرَعْدٌ وَرِقٌ يَجْعَلُونَ أَصْبَعَهُمْ فِي هَذَا نِهَامٍ مِنَ الصَّوَاعِقِ
 حَذَرَ الْمَوْتٌ وَاللَّهُ مُحِيطٌ بِأَلْكَفِيرِينَ ۝ ۱۹ سورة البقرة

Maksudnya: "Atau (bandingan) seperti (orang-orang yang ditimpa) hujan lebat dari langit, bersama-sama dengan gelap gelita, dan guruh serta kilat; mereka menyumbatkan jari mereka ke dalam telinga masing-masing dari mendengar suara petir, kerana mereka takut mati (masakan mereka boleh terlepas), sedang (pengetahuan dan kekuasaan) Allah meliputi orang-orang yang kafir itu."

(al-Baqarah 19).

155 'Imād al-Dīn Abū al-Fidā' Ismā'īl ibn Kathīr, (701 H. = 1301 M. - 774 H. = 1373 M.), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīz*, Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi, Beirut, 1388 H/1969 M, jil. 4, hal. 222.
Selepas ini disebut Ibn Kathīr sahaja.

Ibn Kathīr menjelaskan bahawa melalui ayat tersebut Allah membuat beberapa perbandingan ke atas orang-orang munafik iaitu orang yang kadang kala melahirkan kebenaran dan kadang kala mengesyakinya pula. Hati mereka pada ketika syak, kufur dan berpecah belah itu diibaratkan seperti kegelapan malam yang kehujanan. Manakala guruh ialah diibaratkan sebagai perkara yang menakutkan. Kilat pula ialah pancaran iman sekali sekala yang lahir di dalam hati orang munafik. Dengan itu usaha mereka untuk berbuat sesuatu (menutup telinga) sia-sia belaka, sebab Allah Maha Mengetahui dan
 156
 Maha Berkuasa.

Sa'īd Ḥawā menambah bahawa mereka menutup telinga kerana tidak mahu mendengar ugutan dan berita-berita buruk yang disediakan untuk mereka di hari akhirat. Tetapi usaha mereka itu sia-sia, kerana menutup telinga dengan jari tidak dapat menyelesaikan bunyi guruh. Cahaya iman yang terdapat di hati mereka tidak dapat memberikan kebaikan yang banyak pada ketika kegelapan seperti itu. Lenyap sahaja cahaya itu, timbulah kegelapan di hati mereka.
 157

4. Kepada ahli kitab. Contohnya firman Allah:

156 Ibid. jil. 1, hal. 54-55

157 Sa'īd Ḥawā, op. cit. muj. 1, hal. 75-76.

إِنَّ

مَثَلُ عِيسَىٰ إِنَّمَا كَمْثَلٍ لَّهُ أَدَمَ حَلْقَةٌ مِّنْ تُرَابٍ ثُمَّ قَالَ
لَهُ كُنْ فَيَكُونُ ﴿٥٩﴾ شُورَةُ الْعَذَابِ

Maksudnya: "Sesungguhnya perbandingan kejadian Nabi Isa di sisi Allah, adalah sama seperti kejadian Nabi Adam. Allah telah menciptakan Adam dari tanah lalu berfirman kepadanya: Jadilah engkau! maka menjadilah dia."

(Ali-'Imrān 59).

Ayat tersebut telah membandingkan Isa (a.s.) dengan Adam (a.s.). Adam (a.s.) dijadikan tanpa bapa, sebab baginda dijadikan dari inti pati tanah. Isa (a.s.) juga dilahirkan oleh ibunya tanpa bapa. Kalau lah kejadian Adam (a.s.) tanpa bapa boleh diterima oleh orang Nasrani, kenapakah kejadian Isa (a.s.) tanpa bapa tidak boleh diterima?

158

Berdasarkan keterangan-keterangan tersebut, dapat disimpulkan bahawa Quran telah mengemukakan isi dakwah nya kepada sasaran dengan cara perbandingan. Dengan menggunakan cara tersebut, sasaran dapat memahami sejauhmanakah kesilapan cara mereka berfikir dan cara mereka bertindak.

c. Dengan Cara Perbahasan (al-jadal).

Quran telah menggunakan cara perbahasan untuk memberikan penjelasan dan hujah-hujah terhadap persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh sesuatu golongan, iaitu sebagaimana berikut:

1. Kepada orang **musyrik**. Contohnya firman Allah:

وَقَالُولَوَلَا أُنْزِلَ عَلَيْهِ
 إِيمَانٌ مِّنْ رَبِّهِ قُلْ إِنَّمَا أَلَيَّتُ عِنْدَ اللَّهِ وَإِنَّمَا أَنْذِرْتُ
 مُّبِينٌ ﴿٥٠﴾ شَرِكَةَ الْعَنَكِبُونَ

Maksudnya : "Dan mereka berkata: Mengapa tidak diturunkan kepada (Muhammad) mukjizat mukjizat dari Tuhan-nya? Jawablah (wahai Muhammad): Sesungguhnya (urusan menurunkan) mukjizat-mukjizat itu adalah tertentu bagi Allah, dan aku hanyalah seorang rasul pemberi amaran yang jelas nyata."

(al-'Ankabut 50).

Al-Qurtubī menjelaskan ayat tersebut bahawa orang-orang musyrik telah menyoal Rasulullah (s.a.w) kenapa beliau tidak dikurniakan tanda-tanda (mukjizat) sebagaimana nabi-nabi terdahulu? Allah menyuruh Nabi Nya menjawab bahawa tanda-tanda (mukjizat) itu adalah hak Allah. Ia bukan miliknya. Allah akan menunjukkan

tanda-tanda (mukjizat) itu bila sahaja Dia
kehendaki.

b. Kepada orang mulhid. Contohnya firman Allah:

وَقَالُوا إِذَا كُنَّا عَظِيمًا وَرَفَنَا أَئْنَا الْمَبْعُوثُونَ خَلْقًا جَدِيدًا ﴿٤١﴾
 قُلْ كُونُوا حِجَارَةً أَوْ حَدِيدًا ﴿٤٢﴾ أَوْ خَلْقًا مَاءً يَكُونُ بُرْفِ
 صُدُورِكُمْ فَسِيَقُولُونَ مَنْ يُهِيَّدُ نَافِلَ الَّذِي فَطَرَكُمْ أَوْ لَمْ يَرَ
 فَسِينَغْصُونَ إِلَيْكُمْ وَسَهْمٌ وَيَقُولُونَ مَتَى هُوَ قُلْ عَسَى أَنْ
 يَكُونَ قَرِيبًا ﴿٤٣﴾ شُورَةُ الْأَنْشَاءِ

Maksudnya: "Dan mereka berkata: Adakah sesudah kita menjadi tulang dan benda yang reput, adakah kita akan dibangkitkan semula dengan kejadian yang baru? Kata kanlah (wahai Muhammad): Jadilah kamu batu atau besi. Atau lain-lain makhluk yang terlintas di hati kamu sukar hidupnya, (maka Allah amat berkuasa menghidupkannya)! Mereka pula akan bertanya: Siapakah yang akan menjem balikan kita (hidup semula)? Katakanlah: Ialah (Allah) yang menjadikan kamu pada mulanya! Maka mereka akan menganggukkan kepala mereka kepadamu sambil bertanya secara mengejek: Bila berlakunya? Katakanlah: Dipercayai akan berlaku tidak lama lagi!"

(al-Isrā' 49 - 51).

Ayat tersebut berbahas dengan golongan yang menolak kebangkitan semula. Golongan ini menyata bahawa adakah sesudah mereka menjadi tulang belulang dan reput dimakan tanah akan dibangkit semula? Allah menghujah

pertanyaan tersebut bahawa kalau lah mereka berasa hairan dengan keadaan demikian, jika mereka berkuasa, maka hendaklah mereka menjadi batu atau besi, atau jadilah apa sahaja yang mereka mahu. Golongan tersebut bertanya lagi bahawa siapakah yang akan membangkitkan mereka? Allah menerangkan bahawa yang membangkitkan itu ialah yang menciptakan mereka dahulu. Mereka menggeleng (menggerakkan) kepala secara mengejek dan bertanya bahawa bilakah akan berlakunya kebangkitan itu? Allah menjawab bahawa ia akan berlaku dalam masa yang dekat
 160
 sahaja lagi.

3. Kepada orang munafik. Contohnya firman Allah:

يَحْذِرُ الْمُنَفِّقُونَ

أَن تُنَزَّلَ عَلَيْهِمْ سُورَةٌ لِّتُنَبَّهُمْ بِمَا فِي قُلُوبِهِمْ قُلْ أَسْتَهِنُ وَأَن
 إِنَّ اللَّهَ مُخْرِجٌ مَا يَحْذِرُونَ ۝ ۱۶۰ وَلَيَنْسَأَلَنَّهُمْ
 لِيَقُولُنَّ إِنَّمَا كُنَّا نَخُوضُ وَنَلْعَبُ قُلْ أَبِإِلَهٍ وَآيَتِهِ
 وَرَسُولِهِ كُنْتُمْ تَسْتَهِنُونَ ۝ ۱۶۱ لَا تَعْنَذِرُوْا فَدَكْفُرُتُمْ
 بَعْدَ إِيمَانِكُمْ إِنْ تَعْفُ عَنْ طَايِفَةٍ مِّنْكُمْ نُعَذِّبْ طَايِفَةً
 بِأَنَّهُمْ كَانُوا مُجْرِمِينَ ۝ ۱۶۲ شَرِيكًا لِّلَّهِ إِنَّمَا

Maksudnya: "Orang-orang munafik itu takut kalau diturunkan satu surah (Quran) yang menerangkan kepada mereka (dan kepada ramai) akan apa yang ada di dalam hati mereka (dari kekufuran). Katakanlah (wahai Muhammad): Ejek-ejeklah (seberapa yang kamu suka), sesungguhnya Allah akan mendedahkan apa yang kamu takut (terdedah untuk pengetahuan ramai). Dan jika engkau bertanya kepada mereka (tentang ejekan-ejekan itu), tentulah mereka akan menjawab: Sesungguhnya kami hanya bersembang-sembang dan bermain-main. Katakanlah: Patutkah nama Allah dan ayat-ayat-Nya serta rasul-Nya kamu memperolok-olok dan mengejeknya? Janganlah kamu berdalih (dengan alasan-alasan yang dusta), (kerana) sesungguhnya kamu telah kufur sesudah kamu (melahirkan) iman. Jika Kami maafkan sepuak dari kamu (kerana mereka bertaubat), maka Kami akan menyiksa puak (yang lain), kerana mereka adalah orang-orang yang terus bersalah."

(al-Taubah 64-66).

Al-Qurtubi menjelaskan bahawa mula-mula Allah menerangkan rahsia orang-orang munafik yang takut kalau-kalau diturunkan ayat yang menerangkan kandungan hati mereka. Kemudian Allah memberikan peringatan kepada mereka bahawa lakukanlah ejek-ejekan dan persendaan setakat yang mereka suka, tetapi Allah tetap akan mendedahkan apa yang mereka bimbangkan itu. Kalau ditanya kenapakah mereka mengejek-ejek dan mempersenda-sendakan agama ini dan orang-orang Islam? Mereka bersumpah bahawa mereka berbuat demikian hanya kerana bermain-main dan bergurau-gurau sahaja. Allah menjelaskan, bahawa tak usahlah mereka meminta maaf daripada dosa perbuatan mereka itu. Mereka telah kufur selepas

mereka beriman. Allah menjelaskan lagi bahawa kalaupun Dia memberikan keampunan itu, tetapi hanya kepada sesuatu golongan sahaja. Adapun golongan yang lain tetap bersalah, disebabkan kesalahan yang mereka lakukan.

4. Kepada ahli kitab. Contohnya firman Allah:

وَقَالَتِ الْيَهُودِ يَدُ اللَّهِ مَغْلُولَةٌ عَنْتَ أَيْدِيهِمْ وَلَعِنُوا
بِمَا قَالُوا بَلْ يَدَاهُ مَبْسُوطَاتٍ يُنْفِقُ كَيْفَ يَشَاءُ وَلَيَزِدَ رَبُّكَ كَيْرًا
مِنْهُمْ مَا أَنْزَلَ إِلَيْكَ مِنْ رِبَّكَ طَفِينًا وَكُفَّارًا وَالْقِنَّا بَيْنَهُمُ الْعَذَوَةُ
وَالْبَعْضَاءُ إِلَى يَوْمِ الْقِيَمَةِ ... ٦٤ شَوَّالُ الْكَانِدَةِ

Maksudnya: "Dan orang-orang Yahudi itu berkata: Tangan Allah terbelenggu (bakhil), tangan mereka lah yang terbelenggu dan mereka pula dilaknatkan dengan sebab apa yang mereka telah katakan itu, bahkan kedua tangan Allah sentiasa terbuka (nikmat dan kurniaan-Nya luas melimpah-limpah). Dia membelanjakan sebagaimana yang Diakehendaki; dan demi sesungguhnya apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu, akan menjadikan kebaikan dari mereka bertambah derhaka dan kufur; dan Kami tanamkan di antara mereka perasaan permusuhan dan kebencian hingga hari kiamat"

(al-Māidah 64).

161 Ibid. muj. 4/ jil.8, hal. 195-199.

Al-Sābūnī menjelaskan ayat tersebut bahawa orang Yahudi menuduh bahawa Allah bakhil terhadap hamba-Nya. Allah menjawab bahawa mereka yang bakhil dan papa dan menjelaskan bahawa mereka dijauhkan oleh-Nya daripada rahmat-Nya, kerana tuduhan yang jijik itu. Allah menegaskan bahawa Dia murah dan mulia, melimpahkan segala nikmat kepada siapa sahaja yang dikehendaki-Nya. Allah menambah bahawa Quran yang diturunkan itu akan menambahkan mereka kufur dan ingkar, kerana ketika turun ayat, maka bertambahlah keingkaran mereka. Allah menjelaskan lagi bahawa Dia menanamkan di kalangan mereka perasaan marah dan perseteruan.

162

Berdasarkan fakta-fakta yang telah dijelaskan, kesimpulannya dapat dibuat bahawa perbahasan dengan mengemukakan hujah-hujah tertentu di dalam sesuatu perkara dan menjawab tuduhan-tuduhan dan penyelewengan-penyelewengan yang dilakukan oleh sasaran merupakan satu cara dakwah Quran. Melalui perbahasan, Quran telah mengemukakan hujah-hujah yang kukuh untuk menjelaskan permasalahan-permasalahan yang ditimbulkan.

d. Dengan Cara Cerita.

Quran juga telah menggunakan cara bercerita semasa

162 Al-Sābūnī, Safwah al-Tafsīr, op. cit. muj. 1, hal. 352-353.

mendedahkan sesuatu perkara kepada sasarannya. Cara tersebut telah digunakan sebagaimana berikut:

1. Kepada orang musyrik. Contohnya firman Allah:

إِذْ قَالَ لِأَبِيهِ وَقَوْمِهِ مَا هَذِهِ التَّمَاثِيلُ الَّتِي
أَنْتُمْ هَامِنِينَ فَقَالُوا وَجَدْنَا إِلَيْهَا أَبَاءَنَا هَامِنِينَ
قَالَ لَقَدْ كُنْتُمْ أَنْتُمْ وَإِبْرَاهِيمَ كُمْ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ قَالُوا
أَجِئْنَا بِالْحَقِّ أَمْ أَنْتَ مِنَ الظَّاعِنِينَ قَالَ بَلْ رَبُّكُمْ رَبُّ السَّمَاوَاتِ
وَالْأَرْضِ الَّذِي فَطَرَهُنَّ وَإِنَّا عَلَى ذَلِكُمْ مِّنَ الشَّاهِدِينَ
وَتَعَالَى اللَّهُ لَا يَكِيدُنَا أَصْنَمُكُمْ بَعْدَ أَنْ تُولُوا مُؤْمِنِينَ
فَجَعَلَهُمْ مُّجْدَذِذًا إِلَّا كَيْدَرَاهُمْ لَعَلَّهُمْ إِلَيْهِ يَرْجِعُونَ
قَالُوا مَنْ فَعَلَ هَذَا إِنَّا هَيْنَا إِنَّا إِنَّا لِمِنَ الظَّالِمِينَ
قَالُوا سِمِّنَا فَتَيَّبْرُهُمْ يُقَالُ لَهُ إِبْرَاهِيمُ قَالُوا فَأَتُوَابُ
عَلَى أَعْيُنِ النَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَشَهَدُونَ قَالُوا إِنَّا فَعَلْنَا
هَذَا إِنَّا هَيْنَا بِإِبْرَاهِيمَ قَالَ بَلْ فَعَلَهُ كَيْرُهُمْ
هَذَا فَسْأَلُوهُمْ إِنْ كَانُوا يَنْطِقُونَ فَرَجَعُوا إِلَيْنَا
أَنْفُسِهِمْ فَقَالُوا إِنَّكُمْ أَنْتُمُ الظَّالِمُونَ ثُمَّ نُكَسُّوْنَا عَلَى
رُءُوسِهِمْ لَقَدْ عِلِّمْتَ مَا هَذُولَاهُ يَنْطِقُونَ قَالَ
أَفَتَعْبُدُونَ مِنْ دُوْنِ اللَّهِ مَا لَا يَنْفَعُكُمْ شَيْئًا وَلَا يَضُرُّكُمْ شَيْئًا

شَوَّدَةُ الْأَنْبِيَاءِ

Maksudnya: "Ketika dia berkata kepada bapanya dan kaumnya: Apakah hakikatnya patung-patung ini yang kamu bersungguh-sungguh memujanya? Mereka menjawab: Kami dapat i datuk nenek kami selalu menyembahnya. Dia berkata: Sesungguhnya kamu dan datuk nenek kamu adalah dalam kesesatan yang nyata. Mereka bertanya: Adakah engkau membawa kepada kami sesuatu yang

benar (sebagai seorang rasul), atau engkau dari orang-orang yang bermain-main sahaja? Dia menjawab: (Bukan bermain-main) bahkan Tuhan kamu ialah Tuhan yang mentadbirkan langit dan bumi, Dialah yang menciptanya; dan aku adalah dari orang-orang yang boleh memberi keterangan mengesahkan yang demikian itu. Dan demi Allah! Aku akan jalankan rancangan terhadap berhala-berhala kamu, sesudah kamu pergi meninggalkan (rumah berhala ini). Lalu dia memecahkan semuanya berketul-ketul, kecuali sebuah berhala mereka yang besar, supaya mereka kembali kepadanya. (Setelah melihat kejadian itu) mereka bertanya: Siapakah yang melakukan perbuatan yang demikian terhadap tuhan-tuhan kami? Sesungguhnya adalah dia dari orang-orang yang zalim. (Setengah dari) mereka berkata: Kami ada mendengar seorang anak muda bernama Ibrahim, mencacinya. (Ketua-ketua) mereka berkata: Jika demikian, bawalah dia di hadapan orang ramai supaya mereka menyaksikan (tindakan mengenainya). (Setelah dia dibawa ke situ) mereka bertanya: Engkaukah yang melakukan demikian kepada tuhan-tuhan kami, wahai Ibrahim? Dia menjawab: Bahkan, yang melakukannya ialah (berhala) yang besar di antara mereka ini! Maka bertanyalah kamu kepada mereka kalau-kalau mereka dapat berkata-kata. Maka mereka (penyembah-penyeimbah berhala) kembali kepada diri mereka (memikirkan hal itu) lalu berkata (sama sendiri): Sesungguhnya kamulah sendiri orang-orang yang zalim. Kemudian mereka terbalik fikiran mereka kepada kesesatan, lalu berkata: Sesungguhnya engkau (wahai Ibrahim), telah sedia mengetahui bahawa berhala-berhala itu tidak dapat berkata-kata (maka kenapa engkau menyuruh kami bertanya kepadanya)? Nabi Ibrahim berkata: Jika demikian, patutkah kamu menyembah yang lain dari Allah sesuatu yang tidak dapat mendatangkan faedah sedikitpun kepada kamu, dan juga tidak dapat mendatangkan mudarat kepada kamu?"

(al-Anbiyā' 52 - 66).

Al-Shawkānī menjelaskan maksud ayat-ayat tersebut bahawa Allah menceritakan apa yang berlaku pada suatu masa dahulu, iaitu antara Nabi Ibrahim (a.s.) dan kaumnya. Pada masa itu baginda berdialog dengan bapanya yang bernama Azr dan kaumnya, iaitu Namrud dan pengikut-pengikutnya. Nabi Ibrahim (a.s.) menolak penyembahan terhadap patung-patung. Baginda hairan kepada kelakuan kaumnya yang sentiasa memuja patung-patung dengan bersungguh-sungguh. Mereka menjawab bahawa perbuatan seperti itu dilakukan sejak datuk nenek mereka dahulu lagi, dan menjelaskan yang mereka sekadar mengikut sahaja. Nabi Ibrahim (a.s.) menjelaskan bahawa perbuatan seperti itu rugi dan sesat yang amat jelas. Kesesatan yang dilakukan itu dapat dilihat dan difikirkan oleh sesiapapun, kerana apa yang dipujakan itu tidak boleh memberikan apa-apa faedah atau mudarat, tidak melihat dan mendengar. Setelah mendengar penjelasan Nabi Ibrahim itu mereka bertanya apakah beliau berkata di atas kebenaran atau cuma main-main sahaja? Nabi Ibrahim menjawab bahawa dia tidak main-main, dan menjelaskan bahawa Tuhan mereka ialah Tuhan yang menciptakan langit dan bumi ini, sambil menegaskan bahawa baginda tahu dan bersaksi di atas yang demikian itu.

163

¹⁶³ Al-Shawkānī, op. cit. jil. 3, hal. 411-412

Selepas itu Nabi Ibrahim (a.s.) mengubah usaha dari berhujah melalui mulut kepada mengubah kemungkaran melalui tangan. Dengan itu, baginda bersumpah untuk mengenakan patung-patung mereka setelah mereka berlalu
164 dari situ.

Setelah mereka pergi dari situ, kerana menghadiri satu perayaan, maka Nabi Ibrahim mula pecah-pecahkan patung-patung itu sehingga berselerak semuanya, kecuali sebuah sahaja, iaitu yang paling besar. Tujuan baginda berbuat demikian untuk menjadi hujah apabila mereka datang nanti. Apabila mereka pulang dari perayaan dan melihat apa yang berlaku terhadap patung-patung mereka, dengan amat kesal mereka bertanya-tanya tentang siapakah yang melakukan perbuatan yang zalim itu? Lalu ada di antara mereka memberitahu bahawa Ibrahim ada menyebut untuk berbuat sesuatu ke atas patung-patung itu. Mereka menuduh Ibrahimlah yang bertanggungjawab. Setelah diberitahu begitu, orang yang bertanya-tanya tadi menyuruh antara mereka membawa Ibrahim di hadapan umum untuk menerima pembalasan supaya perbuatan seperti itu tidak diikuti oleh orang lain. Apabila Nabi Ibrahim di bawa ke hadapan orang ramai, baginda ditanya apakah baginda yang melakukan perbuatan tersebut. Nabi Ibrahim pun menjawab bahawa ia

dilakukan oleh yang besar itu (sambil menunjuk kepada patung besar yang tidak diusikkan itu). Baginda menyuruh mereka menanyakan patung itu, jika ia dapat memahami dan dapat berkata-kata! Tujuan baginda untuk menjelaskan bahawa benda yang tidak mengerti sesuatu dan tidak dapat berkata-kata itu tidak berhak dipuja dan tidak boleh dikatakan tuhan.

165

Ada di antara mereka berpuas hati dengan hujah yang dibawakan oleh Ibrahim (a.s.) dan faham mesej yang hendak dibawanya. Mereka pun bercakap-cakap di antara mereka bahawa merekaalah yang zalim, kerana memuja benda-benda seperti ini. Kesedaran yang timbul di hati mereka itu lenyap semula, kerana kejahilan dan keras kepada kembali menguasai diri mereka lagi. Mereka lantas mengherdik Nabi Ibrahim dan terus menjelaskan yang baginda sedia tahu bahawa patung-patung itu tidak boleh berkata-kata. Nabi Ibrahim mendapat peluang lagi dan terus bertanya kenapakah mereka memuja dan menyembah selain Allah, sedangkan benda-benda itu tidak boleh memberi sebarang faedah dan menolak sebarang keburukan

166

2. Kepada orang mulhid. Contohnya firman Allah:

165 Ibid, hal. 413-414

166 Ibid, hal. 414-415.

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِي حَاجَ إِبْرَاهِيمَ فِي رَبِّهِ
 أَنْ أَتَاهُ اللَّهُ الْمُلْكَ إِذَا قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّي الَّذِي يُحِبِّي
 وَيُمِيتُ قَالَ أَنَا أُحِبُّي وَأَمِيتُ قَالَ إِبْرَاهِيمُ فَإِنَّ اللَّهَ يَأْتِي
 بِالشَّمْسِ مِنَ الْمَشْرِقِ فَأَتَ بِهَا مِنَ الْمَغْرِبِ فَبُهِتَ الَّذِي
 كَفَرَ وَاللَّهُ لَا يَهِيدُ الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٢٥٨﴾ سُورَةُ الْبَقَرَةِ

Maksudnya: "Tidaklah engkau (pelik) memikirkan (wahai Muhammad) tentang orang yang berhujah membantah Nabi Ibrahim (dengan sombongnya) mengenai tuhannya, kerana Allah memberikan orang itu kuasa pemerintahan? Ketika Nabi Ibrahim berkata: Tuhanmu ialah yang menghidupkan dan yang mematikan. Dia menjawab: Aku juga boleh menghidupkan dan memati kan. Nabi Ibrahim berkata lagi: Sesungguhnya Allah menerbitkan mata hari dari timur, oleh itu terbitkanlah ia dari barat? Maka tercenganglah orang yang kafir itu (lalu diam membisu). Dan (ingatlah) Allah tidak akan memberikan petunjuk kepada kaum yang zalim."

(al-Baqarah 258).

Al-Sibūnī menjelaskan bahawa ayat tersebut menceritakan tentang perbahasan antara Nabi Ibrahim (a.s.) dengan Namrud bin Kan'an mengenai wujudnya Allah. Namrud menafikan wujudnya Allah dan kekuasaan-Nya. Nabi Ibrahim berkata untuk memberikan hujahnya yang Allah itu ada bahawa Tuhan baginda ialah yang menjadi hidup dan mati. Dialah sahaja Tuhan sekalian alam ini. Namrud menjawab bahawa dia juga boleh menghidup dan mematikan, sambil membawa ke hadapan dua orang;

satu daripadanya dibunuh dan satu lagi dibiarkan hidup. Beliau menambah bahawa yang seorang beliau mematikan dan yang seorang lagi itu beliau hidupkan. Nabi Ibrahim meminta kalaularah Namrud mendakwa ketuhanan yang boleh menghidup dan mematikan sesiapa sahaja, sebagaimana Tuhan sekalian alam ini, maka matahari yang naik setiap hari di sebelah timur ubahkanlah supaya naik di sebelah barat, walaupun sekali sahaja. Maka membisulah Namrud tidak dapat menjawab kerana mati
 167
 hu jah.

3. Kepada orang munafik. Contohnya firman Allah:

اللَّهُ تَرَى إِلَى الَّذِينَ يَرْعَمُونَ أَنَّهُمْ أَمْنَوْا بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ
 وَمَا أُنزِلَ مِنْ قَبْلِكَ يُرِيدُونَ أَنْ يَتَحَكَّمُوا إِلَى الظَّغْوَةِ
 وَقَدْ أُمِرُوا أَنْ يَكْفُرُوا بِهِ، وَيُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُضِلَّهُمْ
 ضَلَالًا بَعِيدًا ٦٠ وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا إِلَى مَا أُنْزَلَ
 اللَّهُ وَإِلَى الرَّسُولِ رَأَيْتَ الْمُنَافِقِينَ يَصْدُونَ عَنْكَ
 صُدُودًا ٦١ شُورَةُ النَّبِيِّ

Maksudnya: "Tidakkah engkau (hairan) melihat (wahai Muhammad) orang-orang (munafik) yang mendakwa bahawa mereka telah beriman kepada Quran yang telah

167 Al-Šābūnī, Safwah al-Tafāsīr, op. cit., muj. 1, hal. 164-165.

diturunkan kepadamu dan kepada (kitab-kitab) yang telah diturunkan dahulu daripadamu? Mereka suka hendak berhakim kepada tāghūt, padahal mereka telah diperintahkan supaya kufur, ingkar kepada (tāghūt) itu. Dan syaitan pula sentiasa hendak menyesatkan mereka dengan kesesatan yang sejauh-jauhnya. Dan apabila dikatakan kepada mereka: Marilah berhakim kepada hukum Qur'an yang telah diturunkan oleh Allah dan kepada hukum rasul Allah, neseaya engkau melihat orang-orang munafik itu berpaling serta menghalang (manusia) dengan bersungguh-sungguh dari pada menghampirimu."

(al-Nisā' 60-61).

Mengikut al-Fakhr al-Rāzī bahawa ayat-ayat tersebut mengisahkan tentang orang munafik yang menolak hukum Islam. Allah menceritakan orang-orang munafik tidak taatkan rasul dan tidak mahu kepada hukumannya. Mereka hendakkan hukuman lain, sedangkan hukuman lain itu disuruh mereka menolaknya. Orang-orang munafik menolak hukuman dari Nabi Muhammad (s.a.w) kerana mereka zalim.

4. Kepada ahli kitab. Contohnya firman Allah:

لَقَدْ أَخْذَنَا مِثْقَلَ بَنِي إِسْرَائِيلَ وَأَرْسَلْنَا إِلَيْهِمْ رُسُلًا كُلُّمَا جَاءَهُمْ رَسُولٌ بِمَا لَا تَهُوَى أَنفُسُهُمْ فَرِيقًا كَذَّبُوا وَفِرِيقًا يَقْتَلُونَ

168 Al-Fakhr al-Rāzī, op. cit, jil. 10, hal. 153-156.

وَحِسْبُوْا الَّاتِكُوتْ فِتْنَةً فَعَمُوا وَصَمُوا ثُمَّ تَابَ اللَّهُ
 عَلَيْهِمْ ثُمَّ عَمُوا وَصَمُوا كَثِيرٌ مِّنْهُمْ وَاللَّهُ بَصِيرٌ بِمَا
 يَعْمَلُونَ ﴿٧١﴾ لَقَدْ كَفَرَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ هُوَ
 الْمَسِيحُ ابْنُ مَرْيَمَ وَقَالَ الْمَسِيحُ يَأْتِيَ إِسْرَئِيلَ أَعْبُدُهُ
 اللَّهُ رَبِّي وَرَبُّكُمْ إِنَّهُ مَنْ يُشْرِكُ بِاللَّهِ فَقَدْ حَرَمَ اللَّهُ عَلَيْهِ
 الْجَنَّةَ وَمَا وَأْنَهُ أَنَّارٌ وَمَا لِظَالِمٍ مِّنْ أَنْصَارٍ ﴿٧٢﴾ شَوَّالُ الْكَلَائِيدَةَ

Maksudnya: "Demi sesungguhnya Kami telah mengambil perjanjian setia dari Bani Israil dan Kami telah utuskan kepada mereka beberapa orang rasul, (tetapi) tiap-tiap kali datang seorang rasul kepada mereka dengan membawa apa yang tidak disukai oleh hawa nafsu mereka, mereka mendustakan sebahagian dari rasul-rasul itu, dan mereka bunuh yang sebahagian lagi. Dan mereka juga menyangkal bahawa tidak akan berlaku sebarang bencana, lalu mereka membutakan mata dan memekakkan telinga, kemudian Allah menerima taubat mereka, setelah itu kebanyakannya dari mereka membutakan mata dan memekakkan telinga lagi pada hal Allah amat melihat akan apa yang mereka lakukan. Demi sesungguhnya telah kafir-lah orang-orang yang berkata: Bahawasanya Allah ialah al-Masih ibnu Maryam. Pada hal al-Masih sendiri berkata: Wahai Bani Israil! sembahlah Allah, Tuhanku dan Tuhan kamu, bahwasanya sesiapa yang mempersekuatkan Allah dengan sesuatu yang lain, maka sesungguhnya Allah haramkan kepadanya syurga dan tempat kembalinya ialah neraka; dan tiadalah seorang penolong pun bagi orang-orang yang berlaku zalim."

(al-Māidah 70-72).

Ayat-ayat tersebut menceritakan sebahagian daripada perbuatan-perbuatan buruk Bani Israil, khususnya

hubungan mereka dengan rasul-rasul mereka. Allah menjelaskan bahawa Dia telah mengutuskan kepada Bani Israel rasul-rasul untuk memperkenalkan kepada mereka syariat dan memperingatkan mereka tentang pembalasan Allah suatu masa nanti. Apa mereka lakukan kepada rasul-rasul itu? Jawabnya ialah mereka derhaka dan membohongi sebahagian rasul seperti terhadap Nabi Isa (a.s.) dan sebahagian lagi mereka bunuh seperti Nabi Zakaria (a.s.) dan Nabi Yahya (a.s.). Mereka menyangka bahawa mereka tidak diuji demikian dengan alasan bahawa mereka anak-anak Allah yang disayangi. Sedangkan mereka buta dari mendapat petunjuk dan tuli dari mendengar kebenaran pada peringkat mula-mula mereka menerima kitab Taurat yang diturunkan untuk mereka. Kemudian, mereka juga masih bersikap demikian walaupun selepas mereka bertaubat daripada kesalahan-kesalahan yang
 169
 mereka telah lakukan.

Berdasarkan keterangan-keterangan yang tersebut di atas, kesimpulannya ialah bentuk cerita merupakan satu cara dakwah Quran. Dengan cara cerita dapat menyedarkan sasaran dakwah dari terus terjebak di dalam kebodohan mereka sendiri yang akan membawa kepada kesengsaraan.

e. Dengan Cara Cabaran.

169 Al-Shawkānī, op. cit. jil. 2, hal. 63

Dalam kajian ini akan dapat dilihat bagaimana Quran mengemukakan hujah-hujah untuk mencabar dakwaan golongan yang degil tidak mahu menerima pengajaran yang dibawa olehnya, iaitu sebagaimana berikut:

1. Cabaran kepada orang musyrik. Contohnya firman Allah:

قُلْ فَأَتُؤْكِنْ بِمَنْ عِنْدِ اللَّهِ هُوَ أَهْدَى مِنْهُمَا أَتَيْتُهُمْ
إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٤٩﴾ سُورَةُ الْقَصَّابِ

Maksudnya: "Katakanlah (wahai Muhammad): Kalaulah demikian sikap kamu maka bawalah sebuah kitab dari sisi Allah yang dapat memberi panduan lebih daripada kedua-duanya, supaya aku menurutnya. (Bawalah ia) jika betul kamu orang-orang yang benar!"
(al-Qasas 49).

Ayat tersebut merupakan cabaran kepada orang-orang musyrik yang menolak Quran dan Taurat dan menuduh kedua-duanya sebagai sihir. Jika mereka menolak kedua-duanya dengan alasan-alasan tersebut, maka hendaklah mereka membawa kitab daripada Allah yang lebih baik daripada kedua-duanya itu. Jika tidak, maka jelaskan bahawa itu hanya pendapat mereka sendiri yang datang

170
dari syaitan.

2. Cabaran kepada orang mulhid. Contohnya Utsman Allah:

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِي حَاجَ إِبْرَاهِيمَ فِي رَبِّهِ^{وَ}
 أَنَّهُ أَتَاهُ اللَّهُ الْمُلْكَ إِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّي الَّذِي يُحِبُّ
 وَيُمِيتُ قَالَ أَنَا أُحِبُّ وَأُمِيتُ قَالَ إِبْرَاهِيمُ فَإِنَّ اللَّهَ يَأْتِي
 بِالشَّمْسِ مِنَ الْمَشْرِقِ فَأَتَ بِهَا مِنَ الْمَغْرِبِ فَبَهِتَ الَّذِي
 كَفَرَ وَاللَّهُ لَا يَهِدِ الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ شَعْرُ الْبَقْعَةِ ﴿٢٨﴾

Maksudnya: "Tidakkah engkau (pelik) memikirkan (wahai Muhammad) tentang orang yang berhujah membantah Nabi Ibrahim (dengan sombongnya) mengenai Tuhanmu, kerana Allah memberikan orang itu kuasa pemerintahan? Ketika Nabi Ibrahim berkata: Tuhanku ialah yang menghidupkan dan yang mematikan. Dia menjawab: Aku juga boleh menghidupkan dan memati kan. Nabi Ibrahim berkata lagi: Sesungguhnya Allah menerbitkan matahari dari timur, oleh itu terbitkanlah ia dari barat? Maka tercenganglah orang yang kafir itu (lalu diam membisu). Dan (ingatlah) Allah tidak akan memberikan petunjuk kepada kaum yang zalim."

(al-Baqarah 258).

Berdasarkan ayat tersebut Rashid Ridā menambahkan

170 Al-Qurtubī, op. cit. muj. 7/ jil. 13, hal. 294 295

bahawa apabila Nabi Ibrahim (a.s.) memperkenalkan Tuhanya dan Tuhan alam ini kepada raja yang mengaku ketuhanan dan menolak ketuhanan Allah yang Maha Agung, yang menghidup dan mematikan, maka raja itu mendakwa dia juga boleh menghidup dan mematikan. Bukti yang diberikan ialah memaafkan orang yang telah dibukum bunuh lalu orang itu hidup dan membunuh siapa sahaja yang dia mahu bunuh dengan perintah membunuhnya. Selepas itu Nabi Ibrahim (a.s.) berpindah kepada hujah lain yang berbentuk cabaran kerana baginda tahu sesiapa pun tidak mungkin menjawab persoalan yang akan dikemukakan. Baginda berkata bahawa Dialah yang menaikkan matahari di ufuk timur dan Dialah yang mengaturkan segala alam ini. Selepas itu baginda pun mencabar raja tersebut bahawa jika beliau dapat berbuat sebagaimana yang Allah buat, ubahlah peraturan alam ini; bawalah matahari dari arah yang berlawanan dengan yang asal.

171

3. Cabaran kepada orang munafik. Contohnya firman Allah:

أَلَّذِينَ قَاتُلُوا لِأَخْوَاهُمْ
 وَقَعَدُوا لَوْأَطَا عُنَانًا مَا قُتِلُوا أَفَلَمْ فَادِرُهُ وَأَعْنَانُ أَنفُسِهِمْ
 الْمَوْتَ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ١٧١ شَوَّالُ التَّغْيِيرَاتِ

Maksudnya: "Merekalah juga yang mengatakan tentang hal saudara-saudaranya (yang telah terbunuh di medan perang Uhud), sedang mereka sendiri tidak turut berperang: Kalaullah mereka taatkan kami (turut menarik diri) tentulah mereka tidak terbunuh. Katakanlah (wahai Muhammad): Jika demikian, hindarkanlah maut itu dari diri kamu, jika betul kamu orang-orang yang benar."

(Ali-'Imrān 168).

Sa'Id Hawā menjelaskan ayat tersebut bahawa orang orang munafik yang berpatah balik dari meneruskan peperangan Uhud berkata-kata tentang saudara-saudara mereka orang-orang Islam yang mati di dalam peperangan tersebut bahawa kalaullah orang-orang Islam mengikut perintah kami agar tidak menyertai peperangan itu, tentu mereka tidak mati. Allah mencabar kata-kata tersebut bahawa kalaullah berdiam diri di rumah tanpa mengikut peperangan itu boleh menyelamatkan seseorang daripada mati, maka mereka tidak akan mati. Mereka juga dicabar supaya mengelakkan diri mereka daripada terkena mati, jika mereka benar!
172

4. Cabaran kepada ahli kitab. Contohnya firman Allah:

وَقَالَتِ الْيَهُودُ وَالنَّصَارَى نَحْنُ أَبْنَاءُ اللَّهِ وَأَحِبَّتُهُمْ قُلْ
فَلِمَ يُعَذِّبُكُمْ بِذُنُوبِكُمْ بَلْ أَنْتُمْ بَشَرٌ مِّنْ خَلْقٍ يَعْفُرُ لِمَ

يَشَاءُ وَيُعَذِّبُ مَنْ يَشَاءُ وَلِلَّهِ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ
 وَمَا بَيْنَهُمَا وَإِلَيْهِ الْمَصِيرُ ﴿١٨﴾

Maksudnya: "Orang-orang Yahudi dan Nasrani berkata: Kami adalah anak-anak Allah (orang-orang yang rapat sekali kepada Allah) dan yang sangat-sangat disayangi-Nya. Katakanlah (wahai Muhammad): (Kalan betul demikian), maka mengapa Dia menyiaksa kamu dengan sebab dosa-dosa kamu? (Sebenarnya bukanlah sebagaimana yang kamu dakwakan) bahkan kamu semua nya adalah manusia biasa, di antara manusia-manusia lain yang dijadikan-Nya. Dia mengampunkan bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut aturan serta hukum syariat-Nya), demikian juga Dia menyiaskan sesiapa yang dikelihendaki-Nya. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kuasa pemerintahan langit dan bumi dan segala yang ada di antara keduanya, dan kepada Allah jualah tempat kembali."

(al-Mâidah 18)

Abū al-Fadl Shihāb al-Dīn al-Sayyid Maḥmūd al-Alūsī menjelaskan bahawa ayat tersebut mencabar golongan ahli kitab yang mengatakan bahawa mereka satu golongan yang hampir dengan Allah dan mereka dikasih oleh-Nya. Allah menolak dakwaan tersebut bahawa kalan-jah betul sebagaimana yang dikatakan itu, kenapakah mereka juga akan diazab di dalam neraka pada hari akhirat nanti? Ini berdasarkan kepercayaan mereka sendiri yang mengatakan bahawa mereka akan dimasukkan di dalam neraka beberapa hari, iaitu selama hari-hari penyembahan mereka terhadap lembu. Dakwaan tersebut

tercabar kerana berlawanan dengan pendapat mereka
 173 sendiri.

Berdasarkan keterangan-keterangan di atas dapat disimpulkan bahawa cabaran merupakan satu daripada cara dakwah Quran. Dari cabaran tersebut memperlihatkan apa yang dibawa oleh Nabi Muhammad (s.a.w) benar dan tuduhan orang-orang kafir bohong semata-mata.

f. Dengan Cara Galakan.

Quran juga telah menggunakan cara galakan dalam dakwahnya terhadap orang bukan Islam. Cara tersebut bererti bahawa Quran menggalakkan sasarannya menerima Islam dengan ganjaran baik dan keampunan Allah yang akan diberikan kepada orang yang berbuat demikian. Cara tersebut adalah sebagaimana berikut:

1. Kepada orang musyrik. Contohnya firman Allah:

وَقِيلَ
 لِلَّذِينَ أَتَقْوَى مَاذَا أَنْزَلَ رَبُّكُمْ قَالُوا خَيْرٌ لِلَّذِينَ أَحْسَنُوا فِي
 هَذِهِ الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَلَدَارُ الْآخِرَةِ خَيْرٌ وَلِنَعْمَ دَارُ الْمُتَّقِينَ

173 Shihāb al-Dīn al-Sayyid Maḥmūd al-Alūsī, (m. 1270 H. = 1853 or 54 M.). *Rūh al-Ma'āni fī Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīz wa al-Sab' al-Mathnāwī*, Dār al-Fikr, Beirut, 1398 H. / 1978 M. muj. 2/ jil. 6, hal. 100-101. Selepas ini disebut al-Alūsī sahaja.

﴿٢٠﴾ جَنَّاتُ عَدِينِ يَدْخُلُونَهَا بَحْرَى مِنْ تَحْتِهَا أَلَانَهُرُّمُ فِيهَا
 مَا يَشَاءُونَ كَذَلِكَ يَبْرُزِي اللَّهُ الْمُنْتَقِيْنَ ﴿٢١﴾ الَّذِينَ نَوَّفْنَاهُمْ
 الْمَلَائِكَةُ طَيِّبِينَ يَقُولُونَ سَلَامٌ عَلَيْكُمْ أَدْخُلُوا الْجَنَّةَ بِمَا
 كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٢٢﴾ شَوَّالُ الْخَلَلِ

Maksudnya: "Dan ditanya pula kepada orang-orang yang bertakwa: Apakah yang telah diturunkan oleh Tuhan kamu? Mereka menjawab: Kebaikan. Orang-orang yang berbuat kebaikan di dunia ini beroleh balasan yang baik, dan sesungguhnya balasan negeri akhirat itu lebih baik lagi; dan memanglah (negeri akhirat) ialah sebaik-baik negeri bagi orang-orang yang bertakwa. (Untuk mereka) syurga-syurga "'Adn'", yang mereka akan memasukinya, yang mengalir padanya beberapa sungai; mereka beroleh di dalam syurga-syurga itu apa yang merekakehendaki; demikianlah Allah membalas orang-orang yang bertakwa. (Iaitu) mereka yang diambil nyawanya oleh malaikat dalam keadaan mereka bersih suci (dari kufur syirik dan maksiat) sambil malaikat itu berkata kepada mereka: Selamat sejahtera kepada kamu; masuklah ke dalam syurga disebabkan amal baik yang telah kamu kerjakan."

(al-Nahl 30-32).

Al-Shawkānī menjelaskan bahawa ayat-ayat tersebut menerangkan bahawa Allah akan memberikan pembalasan baik kepada orang yang mengerjakan amalan-amalan baik di dunia ini. Mereka akan diberikan kebaikan di dunia dan di akhirat. Di akhirat nanti mereka dikurniakan syurga. Semuanya itu sebagai balasan kepada orang yang mengelakkan diri daripada syirik dan amalan-amalan yang membawa ke neraka, yang mati dalam keadaan suci

174
dari pada syirik.

Dari keterangan-keterangan tersebut dapat disimpulkan bahawa golongan yang kembali ke pangkal jalan setelah meraba-raba di dalam kesesatan, diberikan penghormatan dan pembalasan yang baik di dunia dan di akhirat. Mereka digalakkan supaya berbuat demikian.

2. Kepada orang mulhid. Contohnya firman Allah:

فَعَامِنُوا بِاللَّهِ
وَرَسُولِهِ وَالنُّورِ الَّذِي أَنْزَلْنَا وَاللَّهُ يُمَانِعُ الْمُكَافِرُونَ حَتَّىٰ يَوْمٌ
يَجْمِعُكُمْ لِيَوْمٍ الْجَمْعِ ذَلِكَ يَوْمُ النَّغَابَةِ وَمَنْ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَيَعْمَلْ
صَالِحًا يُكَفَّرَ عَنْهُ سَيِّئَاتِهِ وَيُدْخَلَهُ جَنَّتِ تَجْرِي مِنْ تَحْنَاهَا
الْأَنْهَارُ خَلِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿١﴾ شُورَةُ النَّعَابِنَ

Maksudnya: "Oleh itu, berimanlah kamu kepada Allah dan kepada rasul-Nya serta kepada penerangan cahaya- Quran- yang Kami turunkan. Dan (ingatlah) Allah amat mendalam pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan. (Ingatkanlah) masa Allah menghimpunkan kamu pada hari perhimpunan (untuk menerima balasan), itulah hari masing-masing nampak kerugiannya. Dan (ingatlah) sesiapa yang beriman kepada Allah serta mengerjakan amal salih, nescaya Allah mengampunkan dosa-dosanya dan memasukkannya ke dalam syurga

yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; yang demikian itulah kemenangan yang besar."

(al-Tagħabun 8-9).

Berdasarkan ayat-ayat tersebut Ibn Kathīr menjelaskan bahawa selepas Allah menceritakan keadaan orang musyrik dan mulhid yang tidak mempercayai kebangkitan semula, maka Allah menyeru manusia supaya mempercayai Allah, rasul-Nya dan Quran yang diturunkan. Kemudian Allah menegaskan akan wujudnya hari tersebut untuk menghimpunkan seluruh manusia. Kemudian Allah menggalakkan manusia supaya beriman dengan Allah dan beramal salih, sebab iman dan amal salih boleh menghapuskan kesalahan-kesalahan yang pernah dilakukan dan balasan-nya mereka akan dimasukkan ke dalam syurga.

175

3. Kepada orang munafik. Contohnya firman Allah:

وَلَوْ أَنَا كَنَبَنَا عَلَيْهِمْ أَنْ أَقْتُلُو أَنفُسَكُمْ أَوْ أَخْرُجُوكُمْ
دِيْرِكُمْ مَا فَعَلُوهُ إِلَّا قَلِيلٌ مِّنْهُمْ وَلَوْ أَنَّهُمْ فَعَلُوا مَا يُوَعِّظُونَ
بِهِ لَكَانَ خَيْرًا لَّهُمْ وَأَشَدَّ تَنْهِيَتًا ٦٦ وَإِذَا لَأَتَيْنَاهُم مِّنْ
لَدُنَّا أَجْرًا عَظِيمًا ٦٧ وَلَهُدَى نَهْمُ صِرَاطًا مُّسْتَقِيمًا ٦٨
سُورَةُ النَّذِيْنَ

175 Ibn Kathīr, op. cit. jil. 4, hal. 374-375

Maksudnya: "Dan sesungguhnya, kalau Kami wajibkan kepada mereka (dengan perintah): Bunuhlah diri kamu sendiri, atau keluarlah dari tempat kediaman kamu, nescaya mereka tidak akan melakukannya, kecuali sedikit di antara mereka. Dan sesungguhnya kalau mereka mengamalkan nasihat pengajaran (meliputi suruh dan tegah) yang telah diberikan kepada mereka, tentulah yang demikian itu lebih baik kepada mereka dan lebih meneguhkan (iman mereka). Dan (setelah mereka berkeadaan demikian), tentulah Kami akan memberikan kepada mereka, dari sisi Kami, pahala balasan yang amat besar. Dan tentulah Kami pimpin mereka ke jalan yang betul (lurus)."

(al-Nisā' 66 - 68).

Al-Qurtubī menjelaskan bahawa ayat-ayat tersebut memberi galakan kepada orang munafik supaya kembali kepada Allah dan rasul-Nya dengan mentaati segala perintah. Kalau mereka melaksanakan apa yang diperintahkan ke atas mereka, mereka akan mendapat kebaikan di dunia dan di akhirat. Mereka akan diberikan pahala yang besar di akhirat nanti.

176

4. Kepada ahli kitab. Contohnya firman Allah:

.. وَلَوْمَاءَ مَنْ
أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ فَنَهَمُوا
وَأَكْثَرُهُمُ الْفَسِيقُونَ ١١٠ شَكْرُ اللَّعْنَةِ

Maksudnya: ".....Dan kalaularah ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman, dan kebanyakan dari mereka orang-orang fasik."

(Ali-'Imrān 110).

Ayat tersebut antara lain merupakan satu galakan kepada ahli kitab supaya mengikut agama ini. Kalaularah ahli kitab itu berbuat demikian, mereka akan mendapat kebaikan di dunia ini dan pahala di akhirat nanti.¹⁷⁷

Berdasarkan keterangan-keterangan yang telah dijelaskan dapat disimpulkan bahawa isi dakwah yang dikemukakan kepada sasarán dalam bentuk galakan merupakan satu cara dakwah Quran. Dengan penyampaian bentuk galakan ini, peluang-peluang bertaubat dan kembali kepada kebenaran dari kesilapan, penyelewengan-penyelewengan dan kedegilan-kedegilan sasaran dakwah didedah dengan seluas-luasnya. Lepas itu diterangkan keuntungan orang yang merebut peluang ini, iaitu berada di dalam kesenangan dunia dan nikmat akhirat nanti.

g. Dengan Cara Ancaman.

Quran juga telah menyampaikan dakwahnya kepada orang bukan Islam dengan cara ancaman. Cara ini bererti

177 Al-Fakhr al-Rāzī, op. cit. jil. 8, hal. 181

bahawa Allah akan mengenakan kesusahan dan kesengsaraan di dunia dan di akhirat ke atas orang yang masih berdegil tidak mahu menerima Islam. Kajian ini akan dapat dilihat bagaimanakah cara tersebut digunakan, iaitu sebagaimana berikut:

1. Kepada orang musyrik. Contohnya firman Allah:

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ بَدَلُوا نِعْمَةَ اللَّهِ كُفَّارًا
 وَأَحَلُوا قَوْمَهُمْ دَارَ الْبَوَارِ ٢٨ جَهَنَّمَ يَصْلَوْنَهَا وَيُشَرِّكُ
 الْقَرَارُ ٢٩ وَجَعَلُوا اللَّهَ أَنَدَادًا لِّيُضْلُّوْا عَنْ سَبِيلِهِ قُلْ
 تَمَتَّعُوا فَإِنَّ مَصِيرَكُمْ إِلَى النَّارِ ٣٠ شُوَّرَةُ الْأَفْلَقِ

Maksudnya: "Tidakkah engkau melihat (dan merasa ajaib) terhadap orang-orang kafir yang telah menukar kesyukuran nikmat Allah dengan kekufuran, dan yang telah menempatkan kaum mereka dalam kebinasaan? (Iaitu) neraka jahanam yang mereka akan menderita bakarannya; dan (ingatlah) seburuk-buruk tempat tetap ialah neraka jahanam. Dan mereka mengadakan sekutu-sekutu bagi mereka untuk menyersetkan manusia dari jalan-Nya. Katakanlah (wahai Muhammad): Bersenang-senanglah kamu (bagi sementara di dunia), kerana sesungguhnya kesudahan kamu ke neraka."

(Ibrāhīm 28-30).

Ayat tersebut (ayat 30) memberi peringatan kepada orang musyrik berhubung dengan akibat buruk yang akan

tertimpa mereka, iaitu neraka. Ia juga menjelaskan bahawa akibat tersebut tidak sepadan dengan kesenangan dunia yang sebentar sahaja yang di dapati dari kekufuran mereka.

178

2. Kepada orang mulhid. Contohnya firman Allah:

أَهُمْ

خَيْرٌ أَمْ قَوْمٌ تَبَعُّ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ أَهْلَكْنَاهُمْ إِنَّهُمْ كَانُوا مُجْرِمِينَ

سورة الدخان
٣٧

Maksudnya: "(Mengapa mereka masih berdegil dalam kekufurannya?) Adakah mereka yang lebih kekuatan dan kehandalannya atau kaum "Tubba'" dan orang-orang yang terdahulu dari mereka? Orang-orang itu semuanya Kami telah binasakan, kerana sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang berdosa."

(al-Dukhkhān 37).

Berdasarkan ayat tersebut al-Qurtubī menjelaskan bahawa golongan yang tidak mempercayai kebangkitan semula dan mencabar Nabi (s.a.w.) supaya membangkitkan orang-orang yang telah mati diberi peringatan bahawa mereka berhak mendapat azab Allah. Mereka tidak lebih baik daripada orang-orang dahulu yang telah

178 Maghnīyah, op. cit. muj. 4, hal. 447.

179
dibinasakan.

3. Kepada orang munafik. Contohnya firman Allah:

يُخَدِّعُونَ اللَّهَ وَالَّذِينَ آمَنُوا وَمَا يَخْدِعُونَ إِلَّا أَنفُسَهُمْ
 وَمَا يَشْعُرُونَ ۝ فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ فَزَادَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا
 وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ ۝ سُوَّلَةُ الْقَبْرَةِ

Maksudnya: "Mereka hendak memperdayakan Allah dan orang-orang yang beriman, pada hal mereka hanya memperdaya dirinya sendiri, sedang mereka tidak menyadarinya. Di dalam hati mereka (golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan hasad dengki), maka Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka; dan mereka pula akan beroleh azab siksanya yang tidak terperi sakitnya, dengan sebab mereka berdusta (dan mendustakan kebenaran)."

(al-Baqarah 9-10).

Ayat-ayat tersebut memberikan peringatan bahawa golongan yang mengaku percaya di mulut sahaja tanpa di hati itu bererti menipu diri mereka sendiri. Allah akan menambahkan kesesatan yang tersedia ada dan menyediakan azab yang dahsyat sebagai membalaas perbuatan mereka yang berpura-pura, menghina Allah dan berkelakuan

180
jahat.

4. Kepada ahli kitab. Contohnya firman Allah:

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا إِنَّا يَتَنَاهُ عَنِ النُّصُلِ هُمْ نَارٌ أَكْلَمَا نَضَجَتْ
جُلُودُهُمْ بَدَلَنَاهُمْ جُلُودًا غَيْرَهَا لِذُوقُوا الْعَذَابَ إِنَّ اللَّهَ
كَانَ عَزِيزًا حَكِيمًا ﴿٥٦﴾ سُورَةُ النِّسَاءِ

Maksudnya: "Sesungguhnya orang-orang yang kufur ingkar kepada ayat-ayat (keterangan) Kami, Kami akan membakar mereka di dalam api neraka. Tiap-tiap kali kulit mereka masak hangus, Kami gantikan untuk mereka kulit yang lain, supaya mereka dapat merasakan azab sengsara itu. Dan (ingatlah) sesungguhnya Allah adalah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana."

(al-Nisā' 56).

Berhubung dengan ayat tersebut, Sa'Id عَبْدُ اللَّهِ menjelaskan bahawa Allah mengingatkan ahli kitab, sebagai pembalasan ke atas tindak tanduk mereka yang ingkarkan ayat-ayat Allah dan berpaling daripada seruan rasul-rasul mereka bahawa mereka akan dimasukkan ke dalam neraka. Kemudian Allah menerangkan bentuk azab yang berkekalan di dalam neraka, iaitu apabila kulit tubuh mereka hancur terbakar, digantikan pula dengan kulit

lain dalam masa dekat yang berulang-ulang, supaya mereka merasa betul-betul azab yang berkekalan. Allah berkuasa penuh untuk melakukan apa-apa pembalasan
181 kepada hamba-hamba-Nya.

Keterangan-keterangan tersebut jelas menunjukkan bahawa ancaman dengan perkara-perkara yang menakutkan sasaran dakwah merupakan satu cara penyampaian dakwah Quran kepada sasarannya. Dengan cara ini sasaran dakwah diberikan peringatan bahawa kalau mereka masih berdegil, tidak mahu tunduk kepada kebenaran yang disampaikan melalui Nabi Muhammad (s.a.w), masih berdegil dengan melakukan usaha-usaha yang merosakkan Islam dan masih berdegil dengan kepercayaan yang bertentangan dengan agama ini, mereka akan menerima kesusahan di dunia dan kesengsaraan di akhirat.

Dari segala keterangan yang telah dijelaskan menunjukkan bahawa Quran telah menggunakan bentuk penyampaian yang bermacam-macam kepada sasarannya. Bentuk penyampaian tersebut bertujuan untuk menarik perhatian sasaran dan seterusnya supaya sasaran dapat menerima isi pembicaraan yang dikemukakan itu. Bentuk penyampaian yang selalu digunakan pada masa itu, malah sampai sekarang ialah pembicaraan dengan sasaran dari hati ke hati supaya memikirkan di sebalik sesuatu

181 Sa'Id Hawā, op. cit., muj. 2, hal. 1086-1088

kejadian, perbandingan, perbahasan, cerita, cabaran, qalakan dan ancaman.

B. Matlamat Dakwah Quran.

Telah dijelaskan sebelum ini tentang pendekatan dakwah Quran kepada masyarakat bukan Islam atau yang disebut masyarakat jahiliah, sama ada dilihat dari sudut isi atau bentuk penyampaian. Kajian selanjutnya ialah untuk menjawab persoalan apakah matlamat dakwah Quran kepada orang bukan Islam?

Dalam konteks dakwah, kajian untuk menjawab persoalan tersebut sangat penting, kerana dari sinilah dapat diukur sejauh manakah kejayaan sesuatu usaha dakwah yang dilakukan itu?

Untuk mengetahui matlamat dakwah Quran, khususnya kepada orang bukan Islam, soalan pertama yang harus dipecahkan ialah untuk apa manusia diciptakan di bumi ini?

Untuk menjawab persoalan tersebut, Allah menjelaskan dengan firman-Nya:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾ شَرْحُ الْأَرْشَابِيِّ

Maksudnya: "Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku."

(al-Dhāriyāt 56)

Ketika menafsirkan ayat tersebut, Sayyid Qutb menjelaskan bahawa kewujudan manusia pada alam ini mempunyai matlamat yang tertentu. Matlamat tersebut akan dicapai dengan melakukan tugas-tugas yang telah ditetapkan. Tugas tersebut ialah perhambaan diri kepada Allah, iaitu selagi ada hamba (makhluk ciptaan) dan Tuhan (pencipta), maka hamba hendaklah menyembah dan ¹⁸² Tuhan hendaklah disembah.

Al-Šābūnī pula menjelaskan bahawa melalui ayat tersebut, Allah menerangkan matlamat kejadian makhluk, iaitu manusia dan jin dijadikan bertujuan untuk beribadat kepada Allah dan mentauhidkan-Nya. ¹⁸³

Dalam ayat lain Allah menjelaskan maksud yang sama, iaitu:

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ
وَاجْتَنَبُوا الظَّلْفُوتَ فِيمَنْهُم مَنْ هَدَى اللَّهُ وَمِنْهُمْ مَنْ

182 Sayyid Qutb, op. cit. muj. 6 / jil. 26, hal. 3387.

183 Al-Šābūnī, Safwah al-Tafāsīr, op. cit. muj. 3, hal. 258-259

حَقَّتْ عَلَيْهِ الظَّلَالَةُ فَسَيَرُوا فِي الْأَرْضِ فَانْظُرُوْا كَيْفَ
 كَانَ عَيْبَةُ الْمُكَذِّبِينَ ٢٦ شَوَّالُ الْخَلَقِ

Maksudnya: "Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang rasul (dengan memerintahkan dia menyeru mereka): "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah tāqhūt." Maka di antara mereka, ada yang diberi pertunjuk oleh Allah dan ada pula yang berhak ditimpa kesesatan. Oleh itu, mengembaralah kamu di bumi, kemudian lihatlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat yang mendustakan rasul-rasulnya."

(al-Nahl 36)

Al-Qurtubī, ketika menafsirkan ayat tersebut antara lain menjelaskan bahawa tujuan diutuskan rasul-rasul itu ialah supaya umat mereka beribadat kepada Allah dan mentauhidkan-Nya. Ia juga supaya umat mereka meninggalkan segala penyembahan selain daripada Allah, seperti kepada syaitan, tukang tilik dan ahli nujum, patung dan sesiapa sahaja yang membawa kepada kesesatan. Hasilnya, ada yang mendapat pertunjuk kepada agama Allah dan peribadatan kepada-Nya sahaja dan ada yang kekal sebagaimana sebelumnya.
 184

Al-Marāghī pula menjelaskan berhubung dengan ayat tersebut, iaitu rasul-rasul yang diutuskan kepada umat mereka menyeru supaya umat mereka beribadat kepada Allah tanpa syirik, dan mengingatkan mereka dari tipu

184 Al-Qurtubī, op. cit. muj. 5 / jil. 10, hal. 103-104

daya syaitan yang menyekat dari jalan Allah. Namun, ada di kalangan mereka yang mendapat hidayat dan ada pula yang terus sesat, iaitu membohongi rasul mereka dan terus mengikut ṭāghūt.
 185

Keterangan-keterangan tersebut menunjukkan bahawa matlamat kejadian manusia ialah beribadat kepada Allah dan meninggalkan peribadatan terhadap sesama makhluk. Dengan itu, satu daripada matlamat dakwah Quran ialah supaya manusia beribadat hanya kepada Allah. Apakah yang dimaksudkan dengan beribadat yang menjadi matlamat manusia diciptakan?

Mengikut kamus bahasa Arab, perkataan ibadat (al-ibādah) itu bererti taat yang disertakan dengan kerendahan diri.
 186

Shaykh al-Islām Taqyuddin Aḥmad ibn ‘Abd al-Ḥalīm ibn Taymīyah Ḥarrānī al-Dimishqī menjelaskan bahawa ibadat itu ialah satu perkataan yang mengandungi semua perbuatan yang disukai dan direndai oleh Allah. Ia terdapat dalam segala perkataan dan perbuatan, sama ada lahir atau batin. Jadi, sembahyang, zakat, puasa, haji, benar, menunaikan amanah, berbuat baik kepada kedua-dua

185 Al-Marāghī, op. cit. muj. 5 / jil. 14, hal. 80-81

186 Ibn Manzūr, op. cit. jil. 3, hal. 273

ibu bapa, hubungan silaturrahim, melaksanakan janji, menyuruh makruf, menegah mungkar, jihad, berbuat baik kepada jiran dan anak-anak yatim, zikir, kasihkan Allah dan rasul-Nya, sabar, bersyukur, tawakal, takut kepada azab Allah dan sebagainya, semuanya termasuk ke dalam
 187
 ibadat.

Sayyid Qutb pula menerangkan bahawa pengertian ibadat yang menjadi tugas manusia untuk mencapai matlamat mereka dijadikan tidak semata-mata dengan melakukan lambang ibadat. Tetapi ia terdapat di dalam tugas manusia yang menjadi khalifah Allah di bumi ini. Dengan itu, makna ibadat terdapat di dalam dua pokok, iaitu teguhnya kefahaman perhambaan diri kepada Allah dalam jiwa seseorang dan penumpuan kepada Allah dalam setiap gerak hati, gerak anggota dan gerak kehidupan yang
 188
 disertakan dengan keikhlasan hati.

Berdasarkan keterangan-keterangan di atas dapat disimpulkan bahawa beribadat itu ialah segala perlakuan dan tindak tanduk seseorang disebabkan ketaatan dan kepatuhan kepada Allah dengan sepenuh hati, dan ia sama

187 Shaykh al-Islām Taqyuddin Ahmad ibn 'Abd al-Halīm ibn Taymīyah al-Harrānī al-Dimishqī (661 H.-728 H. = 1262 M.-1327 M.), Al-'Ubūdīyah, al-Maktab al-Islāmī, Beirut, 1399 H. hal. 38
 Selepas ini disebut Ibn Taymīyah sahaja.

188 Sayyid Qutb, op. cit. muj. 6, hal. 3387

ada dengan melakukan suruhan Allah atau meninggalkan larangan-Nya. Oleh kerana manusia dijadikan supaya beribadat kepada Allah, maka beribadat merupakan sebahagian daripada matlamat dakwah Quran.

Qurán juga mengajak manusia menuju kepada kesejahteraan dan keredaan Allah, iaitu dengan cara mengejarkan mereka daripada kegelapan kekufuran kepada cahaya keimanan.

Allah berfirman:

يَهْدِي بِدِيَّ اللَّهُ مَنِ اتَّبَعَ رِضْوَانَكُمْ
سُبْلَ السَّلَامِ وَيُخْرِجُهُمْ مِنَ الظُّلْمَاتِ إِلَى
النُّورِ يَأْذِنُهُ وَيَهْدِيهُ إِلَى صَرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ
شُورٌ الْمَّاِدَّةَ

(16)

Maksudnya: "Dengan (Quran) itu Allah menunjukkan jalan keselamatan serta kesejahteraan kepada sesiapa yang mengikut keredaan Nya, dan (dengannya) Tuhan keluarkan mereka dari kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman) yang terang benderang dengan izin-Nya, dan (dengannya juga) Tuhan menunjukkan mereka ke jalan yang betul lurus."

(al-Māidah 16)

Berhubung dengan ayat tersebut Rashīd Ridā menjelaskan bahawa agama Islam yang terdapat di dalam Quran yang disampaikan melalui Nabi Muhammad (s.a.w.) dapat menyelamatkan manusia daripada kecelakaan dunia dan

akhirat kepada keselamatan pada kedua-dua tempat tersebut. Ia juga dapat mengeluarkan manusia daripada kegelapan pemujaan keberhalaan dan khurafat kepada cahaya iman yang suci yang jauh dari belenggu kongkongan kumpulan agama dan keduniaan. Ia juga dapat membawa manusia kepada jalan yang benar yang menjadi matlamat ¹⁸⁹ kepada turunnya agama Islam kepada manusia.

Dr. Ahmad Ahmad Ghalūsh menjelaskan bahawa pengajaran dakwah Islam itu menjurus kepada usaha memenuhi keperluan roh dan keperluan jasad. Keperluan-keperluan kedua-duanya terdapat di dalam penjagaan ke atas lima perkara, iaitu harta, tubuh badan, keturunan, akal fikiran dan agama. Jika kelima-lima perkara tersebut dapat dipelihara dengan baik, akan tercapailah kebahagiaan dan kebaikan manusia di dunia dan di akhirat. ¹⁹⁰

Berdasarkan matlamat tersebut, Islam telah menge-nakan banyak perkara ke atas setiap pengikutnya, iaitu sama ada dalam bentuk perkara yang mesti dilakukan atau perkara yang mesti ditinggalkan dan ia sama ada untuk kepentingan jangka pendek di dunia ini atau kepentingan jangka panjang di akhirat kelak.

189 Rashīd Ridā, op. cit. jil. 6, hal. 304-306

190 Dr. Ahmad Ahmad Ghalūsh, Al-Da'wah al-Islāmīyah: Usūluhā wa Wasā'iluhā, Dār al-Kitāb al-Miṣri al-Qāhirah / Dār al-Kitāb al-Lubnānī, Beirut, t.t. hal. 33-34

Keterangan-keterangan tersebut menunjukkan bahawa matlamat dakwah Quran itu ialah untuk membawa manusia kepada kebaikan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Hasil daripada pencapaian matlamat tersebut manusia akan dikurniakan suatu penghormatan Allah yang paling tinggi, iaitu keredaan Allah dan pembalasan syurga-Nya, yang merupakan pencapaian matlamat terakhir dakwah Quran.

Allah berfirman:

أَرْجِعُ

إِلَيْ رَبِّكَ رَاضِيَةً مَرْضِيَةً ۝ فَادْخُلِ فِي عِبَادِي ۝ وَادْخُلِ جَنَّتِي ۝ سَلَوَةُ الْفَتَحِ ۝

Maksudnya: "Kembalilah kepada Tuhanmu dengan keadaan engkau berpuas hati (dengan segala nikmat yang diberikan), lagi diredayai. Serta masuklah dalam kumpulan hamba-hamba-Ku yang berbahagia. Dan masuklah ke dalam syurga-Ku."

(al-Fajr 28-30)

Berhubung dengan ayat tersebut, al-Fakhr al-Razi antara lain menyebut bahawa golongan yang berjaya itu diminta supaya kembali kepada ketentuan Tuhan mereka. Maka dengan itu bererti sampailah mereka kepada matla

mat yang paling akhir bagi kehidupan mereka.

Untuk mencapai matlamat tersebut, suatu sempadan permulaan hendaklah dilewati. Sempadan tersebut ialah **Mengucap Dua Kalimah Syahadat** atau pengisytiharan menganut dan menerima agama Islam.

Di samping itu, penerimaan Islam oleh seseorang bermula dengan suatu usaha dakwah yang dilakukan oleh orang Islam untuk tujuan tersebut. Maka, kemasukan orang bukan Islam ke dalam Islam dan usaha-usaha yang dilakukan untuk tujuan tersebut merupakan pencapaian hasil dakwah terhadap orang bukan Islam.

Keterangan-keterangan tersebut dapat disimpulkan bahawa matlamat dakwah Quran kepada orang bukan Islam ialah untuk membawa mereka kepada kebahagiaan jangka pendek di dunia ini dan kebahagiaan jangka panjang di akhirat kelak. Dengan itu, mereka perlu dibebaskan daripada belenggu pemujaan dan pengagungan kepada benda menuju kepada pemujaan dan pengagungan kepada yang berhak dipuja, iaitu dengan membawa mereka kepada Islam. Di samping itu, segala usaha yang dilakukan untuk membawa manusia ke arah itu merupakan suatu hasil yang dicapai.

Kajian berhubung dengan dakwah Quran kepada orang bukan Islam menghasilkan kesimpulan sebagaimana berikut:

1. Dakwah Quran kepada orang bukan Islam merupakan dakwah yang membuat penyelesaian di dalam sesuatu masalah kefahaman yang dihadapi oleh sasaran.
2. Quran mengajak sasarannya supaya berfikir secara serius berhubung dengan kepercayaan dan amalan-amalan yang dilakukan, apakah ia betul dan sesuai bagi manusia, atau ia sekadar menerima warisan orang-orang terdahulu secara membuta tuli sahaja?
3. Untuk membebaskan pemikiran masyarakat yang dikongkong oleh tahayul dan karut-marut, Quran mengajak sasarannya ke suatu arah pemikiran yang berdasarkan logik yang rasional dan di luar daripada kongkongan pemikiran masyarakat yang sempit.
4. Untuk menolak kefahaman sasaran yang bukan-bukan dalam sesuatu perkara, Quran mengemukakan hujah-hujahnya melalui bentuk-bentuk semasa yang menarik. Ini bererti bahawa isi dakwah Quran tidak dikemukakan kepada sasaran mela-

lui satu cara sahaja. Kepelbagaian cara ini dapat membuka selera sasaran untuk mendengar dan akhirnya menerima isi Quran.

5. Quran juga mengajak sasarannya supaya berfikir secara bersepadu. Rahsia tabiat semulajadi alam ini tidak terasing di dalam dakwah Quran. Ia selalu dihubungkaitkan antara kedua-duanya. Cara tersebut boleh menjadi hujah yang kukuh kepada seruannya. Dengan itu, alam ini yang terdiri dari alam manusia, alam atasan (kosmos), alam haiwan, alam tumbuhan dan sebagainya menjadi bahan rujukan yang penting untuk membuka fikiran manusia supaya menerima seruan Quran. Orang yang memikirkan kejadian alam-alam tersebut akan menemui kebenaran yang ada pada Quran.
6. Matlamat dakwah Quran kepada orang bukan Islam ialah membawa sasaran kepada kebahagiaan dan kebaikan di dunia dan di akhirat. Dengan itu, manusia mesti melepaskan diri dari belenggu kekufuran kepada keimanan dan dengan beribadat kepada Allah semata-mata.
7. Matlamat dakwah Quran tercapai pada peringkat pertama dengan kemasukan orang bukan Islam ke dalam Islam dan mengamalkan segala suruhannya.

Demikian juga segala usaha untuk membawa orang bukan Islam kepada Islam merupakan suatu hasil, kerana ia boleh membawa kepada pencapaian matlamat dakwah Quran kepada orang bukan Islam.

2. MASYARAKAT CINA.

Kajian berhubung dengan masyarakat Cina membabitkan beberapa perkara, iaitu sebagaimana berikut:

- A. Sejarah kedatangan orang Cina ke Malaysia dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- B. Agama dan kepercayaan orang Cina.
- C. Adat kebudayaan orang Cina.
- D. Sikap perwatakan orang Cina.

A. Sejarah Kedatangan.

Orang Cina mula menetap di Semenanjung Tanah Melayu,¹⁹² iaitu di Melaka setelah Melaka ditawan oleh Portugis tahun 1511. Walaupun orang Cina sebelum itu

192 Nama asal Malaysia ialah Semenanjung Tanah Melayu. Tahun 1963 ia dijadikan Malaysia dengan diturut serta oleh Sabah dan Sarawak, juga Singapura pada peringkat mulanya. Tetapi, kemudiannya, iaitu pada tahun 1965 Singapura berpisah dari Malaysia.

telah ramai terdapat di Melaka, tetapi mereka terdiri daripada saudagar-saudagar yang hanya menumpang di rumah-rumah tumpangan sahaja, selama mereka menguruskan perdagangan di Melaka.

Pada permulaannya, iaitu pertengahan abad ke-17, kedatangan orang Cina tertumpu di kawasan-kawasan Pantai Barat Semenanjung Tanah Melayu sahaja, seperti di Melaka dan di Pulau Pinang, juga di bahagian selatan seperti di Singapura.¹⁹⁴ Selepas itu, orang-orang Cina yang berasal dari Melaka berkembang ke negeri-negeri seperti Pahang dan Johor.¹⁹⁵

Orang Cina berpindah keluar dari negeri asal mereka, iaitu Tanah Besar Cina disebabkan oleh faktor di dalam dan di luar negeri China.¹⁹⁶

Negeri China pada ketika itu, iaitu pada abad ke-19 mengalami keadaan kekurangan bahan makanan dan pengangguran. Keadaan tersebut disebabkan oleh pertumbuhan penduduk yang sangat pesat, contohnya,

193 Sidek Fadhil, Sejarah Orang China Di-Tanah Melayu, Pustaka Aman Press, Kelantan, 1970, hal. 18.

194 Ketiga-tiga negeri tersebut dikenali sebagai Negeri Selat.

Suffian, op. cit. hal. 8

195 Sidek Fadhil, loc. cit.

196 N.J.Ryan, The Cultural Heritage of Malaya, Longman Malaysia, Kuala Lumpur, 1975, hal. 19.

di sekitar tahun 1700 M. penduduk China seramai 150,000,000 orang dan pada tahun 1850 bertambah kepada lebih kurang 430,000,000. Di samping itu, ia juga disebabkan oleh peperangan dan bencana alam yang sering berlaku. Sebab-sebab tersebut mengakibatkan penduduk berada dalam keadaan terbiar dan ramai yang mati kela-

197

paran.

Selain daripada itu, penindasan yang begitu kuat dari golongan kapitalis ke atas golongan kaum tani dan orang-orang bawahan merupakan gejala buruk yang berlaku di negeri Cina. Contohnya seperti sewaan tanah

198

dan bunga pinjaman terlalu tinggi.

Dalam keadaan yang tertekan di negeri Cina, orang-orang Cina mencari jalan keluar untuk melepaskan diri dari tekanan tersebut. Manakala di luar negeri Cina pula, khususnya di Malaysia (Semenanjung Tanah Melayu) terdapat peluang hidup yang begitu baik. Sikap orang British yang begitu baik terhadap orang Cina dan peluang bagi orang Inggeris mencari kekayaan dengan kedatangan orang Cina, kerana ia dapat menyelesaikan masalah upahan disebabkan buruh-buruh Cina murah, kedatangan orang Cina dialu-alukan. Bagi pedagang-

197 Yen Ching-hwang, A Social History of the Chinese in Singapore and Malaya 1800-1911, Oxford University Press, Singapore, 1986, hal.1.

198 Ibid. hal. 2

pedagang Cina pula, kedatangan orang Cina dapat menam-
 199
bahkan lagi bahan-bahan dagangan mereka.

Dengan berlakunya kemasukan orang Cina ke Malaysia (Semenanjung Tanah Melayu), maka pada tahun 1820 terdapat 12,000 orang Cina di negeri-negeri Selat dan sedikit di negeri-negeri Melayu Bersatu. Sehingga tahun 1860, kemasukan orang-orang Cina ke negeri-negeri Selat meningkat kepada 100,000 dan beberapa
 200
ribu lagi di negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Kedatangan orang Cina ke Malaysia secara beramai-ramai berlaku selepas pertengahan abad ke-19, iaitu selepas usaha perluasan lombong bijih timah di Malaysia (Semenanjung Tanah Melayu). Tahun 1840-an kawasan lombong ditemui di Larut Perak dan tahun 1850-an kawa-
 201
san baru dibuka di Kuala Lumpur.

Ekoran daripada kemasukan orang-orang Cina ke Malaysia secara beramai-ramai, maka taburan orang Cina pada tahun 1901 ialah:

1. Singapura seramai 164,681, iaitu 55 %

199 Ibid. hal. 3

200 S.M. Middlebrook and J.M. Gullick, Yap Ah Loy, The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1983, hal. 7.

201 N.J.Ryan, op. cit., hal. 19.

dari keseluruhan jumlah penduduk.

2. Pulau Pinang seramai 97,471, iaitu 40 % dari keseluruhan jumlah penduduk.

3. Melaka seramai 19,468, iaitu 20 % dari keseluruhan jumlah penduduk.

4. Selangor seramai 109,598, iaitu 65 % dari keseluruhan jumlah penduduk.

5. Perak seramai 151,192, iaitu 45 % dari keseluruhan jumlah penduduk.

6. Pahang seramai 8,695, iaitu 10 % dari keseluruhan jumlah penduduk.

7. Negeri Sembilan seramai 32,931, iaitu 34 % dari keseluruhan jumlah penduduk.

Manakala pada tahun 1911, bilangan orang Cina di Johor, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Perlis seramai 113,043, iaitu sebanyak 13 % daripada penduduk negeri-²⁰² negeri tersebut.

. 202 Stephen Mun Yoon Leong, Sources Agencies and Manifestations of Overseas Chinese Nationalism in Malaya 1937-1941, disertasi Ph D Universiti of California, 1976, hal. 20-21

Hampir-hampir keseluruhan orang Cina yang datang ke Malaysia berasal dari bahagian selatan negeri Cina, iaitu dari wilayah-wilayah Kwangtung dan Fukien. Bilangan yang ramai terdiri daripada suku kaum Hokkien, Kantonis, Hakka (Kek), Teociew dan Hailam. Ada juga sedikit daripada orang Cina kaum Hockciew, Henghua, 203 Kwongsai dan Sankiang.

Setelah penulis memaparkan sejarah kedatangan orang Cina ke Malaysia secara umum, sekarang penulis memaparkan pula, secara ringkas sejarah kedatangan orang Cina ke Kuala Lumpur.

Sejarah kedatangan Orang Cina Ke Kuala Lumpur ada hubung kait yang rapat dengan perlombongan bijih timah di Kuala Lumpur. Pada pertengahan abad ke-19, iaitu pada tahun 1857, Raja Abdullah bin Raja Jaafar (m. 1869), iaitu raja pemerintah Klang membawa seramai 87 pekerja Cina dari Lukut, Selangor untuk membuka 204 lombong bijih timah di Ampang, Kuala Lumpur.

Setelah lombong dibuka di kawasan Kuala Lumpur,

203 Ibid, hal. 21-22.

204 J.M. Gullick, Kuala Lumpur 1880-1895: A City in the Making, Pelanduk Publications, Petaling Jaya Selangor, 1988, hal. 10.

The Kuala Lumpur Municipal Council, Kuala Lumpur 100 Years, The Kuala Lumpur Municipal Council, t.k. 1959, hal. 7-8.

maka kedatangan orang-orang Melayu dan Cina bertambah ramai. Dua tahun selepas itu (1859), barulah lombong-lombong itu mengeluarkan hasil. Sejak itu, bertambah ramailah orang-orang Cina datang untuk mencari penghidupan.

Setelah jumlah orang Cina di Kuala Lumpur ramai, seorang ketua bagi mereka dilantik. Ketua tersebut dinamakan "Kapitan". Kapitan yang mula-mula ialah seorang peniaga Cina yang mula-mula di Kuala Lumpur, iaitu Hiu Siew. Setelah beliau meninggal tahun 1861, seorang panglimanya, Liu Ngim Kong dilantik menjadi Kapitan. Setelah Liu Ngim Kong meninggal tahun 1868, Yap Ah Loy (1837-1885), seorang taukeh lombong di Kuala Lumpur yang kaya dilantik menjadi Kapitan yang ketiga. Selepas kematian Yap Ah Loy dan berlakunya perubahan pentadbiran Kuala Lumpur beberapa tahun selepas itu, maka sistem Kapitan tidak ada lagi.

205 Buyong bin Adil, Haji, "Raja Abdullah dan Kuala Lumpur", Malaysia in History: Early Kuala Lumpur, Vol. XIV, Number 2, April 1972, hal. 6

206 Kapitan bererti ketua kaum atau ketua kumpulan orang Cina. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kamus Dewan, op. cit. hal. 487 .

207 Buyong Adil, op. cit. hal. 6-7.

208 Aristide J.G.Papineau (ed), Guide To Kuala Lumpur: Capital of Malaysia, Andre Publications, Singapore, 1965, hal. 19

Pada tahun 1880 Kuala Lumpur dijadikam ibu negeri Selangor, iaitu dipindahkan pentadbirannya dari Klang. Sehingga tahun tersebut terdapat 220 buah rumah di Pekan Kuala Lumpur. 150 buah dimiliki oleh orang Cina, dan yang baki lagi dimiliki oleh orang Melayu.²⁰⁹

Penduduk Kuala Lumpur meningkat kepada 2,000 orang menjelang tahun 1878 dan meningkat kepada lebih kurang 210 4,000 orang pada tahun 1887.

Pada tahun 1891, penduduk Kuala Lumpur dianggarkan seramai 19,020 orang. 13,927 orang (73.2 %) adalah orang Cina. Pada tahun 1901, orang Cina di Kuala Lumpur terus meningkat kepada 23,181 orang, iaitu 71% dari jumlah penduduk. Tahun 1957 bilangannya menjadi 195,822 orang, iaitu 61.9% dari jumlah seluruh penduduk 211 Kuala Lumpur.

Dari fakta-fakta di atas dapat disimpulkan bahawa:

209 Peter Chay, op. cit. hal. 12

210 Jabatan Penerangan Kementerian Penerangan Malaysia, Malaysia Buku Rasmi Tahunan 1987, op. cit. hal. 30

211 Dr. Manjit Singh Sidhu, op. cit. hal. 13

1. Sejarah kemasukan orang Cina ke Malaysia (Semenanjung Tanah Melayu) bermula sejak awal abad ke-16, iaitu di sekitar tahun 1511.
2. Faktor kedatangan orang Cina ke Malaysia disebabkan oleh keadaan kehidupan yang buruk di negeri Cina dan peluang-peluang kehidupan yang baik di Malaysia.
3. Kuala Lumpur dibuka oleh Raja Abdullah bin Raja Jaafar bersama-sama dengan pekerja-pekerja-janya pada tahun 1857, sebagai satu medan perlombongan bijih timah.
4. Setelah peluang pekerjaan terbuka luas di Kuala Lumpur, iaitu dengan pembukaan lombong bijih timah, maka orang Cina datang mencurah curah untuk merebut peluang tersebut.

B. Agama Dan Kepercayaan.

Kajian berhubung dengan agama dan kepercayaan orang Cina akan menyentuh beberapa perkara pokok dalam agama dan kepercayaan orang Cina yang merupakan asas di dalam agama dan kepercayaan mereka. Dengan itu, perkara-perkara yang akan disentuh ialah:

- i. Apa agama orang Cina?

ii. Bagaimanakah konsep ketuhanan di kalangan orang Cina?

iii. Bagaimanakah kepercayaan orang Cina tentang hidup sesudah mati?

iv. Bagaimanakah cara pemujaan orang Cina?

v. Apakah kepercayaan-kepercayaan yang tersebar di kalangan orang Cina?

Untuk menjawab persoalan-persoalan tersebut, di bawah ini dikemukakan pendapat-pendapat daripada tokoh-tokoh berkenaan.

i. Agama Orang Cina.

Gullick, seorang ahli sejarah di dalam bukunya, Malaya, menjelaskan bahawa agama orang Cina ialah satu campuran yang, bermacam-macam dari Confucianism, Buddhism, Taoism dan pemujaan kepada bermacam-macam tuhan.
 212
 213 214
 215

212 Dibawa oleh Confucius (551-479 S.M.)

213 Dibawa oleh Buddha (563-483 S.M.)

214 Dibawa oleh Lao-tzu (lahir 604 S.M.)

215 Gullick, Malaya, Ernest Benn Limited, London, 1964, hal. 20

Mengikut ahli sejarah yang lain, N.J. Ryan bahawa di negeri China sendiri tidak ada satu agama yang tertentu yang tinggi dan mengatasi agama yang lain. Dengan itu, seorang Cina yang beragama Buddha atau beragama Tao terpengaruh dan mengamalkan juga konsep-
216 konsep Confucius.

Dr. Tan Chee Beng, seorang ahli sosiologi menyebut bahawa orang Cina di Malaysia tidak menganut sesuatu agama yang tertentu, tetapi anutannya bercampur aduk dengan tidak menentu di antara agama-agama
217 dan kepercayaan orang Cina, "Syncretic religion".

Pendapat-pendapat tersebut disokong lagi oleh Dr. Cheu Hock Tong, juga seorang ahli sosiologi yang menjelaskan bahawa bentuk kepercayaan dan agama orang Cina di Malaysia bersifat sinkretis dan berliku. Ia menggabungkan unsur-unsur kepercayaan yang beraneka ragam. Sistem kepercayaan orang Cina di Malaysia, secara
218 praktiknya tidak pernah wujud secara tersendiri.

216 Ryan, The Cultural Heritage of Malaya, op.cit, hal. 78.

217 Tan Chee Beng, "Chinese Religion in Malaysia: A General View", Asian Folklore Studies, Vol. XLII-2 1983, Nagoya 1983, hal. 219-220.

218 Cheu, "Tanggapan Keagamaan Serta Implikasinya Dalam Hidup Sosial: Suatu Kajian Komuniti Cina di Ampang, Selangor", Journal Antropologi Dan Sosiologi, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, UKM. jil. 10 & 11, 1982-1983, hal. 103-104

Bagi masyarakat Cina di Malaysia, pengaruh folklore (kepercayaan dan pemujaan yang tidak diasaskan di atas agama atau falsafah asal orang Cina, malah berdasarkan kepercayaan rakyat yang turun temurun), sangat kuat mengatasi amalan-amalan kepercayaan dan falsafah asal orang Cina.

Di samping itu, kehidupan beragama merupakan satu perkara yang perlu bagi generasi dahulu. Pendatang-pendatang Cina sangat merasai tentang perlunya pada penyembahan yang berbentuk agama di kawasan-kawasan penempatan baru. Keadaan kehidupan mereka yang tidak boleh diduga, penyembahan berbentuk agama sangat diperlukan, dengan itu dirasakan bahawa kehidupan orang Cina di peringkat dahulu tidak sempurna tanpa agama.

Sampai sekarang, pengaruh pentingnya beragama masih ada. Ini terbukti dengan bilangan rumah berhala atau kuil (temple) sekarang. Di Kuala Lumpur dan di persekitarannya terdapat lebih daripada 150 buah kuil (temple) orang Cina yang beragama Cina, iaitu 60 buah untuk orang Buddha, 20 buah untuk orang Tao dan 70 buah lagi untuk yang lain daripada yang tersebut.

219 Tan, interview, di pejabatnya di Universiti Malaya, pada 24.7.1990.

220 Yen, op. cit., hal. 10.

221 Evelyn Lip, Chinese Temples and Deities, Time Books International, Singapore, 1986, hal. 97

Dari keterangan-keterangan tersebut dapat disimpulkan bahawa masyarakat Cina menganut satu bentuk kepercayaan yang bercampur aduk di dalam kepercayaan agama asal mereka, di samping tokok tambah dengan kepercayaan-kepercayaan dan amalan-amalan yang lahir di kalangan mereka yang dipanggil Folklore. Disebabkan keadaan mereka yang tidak menentu pada peringkat permulaan datang ke Malaysia dahulu, kehidupan beragama dirasakan amat perlu oleh orang Cina untuk menjamin keamanan dan perlindungan.

ii. Konsep Tuhan Di Kalangan Orang Cina.

Tan menjelaskan bahawa agama orang Cina lahir dari keadaan masyarakat. Oleh kerana susunan masyarakat dalam sebuah negara berdasarkan bentuk birokrasi, maka dalam soal kepercayaan agama pun disamakan dengan bentuk tersebut. Hasil dari fikiran tersebut, tuhan (tetapi pengertiannya berbeza dengan Tuhan dalam Islam) bagi orang Cina itu ramai. Ada tuhan tinggi dan ada tuhan rendah, sebagaimana keadaan pimpinan di dalam pemerintahan sesbuah negara. Namun walaupun bilangan tuhan itu ramai, tuhan itu bersatu dalam sifat Shen (kedewaan). Shen bagi orang Cina ialah kedewaan yang ada pada tiap-tiap tuhan mereka.

222

222 Tan, interview, di pejabatnya, di UM, pada 25.8.1990

Jonathan Chamberlain mencatatkan bahawa tuhan orang Cina itu seramai 19 orang. Antaranya ialah Kuan Ti (God of War), Pak Tai (Emperor of the North), The Purple Planet, Kuan Yin (Hearer of Cries) dan Monkey
²²³
(Great Sage Equal to Heaven).

Berdasarkan sistem bentuk birokrasi, orang Cina memuja tuhan yang bawah, iaitu yang ada hubungan dengan mereka, seperti Datuk Kong, iaitu yang diperca-yai memelihara dan menjaga keamanan kawasan mereka dan Datuk Tanah, iaitu yang mengawal orang mati dalam kubur. Adapun tuhan-tuhan yang lebih tinggi dilupakan,
²²⁴
walaupun mereka mengakui akan adanya tuhan itu.

Cheu menjelaskan pendapat yang sama, iaitu konsep tuhan bagi orang Cina ialah konsep birokrasi. Konsep tersebut bererti bahawa tuhan itu satu, tetapi dibawahnya terdapat wakil-wakilnya. Keadaannya samalah
²²⁵
seperti pemerintahan sesebuah negara.

Beliau menjelaskan bahawa konsep Shen (kedewaan) bagi orang Cina berdasarkan konsep roh sejagat. Roh itu

²²³ Jonathan Chamberlain, Chinese Gods, Pelanduk Publications, Petaling Jaya 1989, hal. 47-153.

²²⁴ Tan, interview, di pejabatnya di UM, pada 25.8.1990.

²²⁵ Cheu, interview, di pejabatnya, di UKM, pada 27.7.1990.

berasal dari tuhan dan bersatu dengan tuhan. Kedudukannya sebagaimana konsep "Trinity" di dalam Kristian. Dari konsep tersebut, roh nenek moyang yang dipuja oleh keturunannya boleh sampai kepada darjat Shen.²²⁶

Konsep tuhan juga dikaitkan dengan makhluk setempat atau roh setempat. Ini bererti bahawa roh yang dipercayai menjaga sesuatu kawasan, berkuasa di dalam kawasannya sahaja. Contohnya, keramat yang menjaga sesuatu kawasan di timur dipercayai tidak berkuasa ke atas sesuatu kawasan barat.²²⁷

Tan menjelaskan pendapat yang hampir sama. Contoh yang diberikan dalam hal ini ialah orang Cina yang berfahaman folk. Tuhan yang paling tinggi sekali bagi mereka ialah Tuhan Langit (God of Heaven). Walaupun ia paling tinggi, tetapi bukanlah bererti ia berkuasa penuh atas segala-galanya. Ia tinggi dari sudut hirarki, tetapi kekuasaannya ada hubung kait dengan orang lain. Keadaannya samalah seperti seorang ketua yang paling tinggi di dalam sesuatu pemerintahan. Walaupun dia paling tinggi, tetapi kekuasaannya masih terbatas dan terikat dengan keadaan-keadaan

226 Ibid.

227 Cheu, Akademika, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan UKM, 34 (Januari 1989), hal. 49.

228
tertentu.

Dari kenyataan-kenyataan yang tersebut dapat disimpulkan bahawa tanggapan konsep tuhan bagi orang Cina dipengaruhi oleh sistem birokrasi di dalam pemerintahan. Dengan itu tuhan bagi orang Cina ramai, dengan kuasa masing-masing yang terhad. Begitu juga dari sudut pemujaan, orang Cina berurus dan memuja tuhan-tuhan yang lebih rendah. Adapun tuhan yang tinggi-tinggi kurang diberikan perhatian.

iii. Hidup sesudah mati.

Pada asasnya, orang Cina tidak menolak kepercayaan tentang adanya hidup sesudah mati. Malah, mengikut kepercayaan orang-orang Cina dahulu, neraka dan syurga itu ada. Roh orang yang meninggal dunia dimasukkan ke syurga atau ke neraka. Orang yang jahat semasa hidup di dunia ini tidak boleh masuk ke dalam syurga. Dia dimasukkan ke dalam neraka.
 229

Cheu menjelaskan bahawa menurut sesetengah sami Buddha, roh si mati, sama ada naik ke syurga atau turun

228 Tan, interview, di pejabatnya, di UM, pada 25.8.1990.

229 Mei Jing, Pesta-pesta Dalam Masyarakat Tionghoa, Dewan Bahasa dan Kebudayaan Kebangsaan Singapura, 1963, hal. 22.

ke neraka, bergantung kepada perbuatan si mati semasa hidup di dunia. Apa-apa upacara untuk menghantar roh-roh si mati ke syurga tidak ada apa-apa kesan.

230

Mengikut Dr. Wang Gungwu bahawa wujudnya neraka dan syurga ini memang dipercayai oleh pengikut-pengikut yang beragama Tao.

231

Chang Yann Wah menerangkan bahawa kepercayaan hidup semula sesudah mati memang ada di kalangan orang Cina. Kepercayaan ini dapat dilihat pada pembacaan doa (Kong-Tek) dengan tujuan membawa roh si mati ke syurga yang diadakan sebelum atau selepas perkebumian mayat atau pembakaran.

232

Dengan itu, mati merupakan permulaan hidup yang lain yang dinamakan kehidupan yin.

233

Dari fakta-fakta yang telah dikemukakan jelas menunjukkan bahawa kehidupan selepas mati itu tidak

230 Cheu, Jurnal Antropologi dan Sosiologi, op.cit, hal. 118.

231 Wang Gungwu, Latar Belakang Kebudayaan Cina, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1979, hal. 8.

232 Chang Yann Wah, Mengenal Ciri-ciri Budaya Masyarakat Di Malaysia Keturunan Cina, Jabatan Perpaduan Negeri Pulau Pinang, t.t., hal. 55.

233 Lip, Chinese Beliefs and Superstitions, Graham Brash, Singapore,, 1988, hal. 1.

asing bagi orang Cina. Syurga dan neraka memang diperdayai ada. Kedua-duanya disediakan bagi golongan tertentu yang akan memasukinya. Namun begitu, ia berbeza dengan apa yang terdapat di dalam Islam mengenainya.

iv. Pemujaan.

Dalam konsep kepercayaan agama, pemujaan merupakan suatu ciri yang penting. Setiap agama ada pemujaan, tetapi dalam bentuk yang berbeza-beza. Orang Cina kaya dengan warisan pemujaan. Tujuan dilakukan pemujaan di kalangan orang Cina ialah kerana, sebagaimana
²³⁴
berikut:

- a. Penjagaan hidup dan kekayaan.
- b. Penyesuaian dengan persekitaran.
- c. Kedamaian di dalam rumah dan masyarakat.
- d. Kemakmuran dan kemewahan.
- e. Pembersihan dosa-dosa.
- f. Mendapatkan sifat-sifat baik.

234 Lee Siow Mong, Spectrum of Chinese Culture, Pelanduk Publications, Petaling Jaya, 1987, hal. 123

Orang Cina melakukan pemujaan dan penyembahan dengan cara membakar kertas joss dan colok. Persembahan kepada roh-roh dan nenek moyang dengan cara menhidangkan hidangan makanan. Membakar kertas-kertas dan joss stick di tepi-tepi jalan juga merupakan cara sembahyang untuk roh-roh.²³⁵ Di samping itu, penghormatan kepada kuasa-kuasa ghaib seperti Datuk Langit dan Datuk Kong di adakan dengan cara memasang colok dan ²³⁶ lilin merah.²³⁷

Benda-benda yang dipuja.

Banyak benda yang dipuja oleh orang Cina. Pemujaan yang dilakukan itu kerana kepercayaan bahawa benda-benda itu tuhan atau kerana benda-benda itu mempunyai peranan di dalam kehidupan mereka. Benda-benda yang sering dipuja oleh orang-orang Cina atas kepercayaan tersebut ialah:

1. Tuhan-tuhan.

Tuhan bagi orang Cina banyak, kerana konsep tuhan

235 Yen, op. cit. hal. 10.

236 Lembaga Perpaduan Negara, Resam Muhibbah Masyarakat Malaysia, Lembaga Perpaduan Negara, Jabatan Perdana Menteri, t.t., hal. 26.

237 Cheu, Akademika, op. cit. hal. 64.

di kalangan mereka memerlukan tuhan itu banyak. Tuhan
238 juga ada peringkat-peringkat; tinggi dan rendahnya.

Pada dasarnya semua tuhan dipuja. Tetapi mengikut amalan biasa, orang Cina memuja tuhan-tuhan yang berkait rapat dengan penghidupan mereka, seperti Tok
239 Kong, keramat dan sebagainya.

2. Nenek Moyang.

Memuja nenek moyang merupakan aspek asas dalam
240 agama orang Cina di Malaysia. Ini kerana pemujaan nenek moyang merupakan satu daripada aliran kepercayaan agama orang Cina.

Orang Cina mempercayai bahawa nenek moyang di dalam kubur adalah aktif (melakukan sesuatu). Roh mereka dipercayai boleh mengenakan sesuatu ke atas keturunan mereka yang masih hidup, jika tempat dan
241 keadaan kubur mereka tidak sesuai.

Mengikut kepercayaan orang Cina juga bahawa roh-

238 Sila rujuk Konsep Tuhan, hal 186

239 Tan, interview, diperjabatnya di UM, pada 25.8.1990

240 Tan, Kertas-kertas Pengajian Tionghua, Jurnal Jabatan Pengajian Tionghua, UM, Vol. II, Dec. 1983, hal. 171.

241 Ibid, hal. 182.

roh nenek moyang mereka dilepaskan untuk merayau-rayau di dunia selama sebulan, iaitu pada bulan tujuh (mengikut kalender Cina). Pada bulan tersebut kebanyakannya orang Cina mengadakan persembahan untuk roh-roh itu.²⁴²

Berdasarkan konsep roh sejagat, roh nenek moyang boleh sampai ke darjah Shen, jika ia dipuja secukupnya. Ini kerana roh berasal dari tuhan dan bersatu dengan tuhan.²⁴³

Tempat-tempat pemujaan nenek moyang orang Cina di Malaysia dibahagikan kepada tiga;²⁴⁴

1. Di rumah.

2. Di kubur.

3. Di tempat-tempat awam, seperti di kuil-kuil dan pasar-pasar.

Dari keterangan-keterangan tersebut dapat disimpulkan bahawa pemujaan roh nenek moyang merupakan ciri yang penting dalam kepercayaan agama orang Cina. Roh

²⁴² Lembaga Perpaduan Negara, op. cit, hal. 26.

²⁴³ Cheu, interview, di pejabatnya di UKM, pada 27.7.1990.

²⁴⁴ Tan, Kertas-kertas Pengajian Tionghua, op. cit, hal. 173.

ada peranan untuk mengenakan sesuatu ke atas anak cucunya. Dengan itu, ia mesti dipuja supaya ia tidak marah. Kalau dipuja sepenuhnya, roh-roh itu akan sampai ke peringkat Shen.

3. Hantu.

Orang Cina juga memuja hantu-hantu. Hantu-hantu mengikut orang Cina ialah roh nenek moyang yang tidak mempunyai keturunan atau roh-roh yang telah lama tidak dihiraukan oleh keturunan mereka.
245

Ada satu bulan dalam setahun, iaitu bulan tujuh mengikut kelendar Cina merupakan bulan memuja hantu. Pada bulan ini, orang Cina mengadakan majlis kenduri dan bersembahyang untuk hantu-hantu di tempat-tempat perniagaan seperti pasar, pusat membeli belah dan sebagainya.
246

Pada hari yang ke-15 dalam bulan tujuh ini diadakan satu perayaan yang disebut pesta arwah atau pesta hantu (Pesta Yi Lan). Pada ketika itu dipercayai bahawa pintu neraka terbuka dan segala arwah-arwah di dalam neraka dibenarkan keluar untuk mencari makan, pakaian

245 Ibid. hal. 186

246 Chang, op. cit, hal. 19.

247
dan belanja.

Mengikut kepercayaan tradisi orang Cina, letupan
mercun dapat menghalau hantu syaitan.
248

4. Roh-roh.

Selain daripada memuja roh-roh nenek moyang, orang Cina juga memuja roh-roh secara umum. Roh-roh dipuja berdasarkan kepercayaan orang Cina bahawa kuasa roh dapat menjamin keamanan, kesejahteraan dan keselamatan di kawasan kediaman dan tempat pekerjaan.
249

5. Keramat.

Bagi orang Cina di Malaysia, keramat dihubung kaitkan dengan makhluk setempat. Makhluk ini dipercayai mengawal gerak kuasa yang tidak dapat dilihat di dalam sesuatu kawasan. Ia disembah sebagai makhluk setempat dan melahirkan konsep roh setempat.
250

Keramat digambarkan sebagai seorang tua yang mempunyai kuasa menjelma di mana-mana dan bila-bila

247 Mei Jing, op. cit, hal. 22-23.

248 Chang, op. cit, hal. 9.

249 Cheu, Akademika, op. cit, hal. 49.

250 Ibid.

251

masa. Keramat memerlukan pemujaan dari manusia.

Keramat berasal daripada roh si mati yang dihormati semasa hidupnya. Roh tersebut dipercayai menjelma dalam bentuk makhluk ghaib atau keramat.
252

Dari keterangan-keterangan tersebut dapat disimpulkan bahawa orang Cina mewarisi kepercayaan kepada benda-benda ghaib yang bermacam-macam sama ada benda-benda itu dari golongan yang disebut tuhan atau dari golongan makhluk-makhluk ghaib. Benda-benda ini diberikan pemujaan dan persembahan, kerana perbuatan seperti itu dipercayai dapat melindungkan diri seseorang daripada gangguan makhluk-makhluk tersebut.

v. Kepercayaan-Kepercayaan Yang Tersebar Di Kalangan Orang Cina.

Selain daripada kepercayaan-kepercayaan tentang ketuhanan, kehidupan semula dan makhluk-makhluk ghaib, orang Cina juga mempercayai tentang perkara-perkara tertentu. Antara kepercayaan tersebut yang tersebar di kalangan masyarakat mereka ialah sebagaimana berikut:

a. Fengshui

251 Ibid, hal. 53 dan 55.

252 Ibid, hal. 49.

Fengshui ialah ilmu mengenai kedudukan sesebuah bangunan, rumah, kedai dan kubur. Sesebuah bangunan atau rumah yang fengshuinya baik, penghuninya selamat dan aman bahagia. Begitulah sebaliknya. Sesebuah kubur yang fengshuinya baik, anak cucu si mati dapat hidup aman bahagia. Begitu juga sebaliknya.

253

Ramai orang Cina berpendapat bahawa fengshui bukanlah suatu tahayul atau agama. Ia didasarkan di atas logik dan pengetahuan geografi.

254

Pendapat tersebut disokong oleh Tan dan menambah bahawa dengan sebab itu konsep fengshui masih berpengaruh di kalangan masyarakat Cina di Malaysia.

255

Adalah dipercayai bahawa kedudukan rumah dan bentuknya boleh membawa keuntungan atau kerugian (nasib buruk) kepada penghuni atau pemiliknya. Kedudukan bangunan mestilah bersepadan dan bersesuaian (fengshui).

Antara contoh yang berhubung dengan fengshui ialah sebagaimana berikut:

253 Chang, op. cit, hal. 36.

254 Lip, Chinese Beliefs and Superstitions, op. cit, hal. 22.

255 Tan, interview, di pejabatnya di UM, pada 24.7.1990.

1. Satu baris bangunan perniagaan. Di bahagian tengah bangunan itu lebih tinggi daripada bahagian kiri dan kanannya. Maka, yang tengah itu tidak fengshui. Begitu juga, kalau bahagian yang tengah lebih rendah daripada bahagian kiri dan kanannya,
256 maka yang tengah itu tidak fengshui.

2. Bangunan perniagaan yang berhadapan dengan kuil (temple) yang besar. Bangunan itu tidak
257 fengshui.

3. Rumah yang berhadapan dengan jalan mati
258 berbentuk T. Ia tidak fengshui.

4. Rumah yang berhadapan dengan bukit. Penghuni rumah itu akan menjadi kaya bila bukit itu ditia-
259 dakan.

Seorang yang tinggal di sesuatu bangunan atau rumah yang letaknya di suatu tempat yang sesuai dengan fengshui, dia akan mendapat banyak kejayaan di dalam

256 Lip, Chinese Beliefs and Superstitions, op. cit., hal. 23-24.

257 Ibid, hal. 26.

258 Ibid, hal. 30.

259 Ibid, hal. 29.

260
hidup. Begitu juga sebaliknya.

Namun, fengshui sesebuah bangunan atau rumah boleh diubah daripada keadaan negatif kepada positif. Untuk berbuat demikian, guru-guru fengshui perlu dirujukan.
261

Mayat ditanam berdasarkan fengshui. Kubur penting bagi orang Cina. Jika kubur tidak ada fengshui, keturunan si mati itu mungkin menerima kesan-kesan yang tidak baik. Dengan itu, mengikut kepercayaan orang Cina bahawa sesebuah kubur yang fengshui baik, anak cucu si mati dapat hidup dengan aman bahagia.
262
263

Mengikut Tan bahawa di Malaysia sekarang, mayat ditanam dalam masa seminggu. Ia ditanam, sama ada hari ketiga, kelima atau ketujuh. Jika fengshui mayat kurang baik, iaitu berdasarkan kesan-kesan yang dipercayai daripadanya, orang Cina biasanya menghubungi pakar fengshui untuk mendapat nasihatnya

260 Tan, Kertas-kertas Pengajian Tionghua, op. cit. hal. 181.

261 Chang, op. cit. hal. 36.

262 Tan, Kertas-kertas Pengajian Tionghua, op. cit. hal. 181.

263 Chang, op. cit, hal. 36.

Cheu, interview, op. cit. pada 6.12.1990

264

serta mengubah sedikit bentuk kubur.

Penanaman mayat diambil berat oleh orang Cina, sebab roh nenek moyang aktif di dalam kubur. Jika roh itu tidak berpuas hati dengan tempat dan keadaan kuburnya, dia dipercayai boleh mengenakan sesuatu benda ke atas keturunannya.
265

Dari kenyataan-kenyataan tersebut dapat disimpulkan bahawa fengshui menjadi satu amalan orang Cina di Malaysia. Berdasarkan konsep ini, keamanan, kebahagiaan dan kekayaan dipercayai ada hubungan dengan fengshui rumah, bangunan, kubur dan sebaliknya.

b. Binatang Dan Ikan.

Orang Cina mempercayai bahawa sesetengah binatang dan ikan, seperti naga, singa, ikan kalui (carp), ikan emas, ikan naga emas dan sebagainya merupakan haiwan yang tinggi kedudukannya. Naga simbolik kepada kemuliaan, kekuasaan dan kebahagiaan. Orang Cina dahulu mempercayai bahawa keturunan maharaja ada kaitan dengan naga. Singa dipercayai mempunyai kuasa yang dapat menghalau segala kejahatan atau kecelakaan di sesuatu tempat. Ikan kalui, ikan emas dan ikan naga

· 264 Tan, Kertas-kertas Pengajian Tionghua, op. cit. hal. 182

265 Ibid.

emas dipercayai membawa tuah dan keuntungan, jika
 266
 dipelihara di rumah.

c. Pokok Dan Buah.

Di kalangan orang Cina, terdapat sesetengah pokok dan buah yang mempunyai keistimewaan yang tertentu. Contohnya, seperti pokok buluh dianggap oleh orang Cina mempunyai falsafah yang boleh dijadikan panduan hidup. Ia lambang semangat gigih, tidak tunduk kepada suasana iklim yang mengancam. Ia lambang kepada sifat yang jujur danikhlas. Ia juga lambang kepada sikap tidak
 267
 melampau di dalam sesuatu perbuatan.

Buah limau pula dipercayai lambang kebahagiaan. Ia amat sesuai dijadikan buah tangan pada Tahun Baru
 268
 Cina.

d. Pada Tahun Baru Cina.

Ada beberapa perkara yang dipercayai oleh orang Cina pada Tahun Baru Cina. Kepercayaan tersebut seperti pada permulaan Tahun Baru Cina, menyapu sampah di dalam

266 Chang, op. cit. hal. 24, 28, 31 dan 34.

Mei Jing, op. cit. hal. 35.

267 Ibid, hal. 35.

268 Ibid, hal. 8.

rumah dilarang. Menyapu sampah pada hari itu dipercayai menyapu segala keuntungan yang akan diperolehi oleh penghuni rumah dalam tahun baru itu. Adab tertib pada hari tahun baru sangat penting. Segala kelakuan pada hari itu dipercayai boleh mempengaruhi kehidupan seseorang sepanjang tahun. Maka perkataan-perkataan yang membawa kesedihan seperti mati, sakit, hutang dan sebagainya tidak boleh disebut. Sebaliknya perkataan-perkataan yang membawa kegembiraan seperti keuntungan, naik pangkat dan sebagainya hendaklah diucapkan.

269

Keterangan-keterangan tersebut menunjukkan bahawa orang Cina banyak mempunyai kepercayaan tradisi terhadap sesuatu benda. Kepercayaan tersebut sama ada pada sesetengah haiwan, buah, pokok, perbuatan dan sebagainya.

Sebagai kesimpulannya, orang Cina kaya dengan kepercayaan, iaitu:

1. Berhubung dengan ketuhanan, orang Cina terpengaruh dengan bentuk birokrasi yang diamalkan di dalam masyarakat mereka sehingga dengan pengaruh tersebut mereka memerlukan banyak tuhan.
2. Dari sudut akhirat, walaupun orang Cina memper-

269 Lembaga Perpaduan Negara, op. cit. hal. 24

cayainya, namun amalan mereka dalam hal keagamaan lebih disebabkan untuk kepentingan keduaniaan. Untuk itu, orang Cina memuja banyak benda ghaib, iaitu untuk menghindarkan diri dari kecelakaan.

3. Selain daripada kepercayaan dalam bentuk agama, orang Cina juga mempercayai benda-benda yang bermacam-macam. Kepercayaan tersebut sama ada sempena baik atau sempena buruk.

C. Kebudayaan Dan Adat Resam.

Dalam pengertian yang luas, kebudayaan ialah cara hidup masyarakat atau seluruh aspek pemikiran dan tingkah laku manusia yang menjadi warisan dari satu generasi ²⁷⁰ kepada generasi melalui proses pembelajaran.

Tetapi, apa yang dimaksudkan dengan kebudayaan di sini ialah dari satu aspek sahaja, iaitu dari sudut adat resam dan ikutan yang berhubung dengan perayaan, perkahwinan, kelahiran, kematian dan hubungan dengan ibu bapa, iaitu sebagaimana berikut:

i. Perayaan.

²⁷⁰ Ting Chew Peh, Konsep Asas Sosiologi, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1985, hal. 52.

Banyak perayaan yang menjadi adat kebudayaan orang Cina di Malaysia. Dalam kajian ini akan diperlihatkan secara ringkas beberapa adat perayaan yang diwarisi oleh orang Cina turun temurun. Perayaan tradisi orang Cina yang penting ialah:

1. Tahun Baru Cina.
2. Cap Goh Mei - malam kelima belas tahun baru, iaitu hari terakhir bagi perayaan tahun baru.
3. Cing Ming / Qing Ming / Cheng Beng - hari bagi orang Cina mengunjungi kubur datuk nenek.
4. Tuan Wu Cek, iaitu perayaan perahu naga untuk mengingati seorang penyair yang terkorban.
5. Perayaan Hantu, iaitu majlis kenduri dan sembahyang untuk hantu-hantu di tempat-tempat perniagaan. Ia diadakan pada bulan tujuh kalender Cina.
6. Perayaan Kuih Bulan, iaitu sambutannya dengan

271 Mei Jing, op. cit. hal. 3-28.

Chang, op. cit. hal. 16-22.

National Unity Department, Festival and Religious Occasions In Malaysia, National Unity Department, Prime Minister's Department, Kuala Lumpur, t.t., hal. 19-23.

mengadakan perarakan tanglung dan makan kuih bulan.

Tahun Baru Cina merupakan peristiwa yang paling penting bagi orang Cina. Perayaan tersebut disambut secara besar-besaran.

Orang Cina biasanya menyambut Tahun Baru Cina dengan persiapan besar-besaran pada malam tahun baru. Untuk menyambut tahun baru, setiap orang berjaga sampai jauh malam. Malam tersebut merupakan malam untuk bersyukur kepada tuhan kerana keamanan dan kebahagiaan untuk tahun yang akan datang. Malam tersebut juga merupakan malam untuk memuja nenek moyang dan berkumpul sekeluarga. Makan malam bersama keluarga pada malam tahun baru merupakan perkara yang sangat penting bagi semua orang
272
Cina.

Permainan mercun digalakkan untuk menyambut Tahun Baru Cina. Galakan tersebut bukanlah semata-mata berdasarkan warisan adat, malah berdasarkan kepercayaan
273
bahawa ia dapat menghalau hantu syaitan.

Lawat melawat digalakkan pada perayaan hari Tahun

272 Ibid. hal. 19

273 Chang, op. cit. hal. 9.

Lembaga Perpaduan Negara, op. cit. hal. 23.

274

Baru Cina. Pemberian Ang Pau juga digalakkan pada Tahun Baru Cina. Ang Pau, pada asalnya satu pemberian kepada seorang yang belum kahwin.

275

Sambutan Tahun Baru Cina berpanjangan selama 14 hari. Pada malam 15 diadakan satu perayaan menandakan berakhirnya sambutan tahun baru. Ia dikenali dengan Cap Goh Mei. Pada malam tersebut, ahli keluarga berkumpul dan makan malam bersama-sama.

276

Bagi orang Cina, hari Cheng Beng merupakan hari yang penting. Pada hari tersebut, diadakan lawatan ke kubur untuk membersihkan kawasan kubur dan memuja nenek moyang.

277

Doa kepada roh nenek moyang dibacakan dan makanan dibawa ke kubur sebagai ibadat.

278

Kenyataan-kenyataan tersebut dapat disimpulkan bahawa orang Cina mewarisi adat perayaan yang bermacam-macam. Perayaan yang paling penting sekali ialah perayaan Tahun Baru Cina yang disambut secara besar-besaran.

274 Ibid. hal. 24.

275 Chang, op. cit. hal. 15.

276 Lembaga Perpaduan Negara, op. cit. hal. 25.

Chang, op. cit. hal. 18.

277 National Unity Department, op. cit. hal. 21

278 Lembaga Perpaduan Negara, op. cit. hal. 25.

ii. Kelahiran.

Kelahiran anak merupakan satu peristiwa yang penting bagi orang Cina. Ibu yang mengandung sangat mengambil berat terhadap dirinya. Ada beberapa pantang larang diamalkan oleh orang Cina semasa ibu mengandung. Contohnya seperti perabot di dalam bilik ibu tidak boleh diubah-ubah. Memaku dinding di dalam rumah tidak dibenarkan. Ibu yang mengandung dijaga supaya tidak terperanjat, terutamanya disebabkan oleh benda-benda yang tidak baik. Pantang larang seperti ini diamalkan kira-kira dalam masa ²⁷⁹ sebulan sebelum kelahiran.

Kunjungan ke atas bayi yang baru lahir sekurang-kurangnya hendaklah selepas tiga hari dan sebaik-baiknya selepas dua belas hari. Hadiah-hadiah boleh diberikan, sama ada untuk bayi atau untuk ibunya. ²⁸⁰

Setelah anak itu cukup sebulan, biasanya diadakan satu majlis kenduri. Sahabat handai dan sanak saudara datang dengan membawa hadiah masing-masing. ²⁸¹

Berdasarkan fakta-fakta tersebut kesimpulan dapat dibuat bahawa orang Cina mempunyai beberapa pantang

²⁷⁹ Ibid, hal. 7.

²⁸⁰ Chang, op. cit. hal.46.

²⁸¹ Lembaga Perpaduan Negara, op. cit. hal. 7.

larang dan adat semasa mengandung dan selepas melahirkan anak. Penjagaan pantang larang dan adat itu untuk menjamin anak dan ibu berada di dalam selamat dan bahagia.

iii. Perkahwinan.

Di antara peristiwa yang penting bagi orang Cina ialah perkahwinan. Mengikut adat perkahwinan orang Cina, setelah persetujuan di antara kedua belah pihak (lelaki dan perempuan) dicapai, maka cincin pertunangan untuk perempuan dan lelaki diadakan. Namun ada seseorang orang Cina yang tidak berbuat demikian. Selepas istiadat tersebut, diadakan pula majlis hantaran ²⁸² belanja dari pihak lelaki.

Orang Cina biasanya mengadakan majlis perkahwinan pada bulan empat, lapan dan sepuluh (mengikut kalendar Cina). Bulan yang paling digemari oleh orang Cina ialah bulan lapan. Adapun bulan yang tidak baik diadakan perkahwinan ialah bulan tujuh, kerana, sepanjang ²⁸³ bulan tersebut diadakan jamuan untuk hantu.

Apabila hari perkahwinan ditetapkan, kedua-dua bakal pengantin mengedarkan jemputan kepada sanak

²⁸² Chang, op. cit. hal. 38.

²⁸³ Ibid. hal. 45.

saudara dan sahabat handai ke majlis perkahwinan. Hadiah dari saudara mara dan sahabat handai elok-
lah dihantar sebelum hari perkahwinan.²⁸⁴

Pada hari perkahwinan, pengantin lelaki tiba di rumah pengantin perempuan yang disambut dengan penuh adat. Selepas itu, pengantin lelaki akan membawa balik pengantin perempuan ke rumahnya. Selepas itu satu majlis perkahwinan diadakan.²⁸⁵

Tamu yang datang ke majlis perkahwinan eloklah memakai pakaian yang cantik berwarna cerah. Tamu hendaklah mengelak dari memakai pakaian yang berwarna hitam, kelabu atau seumpamanya. Tamu janganlah menyebut perkataan-perkataan sedih di majlis perkahwinan. Kalau hendak diberikan hadiah kepada pengantin, eloklah dibungkus di dalam kertas yang berwarna merah. Warna merah bagi orang Cina bererti baik dan gembira.²⁸⁶

Chang telah menyebut beberapa pantang larang perkahwinan, antaranya ialah:²⁸⁷

284 Ibid. hal. 39-40

285 Ibid. hal. 42-44.

286 Lembaga Perpaduan Negara, op. cit. hal. 10-11

287 Chang, op. cit. hal. 45

a. Orang yang sedang berkabung tidak akan dijemput ke majlis perkahwinan.

b. Majlis perkahwinan tidak dapat diadakan dalam masa tiga tahun, jika berlaku sesuatu kematian di dalam keluarga itu. Jika terdesak, bolehlah dilakukannya secara ringkas dalam tempoh selepas 100 hari.

c. Pinggan mangkuk dijaga dengan rapi pada hari perkahwinan, supaya ia tidak pecah.

d. Kereta yang datang untuk menyambut pengantin perempuan jangan dibiarkan kosong. Kereta itu hendaklah ada penumpang, walaupun seorang.

Dari keterangan-keterangan tersebut dapat disimpulkan bahawa orang Cina kaya dengan adat dan pantang-larang perkahwinan. Pihak-pihak yang berkenaan perlu mengikutinya, kerana ia dipercayai boleh membawa kesempurnaan di dalam sesuatu perkahwinan.

iv. Kematian.

Setelah seseorang itu meninggal, mayat dimandikan, kemudian dipakai dengan tujuh lapis pakaian. Mayat tersebut diletakkan di ruang tamu. Selepas tatapan terakhir anak cucunya, mayat dimasukkan ke dalam keran-

da untuk menunggu hari pengkebumian atau pembakaran. Mayat ditunggu selama tiga hari, lima hari atau tujuh hari. Tetapi biasanya ia ditunggu selama tiga hari.

288

Jika mayat itu meninggal di luar rumah, ia tidak dimasukkan ke dalam rumah. Mayat itu biasanya dibawa ke tempat khas pengurusan mayat.

289

Semasa di rumah atau di tempat khas pengurusan mayat, pelawat-pelawat dibenarkan melawat. Pelawat-pelawat seharusnya tidak memakai pakaian yang berwarna-warni. Sebaik-baik warna pakaian semasa melawat ialah 290 warna muram.

Selepas melawat mayat, pelawat-pelawat membasuh muka, tangan dan kaki terlebih dahulu sebelum masuk ke rumah. Ada juga yang mandi dan membasuh rambut. Selepas melawat mayat, pelawat tidak elok menziarahi rumah lain, sebelum dia membersihkan tubuh badannya.

291

Pengkebumian mayat adalah penting bagi orang Cina. Mayat hendaklah dipakai dengan pakaian sepadan, diletakkan di tempat yang betul di dalam lahad dan di

288 Ibid. hal. 49 dan 51

289 Ibid. hal. 49.

290 Lembaga Perpaduan Negara, op. cit. hal. 15.

291 Chang, op. cit. hal. 51

292

kawasan tanah yang baik. Abu mayat yang dibakar disimpan di rumah pemujaan atau di tempat-tempat yang
 293
 dikhaskan.

Kenduri arwah diadakan pada-hari-hari tertentu, seperti hari ketujuh dan keempat puluh sembilan. Upacara membaca doa untuk membawa roh si mati ke syurga juga diadakan. Persembahan yang paling penting untuk tujuan
 294
 tersebut ialah sebuah rumah kertas.

Chang telah menyebut beberapa pantang larang
 295
 kematian seperti:

a. Mayat pantang dilompat oleh kucing betina yang bunting. Kalau terjadi demikian, mayat itu akan bangun menangkap orang.

b. Ibu dan bayi di dalam pantang, iaitu dalam masa sebelum sebulan setelah bersalin tidak boleh menghadiri upacara pengebumian.

c. Keranda yang diusung keluar dari rumah jangan

292 Lee op. cit. hal. 55

293 Chang, op. cit. hal. 55

. 294 Ibid.

295 Chang, op. cit. hal. 56

terlanggar pintu. Kalau tidak, ahli keluarga si mati akan berada di dalam ketakutan.

Dari kenyataan-kenyataan tersebut dapat disimpulkan bahawa kematian merupakan satu peristiwa yang penting bagi orang Cina. Mayat dijaga dengan baik dan beberapa pantang larang hendaklah diikuti, supaya mayat itu selamat sampai ke syurga dan anak cucunya yang masih hidup berada di dalam aman.

v. Ibu Bapa.

Ibu bapa sangat penting di dalam masyarakat Cina. Kelompok kecil dalam masyarakat Cina yang diketuai oleh ibu bapa merupakan faktor yang terpenting menentukan cara berfikir kebanyakan orang Cina. Cara hidup hari-hari, seperti keperluan kepada pekerti yang baik terhadap ibu bapa dan menjaga kehormatan mereka berdua ditentukan oleh peraturan berkeluarga.

296

Cheu berpendapat bahawa orang Cina mementingkan kehendak-kehendak kebendaan dalam konteks hidup mereka sehari-hari. Penganut agama Cina lebih cenderung kepada keselamatan dan kebahagiaan di dunia ini. Dengan itu, orang Cina kurang mengambil tahu tentang ajaran

297
agama.

Wang pula berpendapat bahawa usaha mencari kekayaan dan kedudukan di dalam masyarakat semata-mata bukan dari ajaran asal falsafah orang-orang Cina. Ahli-ahli falsafah Cina tidak mengajar demikian. Yang diajar ialah kewajipan anak mentaati ibu bapa dan keluarga. Namun penghormatan kepada ibu bapa memberi kesan di dalam kehidupan seseorang, iaitu untuk mencapai kejayaan sepenuhnya. Ini kerana kejayaan di dalam hidup dikira sebagai satu macam penghormatan kepada kedua ibu bapa, kerana ini senang dinilai bagi kebanyakan orang.
298
Itulah sebabnya orang Cina mengejar keduniaaan.

Dari kenyataan-kenyataan tersebut dapat disimpulkan bahawa peranan ibu bapa amat besar bagi masyarakat Cina. Ibu bapa pencorak pemikiran masyarakat. Dari sini timbulah keinginan anak-anak untuk membalas jasa ibu bapa dengan kejayaan di dalam kehidupan di dunia ini.

Orang Cina kaya dengan warisan. Walaupun beberapa generasi berlalu, tetapi kebanyakan adat kebudayaan masih banyak yang tidak hilang. Peristiwa-peristiwa tertentu di dalam hidup mereka disambut dengan cara-

297 Cheu, Jurnal Antropologi dan Sosiologi, op. cit., hal. 109.

298 Wang, op. cit. hal. 21.

cara yang diwarisi turun temurun. Walaupun ada adat kebudayaan orang Cina yang telah ditinggalkan, namun masih banyak yang diamalkan sampai sekarang. Adat kebudayaan ini, pada keseluruhannya amat sukar untuk ditinggalkan oleh orang Cina.

D. Perwatakan.

Adalah satu perkara yang sukar untuk menentu perwatakan orang Cina, terutamanya dengan berlakunya perubahan-perubahan di dalam masyarakat dengan kadar yang begitu pesat, sehingga dengan itu, keaslian perwatakan orang Cina tidak dapat dilihat dengan jelas.

Tan menjelaskan bahawa perwatakan orang Cina sekarang amat susah untuk ditentukan. Orang Cina telah berubah di antara satu tempat dengan tempat yang lain.
299

Pendapat tersebut sama dengan pendapat Cheu yang mengatakan bahawa untuk mengenali watak orang Cina sekarang agak sulit. Keadaannya berbeza-beza antara satu sama lain. Ke mana mereka pergi, mereka membawa

299 Tan, interview, di pejabatnya di UM, pada 2.8.1990.

300
identiti mereka sendiri.

Dalam kajian ini akan diperlihatkan secara ringkas watak orang Cina yang asal yang boleh dijadikan satu identiti orang Cina.

i. Watak Positif:

J.D. Vaughan menjelaskan bahawa orang Cina itu tenang, tekun, rajin, perumahtangga, disiplin, bijak, mahir jujur dan tekun di dalam perniagaan. Mereka hormat kepada orang yang lebih senior daripada mereka, berkhidmat kepada keluarga, sopan di dalam pergaulan sesama mereka, kasih sayang dan mereka mudah diurus.

301

Chan Teck Chan menjelaskan bahawa konsep sosial orang Cina menitikberatkan soal pertalian kemanusiaan dan kemasyarakatan. Ia juga menitikberatkan soal perikemanusiaan yang diasaskan di atas dasar Ren (kebaikan) dan Yi (kejujuran). Dasar tersebut melahirkan perwatakan orang Cina yang bersifat bahawa kita di dunia ini semuanya sekeluarga. Namun tidak dinafikan bahawa perwatakan asal tersebut mengalami perubahan di kala-

300 Cheu, interview, di pejabatnya di UKM, pada 27.7.1990.

301 J.D.Vaughan, The Manners and Customs of the Chinese of the Straits Settlements, Oxford University Press, Singapore, 1985, hal. 43.

302
ngan orang Cina di Malaysia sekarang.

Wang menjelaskan bahawa orang Cina dipandu oleh konsep Chung (pertengahan). Ini bererti bahawa dalam praktik hari-hari, orang Cina lebih suka mengambil jalan sederhana dan bersabar daripada mengambil jalan yang melampau di dalam menyelesaikan masalah mereka. Mereka lebih suka kepada cara bertolak ansur dan ber-
303
runding daripada cara kekerasan. Di samping itu, orang Cina yang berpegang dengan konsep Chung akan melahirkan watak taat setia, sebab taat setia merupakan
304
cita-cita dari konsep Chung.

Lee menerangkan bahawa sopan santun di dalam percakapan sudah menjadi darah daging orang Cina. Dengan yang demikian, bererti bahawa bangsa Cina merupakan satu bangsa yang bersopan santun. Sifat tersebut lahir dari tabiat semula jadi, bukan dari satu usaha
305
atau suatu pencapaian.

Di dalam pergaulan, seperti pergaulan melayan tamu, menjadi tuntutan budi bahasa pergaulan orang Cina

302 Chan Teck Chan, Dilema Pembinaan Negara Malaysia - Tanah Air Tumpah Darahku, Publication Melaka, Chan Teck Chan, 1982, hal. 68-69.

303 Wang, op. cit. hal. 13.

304 Ibid, hal. 15.

305 Lee, op. cit. hal. 252.

supaya tuan rumah menerima tamu di pintu. Bila tamu mahu keluar dia hendaklah mengiringinya pula sampai ke pintu. Tamu tidak akan minum terus sesuatu minuman yang dihidangkan sebaik sahaja dipelawa kali pertama. Walau-pun dahaga, tamu akan meminumnya setelah beberapa kali dipelawa dan didesak supaya berbuat demikian. Kalau pun tidak dipelawa demikian, tamu akhirnya akan meminumnya apabila tiba masa dia beredar dari rumah.

306

Dari fakta-fakta tersebut dapat disimpulkan bahawa warisan orang Cina itu merupakan satu masyarakat yang berwatak dan berperibadi tinggi. Gigih dan jujur di dalam pekerjaan, sopan, bertolak ansur dan hormat kepada orang lain di dalam pergaulan mereka dan lain-lain sifat yang baik menjadi watak asal orang Cina.

ii. Watak Negatif:

Di samping memiliki watak yang baik, orang Cina juga memiliki watak yang buruk.

Vaughan menjelaskan bahawa orang Cina itu sompong, megah, suka berbangga, tipu muslihat, khianat, tidak ada belas kasihan, suka membala dendam, pengecut, zalim dan tidak benar.

307

306 Ibid.

307 Vaughan, loc. cit.

Chew Hock Thye menerangkan bahawa orang Cina suka berjudi. Judi telah mendarah daging dengan orang Cina. Orang Cina yang lemah di dalam kepercayaan agama merupakan kumpulan etnik yang paling ghairah melakukan judi.

Sejarah judi bagi orang Cina merupakan satu sejarah yang terlalu awal. Judi di Kuala Lumpur tercatat dalam sejarah awalnya, iaitu tahun 1880 Yap Ah Loy telah membina satu dewan judi yang besar.

Ketika menyambut Tahun Baru Cina, judi dan arak diberi peruntukan di dalam perbelanjaan menyambut tahun baru. Golongan yang berkeluarga telah memperuntukkan sebanyak 25.8 peratus daripada perbelanjaan menyambut tahun baru untuk judi dan arak. Bagi orang bujang pula memperuntukkan 6.2 peratus untuk berjudi dan 4.1 peratus untuk arak.

308 Chew Hock Thye, "Perlunya Kempen Anti Judi", Utusan Melayu, 19 Sept., 1989, hal. 4.

309 The Malaysian Historical Society, "Community Leader in Early Kuala Lumpur", Malaysia in History: Early Kuala Lumpur, The Malaysian Historical Society, Vol. XIV No. 2 April 1972, hal. 10.

310 Soal selidik yang dilakukan oleh Berita Harian ke atas 100 orang responden, di Kuala Lumpur. Responden dibahagikan kepada dua kumpulan; berkeluarga dan tidak berkeluarga. Airy Lim dkk, "Berbelanja besar untuk angpau", Berita Harian, 6 Feb. 1989, hal. 17.

Keterangan-keterangan tersebut menunjukkan bahawa orang Cina juga memiliki watak buruk seperti khianat, bohong, menipu, sompong dan sebagainya, di samping suka kepada judi. Dari sini dapat dilihat bahawa orang Cina memiliki dua watak yang berbeza; watak baik dan watak buruk.

Berdasarkan keterangan-keterangan yang telah dijelaskan, satu kesimpulan dapat dibuat, iaitu:

1. Orang Cina mengejar penghidupan yang baik. Perpindahan mereka dari negeri China ke Malaysia pada peringkat mula-mula adalah untuk tujuan tersebut.
2. Kepercayaan agama di kalangan orang Cina lebih didorong oleh suasana hidup. Pemikiran asas di dalam agama diselaraskan dengan pemikiran suasana kehidupan, contohnya soal ketuhanan. Dengan itu, kepentingan keduniaan di dalam beragama dilebihkan. Adapun soal-soal akhirat diabaikan. Kecuali setelah seseorang itu meninggal dunia, maka orang hidup yang ada kaitan dengannya cuba melakukan sesuatu untuk membahagiakan si mati.
3. Orang Cina kaya dengan kepercayaan-kepercayaan tahayul yang sukar untuk difahami oleh orang

sekarang. Kehidupan mereka banyak diikat oleh kepercayaan tersebut.

4. Orang Cina juga kaya dengan kebudayaan dan adat resam yang turun temurun. Walaupun telah banyak adat resam mereka telah ditinggalkan, kerana penyesuaian setempat, namun masih banyak adat resam yang masih dipegang sampai sekarang.
5. Orang Cina merupakan satu bangsa yang bermarauh, kerana banyak sifat baik terdapat pada mereka. Tetapi, mereka juga mengamalkan beberapa sifat buruk yang boleh merosakkan kehidupan mereka.